



# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
DAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BERHAD [HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT  
CORPORATION (HRD CORP)]  
(DR.17/2024)



(DR.48/2024)






#### **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15**

- |   |  |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah]      | <i>-Pengerusi</i>                                    |
| 2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]                     | <i>-Naib Pengerusi</i>                               |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]                         |  |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]                  |  |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]                  |  |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]                     |  |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]                        |  |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]                   |  |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]           |  |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]                     |  |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] |  |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]                    |  |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]                        |  |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]                        |  |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin                   | <i>-Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

#### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC**

##### **(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



**MUKA SURAT 2**

**PENDAHULUAN**

**MUKA SURAT 2 - 6**

**LATAR BELAKANG**

**MUKA SURAT 7 - 21**


**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI  
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

**MUKA SURAT 21**

**PENUTUP**

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**KANDUNGAN**



**LAPORAN TINDAKAN  
SUSULAN BERHUBUNG  
PENGURUSAN DANA  
LATIHAN PEMBANGUNAN  
SUMBER MANUSIA  
BERHAD [HUMAN  
RESOURCES  
DEVELOPMENT  
CORPORATION (HRD  
CORP)]**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN  
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN**

**BERHUBUNG**

**PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM  
LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD [HUMAN  
RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)]**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIADAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan syarikat Jaminan Kerajaan (CLBG) di bawah kelolaan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan tertakluk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001 (Akta PSMB 2001).
- 1.2 Di bawah peruntukan undang-undang di bawah Akta PSMB 2001, HRD Corp turut diberi kuasa mengutip levi daripada pihak majikan. Ini bertujuan untuk menggalakkan pihak majikan supaya turut terlibat dengan pembangunan kompetensi pekerja serta lebih proaktif menjalankan latihan bagi peningkatan tenaga kerja mahir sesebuah organisasi.
- 1.3 Berdasarkan penyata kewangan sehingga 31 Disember 2023, HRD Corp bertanggungjawab terhadap wang amanah (levi yang dikutip daripada majikan dan dijadikan wang amanah untuk dana latihan sejak tahun 1993) berjumlah RM3.564 bilion meningkat daripada RM2.986 bilion pada tahun 2022.
- 1.4 Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parliment telah membincangkan isu ini dalam 10 Prosiding yang bermula pada 23 Oktober 2023 sehingga 12 Mac 2024 bertujuan untuk mengkaji dan meneliti pengurusan dana latihan dan keberkesanan program latihan HRD Corp bagi memastikan dana dan peruntukan Kerajaan diurus dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, program-program serta latihan yang diadakan HRD Corp turut diteliti bagi memastikan dana dan peruntukan yang diberi bagi tujuan-tujuan pemantapan kompetensi dan tenaga mahir negara adalah bertepatan dengan keperluan majikan serta arus industri dan ekonomi semasa.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Laporan PAC Parliment berhubung Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)] (DR.17/2024) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 Julai 2024.
- 2.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan **11 syor** yang perlu diambil tindakan oleh KESUMA dan HRD Corp iaitu:

- i. Memandangkan HRD Corp telah berkembang sejak penubuhannya, maka KESUMA perlu mengkaji semula keperluan untuk dijadikan sebagai badan berkanun bagi memastikan tadbir urus yang lebih baik dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
- ii. ALP HRD Corp perlu mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised levy* untuk memastikan kepentingan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dipelihara. HRD Corp perlu mengambil langkah proaktif mencari alternatif bagi PKS untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised levy*.
- iii. KESUMA perlu mengkaji semula dan meminda Akta PSMB 2001 supaya wakil Bank Negara Malaysia (BNM) tidak perlu dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan lagi memandangkan BNM berpendapat bahawa perkara ini bercanggah dengan peranan BNM sebagai pengawal selia (*regulator*).
- iv. HRD Corp harus menumpu dengan lebih proaktif kepada *disbursement of training funds* untuk memastikan pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui program-program latihan yang lebih menyeluruh serta tertumpu dan tidak hanya bersifat generik.
- v. HRD Corp perlu memastikan setiap aktiviti pelaburan dipantau oleh panel pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) HRD Corp dengan lebih telus dan teratur. Panel pelaburan wajib melaporkan aktiviti pelaburan kepada Lembaga Pengarah apabila diminta seperti yang termaktub dalam Akta PSMB 2001 dan bukan hanya kepada Pengurus ALP.
- vi. HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *Limits of Authority* (LOA) dan SOP, supaya terdapat satu proses piawaian prosedur yang konsisten dan memastikan pelaksanaannya dipatuhi sepenuhnya.
- vii. KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik keberkesaanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada program-program di bawah geran Kerajaan. Ia harus juga mengambil kira segala aduan dalam pelaksanaan program tersebut. Laporan forensik tersebut perlu dilaporkan semula kepada PAC.

- viii. **KESUMA perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga dan juga program-program yang dilaksanakan serta mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-undang KESUMA sekiranya perlu.**
- ix. **KESUMA dan HRD Corp perlu menambah baik tatakelola syarikat berlandaskan laporan “Governance Framework Review” tahun 2018, yang telah dihasilkan oleh Tetuan Ernst & Young.**
- x. **Khusus bagi HRD Corp, jawatan Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat haruslah individu yang berlainan untuk memastikan tanggungjawab berkaitan dapat dijalankan dengan sebaiknya.**
- xi. **KESUMA perlu mengkaji semula kuasa KE HRD Corp khususnya peranan Ketua Eksekutif (KE) dalam Lembaga Pengarah serta Panel Pelaburan dan sekiranya perlu, membuat pindaan terhadap Akta PSMB 2001.**
- 2.3 Berdasarkan punca kuasa Arahan Perbendaharaan (AP) 12 dan Pekeliling Am No.1 (2024) – Jabatan Perdana Menteri (JPM), tindakan susulan perlu diambil oleh KESUMA dan HRD Corp selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 2.4 KESUMA dan HRD Corp telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis terhadap Syor-syor PAC pada 9 Ogos 2024.
- 2.5 Berikut itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)] pada 23 Oktober 2024 dan 20 November 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:
- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
  - ii. Perkara 12, Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
  - iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
- 2.6 Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil KESUMA/HRD Corp terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad


*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)*

[Human Resource Development Corporation (HRD Corp)] (DR.17/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	4 Julai 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlmen di Dewan Rakyat
2.	9 Ogos 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim – Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)] (DR.17/2024) telah dikemukakan..
3.	23 Oktober 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad – Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)] (DR.17/2024) telah dikemukakan..
4.	23 Oktober 2024/ 11.30 pagi	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlmen bagi Laporan PAC Parlmen (DR. 17/2024)</p> <p>Saksi:</p> <p><b>Kementerian Sumber Manusia (KESUMA):</b> Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha.</p> <p><b>Human Resource Development Corporation (HRD Corp):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Datuk Wira Shahul Hameed Bin Shaik Dawood, Ketua Eksekutif;</li> <li>ii. Encik Mohamad Farizul Bin Yahaya, Ketua Pegawai Kewangan; dan</li> <li>iii. Puan Merle Fernandez, Ketua Pegawai Undang-undang &amp; Setiausaha Syarikat, HRD Corp</li> </ul>
5.	20 November 2024/ 12.00 Tengahari	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlmen bagi Laporan PAC Parlmen (DR. 17/2024)</p> <p>Saksi:</p> <p><b>Kementerian Sumber Manusia (KESUMA):</b> Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha.</p> <p><b>Human Resource Development Corporation (HRD Corp):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Datuk Wira Shahul Hameed Bin Shaik Dawood, Ketua Eksekutif;</li> <li>ii. Encik Mohamad Farizul Bin Yahaya, Ketua Pegawai Kewangan; dan</li> <li>iii. Puan Merle Fernandez, Ketua Pegawai Undang-undang &amp; Setiausaha Syarikat, HRD Corp</li> </ul>

- 2.7 Semasa prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 17/2024) pada 20 November 2024, KESUMA dan HRD Corp telah diminta untuk mengemukakan maklumat dan dokumen tambahan kepada PAC dalam tempoh satu (1) minggu daripada tarikh prosiding diadakan.** Maklumat dan dokumen tambahan yang diperlukan adalah seperti berikut:
- i. Maklum balas semula bagi syor PAC (vii);
  - ii. *Terms of Reference* (TOR) bagi lantikan perunding bebas dan maklumat syarikat yang dilantik;
  - iii. Pembetulan fakta berdasarkan kepada dapatan daripada Jabatan Audit Negara (JAN) pada *slide* pembentangan no. 14;
  - iv. Data bagi soal selidik majikan yang berpuas hati mengikut negeri;
  - v. Jumlah dan peratusan kutipan levi yang dikutip mengikut sektor; dan
  - vi. Keputusan baharu bagi pelaksanaan syor PAC (x).

**PAC hanya menerima enam (6) maklumat tambahan pada 3 Disember 2024.**



**TINDAKAN SUSULAN BAGI  
SYOR-SYOR PAC  
(DR.17/2024)**

**3. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 17/2024)**

**3.1 Syor PAC (i): Memandangkan HRD Corp telah berkembang sejak penubuhannya, maka KESUMA perlu mengkaji semula keperluan untuk dijadikan sebagai badan berkanun bagi memastikan tadbir urus yang lebih baik dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).**

**Maklum balas KESUMA:**

- 3.1.1 KESUMA komited untuk menambah baik pengurusan dan tatakelola HRD Corp supaya ditadbir urus dengan lebih baik dalam pengurusan dana latihan dan program-program latihan.
- 3.1.2 HRD Corp pada masa ini bukan sebuah badan berkanun tetapi merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG). HRD Corp tidak melaporkan Laporan Penyata Kewangan Tahunan kepada MOF atau AGC tetapi melaporkan kepada Menteri Sumber Manusia. Di bawah Seksyen 50, Akta PSMB 2001, kuasa diberi kepada Menteri untuk memberikan arahan kepada HRD Corp selaras dengan peruntukan Akta tersebut. HRD Corp juga tidak menerima sebarang pembiayaan daripada Kerajaan bagi tujuan operasi dan tindakan menjadikan HRD Corp kepada Badan Berkanun akan meningkatkan beban kewangan kerajaan.
- 3.1.3 Untuk itu, KESUMA akan mengkaji syor PAC sama ada HRD Corp sesuai untuk dijadikan agensi Badan Berkanun dengan meneliti secara terperinci kesan pelaksanaannya dari sudut kewangan, perjawatan, perundangan dan objektif asal penubuhan HRD Corp.
- 3.1.4 KESUMA telah mengadakan perbincangan lanjut pada 18 Oktober 2024 bersama dengan agensi-agensi berikut:
- a. Kementerian Kewangan (MOF);
  - b. Jabatan Peguam Negara (AGC) (diwakili oleh Penasihat Undang-undang Kementerian);
  - c. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
  - d. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 3.1.5 Pada masa ini, pihak MOF berpegang pada dasar untuk tidak menambah bilangan Badan Berkanun. MOF berpendapat bahawa memandangkan HRD

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIADAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)**

Corp ditubuhkan di bawah Akta PSMB 2001, adalah lebih efektif untuk akta tersebut diperkemaskan berbanding dengan cadangan untuk menukar status HRD Corp dari CLBG kepada Badan Berkanun. Walau bagaimanapun, MOF tiada sebarang halangan untuk menukar status HRD Corp kepada Badan Berkanun jika Kerajaan berhasrat untuk ketetapan berikut.

- 3.1.6 Menurut JPA, tindakan menukar status HRD Corp dari CLBG kepada Badan Berkanun akan melibatkan implikasi perjawatan terhadap kakitangan HRD Corp di mana mereka akan diserap menjadi penjawat awam. Pada masa yang sama, perkara ini akan memberi impak kepada kerajaan dari segi kos dan saiz perjawatan Perkhidmatan Awam. Perkara ini tidak bertepatan dengan Pekeliling. Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam (PB.3.1) di mana tiada pertambahan baharu dalam perjawatan. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu juga untuk penukaran status HRD Corp kepada Badan Berkanun, ia boleh dipertimbangkan kepada Badan Berkanun Diasingkan Saran.
- 3.1.7 SSM memaklumkan bahawa sekiranya HRD Corp ditukar status ke Badan Berkanun, HRD Corp perlu membuat resolusi untuk menutup syarikat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersetuju dengan sukarela untuk menggulingkan syarikat. HRD Corp perlu mengisyiharkan harta dan aset syarikat untuk dipindahkan kepada Badan Berkanun yang baharu mengikut proses yang akan dibantu oleh SSM. HRD Corp juga perlu menghantar Laporan Kewangan Diaudit kepada SSM.
- 3.1.8 AGC berpandangan bahawa pindaan kepada Akta 612 memerlukan keputusan dasar bagi cadangan penukaran status HRD Corp kepada Badan Berkanun. Proses penyediaan draf RUU bagi pindaan Akta oleh agensi/syarikat dan KESUMA, semakan dan kelulusan draf oleh Jabatan Peguam Negara serta pembentangan pindaan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara (tempoh terdekat adalah pada sesi Feb/Mac 2025) dijangka akan mengambil masa selama enam (6) bulan.

**Ulasan PAC:**

PAC memandang serius terhadap isu ini kerana melalui perluasan Akta PSMB 2001 pada 1 Mac 2021, kenaan levi telah diwajibkan kepada semua sektor industri dan menjadikan jumlah kutipan levi tersebut adalah kian meningkat setiap tahun. PAC juga amat prihatin terhadap kawalan dan tadbir urus yang baik dalam pengurusan HRD Corp.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIADAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)**

Justeru itu dalam memastikan HRD Corp terus melaksanakan mandat yang telah dipertanggungjawabkan dengan telus dan efektif, pengawasan dan pemantauan KESUMA amatlah diperlukan.

PAC turut mendapatkan maklum balas MOF mengenai isu ini. MOF dalam surat kepada PAC bertarikh 29 November 2024 telah memberikan ulasan dan penjelasan seperti berikut:

*“MOF tiada halangan akan pandangan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar Kerajaan mengkaji keperluan untuk menjadikan PSMB sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BBP). Namun begitu, BBP yang ditubuhkan tersebut hendaklah tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan. Dalam konteks ini, PSMB boleh dijadikan sebagai sebuah BBP di dalam kategori Badan Berkanun yang Diasingkan Saran dan Dibebaskan. Dengan yang demikian PSMB akan tertakluk kepada Akta 240 iaitu hendaklah membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) kepada pihak Parliment setiap tahun.”*

Berdasarkan ulasan tersebut, KESUMA hendaklah lebih komited dalam melaksanakan kajian mengenai pertukaran status HRD Corp daripada CLBG kepada Badan Berkanun dengan melihat dan merujuk kepada model-model yang terbaik seperti PERKESO yang juga merupakan badan berkanun di bawah seliaan KESUMA.

Oleh yang demikian, PAC amat berharap supaya KESUMA dapat melihat isu ini dengan sikap yang lebih terbuka untuk meneruskan dan berusaha dalam menjadikan HRD Corp sebagai sebuah badan berkanun.

**3.2 Syor PAC (ii): Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp perlu mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised levy* untuk memastikan kepentingan PKS dipelihara. HRD Corp perlu mengambil langkah proaktif mencari alternatif bagi PKS untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised levy*.**

**Maklum balas HRD Corp:**

**3.2.1 Mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised levy* untuk memastikan kepentingan PKS dipelihara:**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)**

- a) HRD Corp sedang dalam proses mengkaji semula SOP yang sedia ada bagi kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised* levi untuk memastikan kepentingan PKS dipelihara.
  - i. Bagi perkara levi yang tidak dituntut dalam tempoh 2 tahun: Mengkaji semula jumlah minimum RM10,000 baki levi majikan ke satu nilai yang bersesuaian. Ini melibatkan SOP PSMB/SOP11/04 - *Forfeiture Of Levy Under Section 25 of The PSMB Act 2001*.
  - ii. Bagi perkara penutupan operasi dan pembatalan pendaftaran majikan: Amalan adalah berdasarkan kepada proses sedia ada SOP PSMB/SOP1/04 - Prosedur Pemberhentian Sebagai Majikan.
- b) SOP yang akan dikaji semula kemudiannya akan diangkat kepada Jawatankuasa Pengurusan Kanan dan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan seperti Carta 1 di bawah.
- c) Pelaksanaan kadar baru jumlah minimum levi yang tidak dituntut tertakluk kepada libat urus bersama industri dan majikan; dapatan hasil kajian; serta kertas cadangan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kanan, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi KESUMA.

**Carta 1: Proses Kerja Pindaan Akta PSMB 2001**



*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN  
PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
[HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION (HRD CORP)] (DR.17/2024)*

3.2.2 Mengambil langkah proaktif bagi mencari alternatif bagi PKS untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised levy*:

- Melaksanakan pelbagai sesi libat urus yang proaktif kepada majikan seperti dalam Jadual 1, untuk memastikan pengagihan dana latihan berlaku dengan lebih efisien.
- Mengkaji lebih banyak alternatif bagi Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised levy*.

**JADUAL 1 : SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH**

No.	Jenis	Kekerapan (Setakat September 2024)
1.	<i>Training Preview Session / TVET Partnership</i>	46 sesi
2.	<i>Regional Seminar Series</i>	3 sesi
3	<i>Industry Expert Circle</i>	34 sesi
4.	<i>Industry Focus Group / Networking</i>	640 sesi
5.	<i>Grant, Levy, Claim Clinic</i>	834 sesi
6.	<i>Industry With Community Engagement</i>	169 sesi
7.	<i>Regional. - Industry Dialogue</i>	163 sesi
8.	<i>SME Enrichment Series</i>	108 sesi
9.	<i>Regional Collaboration Programme</i>	115 sesi
10.	<i>Premium Employer Engagement</i>	1,196 sesi
JUMLAH		<b>3,308 sesi</b>

- Pelaksanaan sesi libat urus ini telah meningkatkan keterlibatan majikan PKS dalam menghantar pekerja mereka ke latihan peningkatan kemahiran berbanding tahun sebelumnya seperti dalam Jadual 2 di bawah:

**JADUAL 2: PENINGKATAN KADAR PENGLIBATAN MAJIKAN PKS  
DALAM LATIHAN KEMAHIRAN**

Tahun	Bilangan Tempat Latihan	Peratus Peningkatan	Bantuan Kewangan Diluluskan (RM Juta)	Peratus Peningkatan
2024	858,603	32%	660.44	35%
2023	648,616		487.77	

**Ulasan PAC:**

PAC masih berpendangan bahawa mengkategorikan levi yang tidak digunakan dalam tempoh dua (2) tahun kepada *unutilised levy* merupakan satu tempoh yang terlalu singkat dan tidak menjaga kepentingan PKS.

PAC mahu KESUMA dan HRD Corp mengkaji semula takrifan *unutilised levy* dengan lebih jelas bagi mengelakkan wang *unutilised levy* terkumpul yang begitu besar ini digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan asal.

Justeru itu, HRD Corp dan/melalui Lembaga Pengarah HRD Corp disarankan supaya lebih komited dalam usaha untuk mengkaji semula tempoh dua (2) tahun tersebut demi menjaga kepentingan PKS dipelihara. Selain itu, KESUMA dan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp hendaklah memastikan levi yang telah dikategorikan sebagai *unutilised levy* benar-benar digunakan mengikut maksud yang telah ditetapkan dan bermanfaat kepada golongan sasar.

- 3.3 **Syor PAC (iii): KESUMA perlu mengkaji semula dan meminda Akta PSMB 2001 supaya wakil BNM tidak perlu dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan lagi memandangkan BNM berpendapat bahawa perkara ini bercanggah dengan peranan BNM sebagai pengawal selia (*regulator*).**

**Maklum balas KESUMA:**

- 3.3.1 KESUMA dengan kerjasama HRD Corp akan mengkaji semula keseluruhan Akta PSMB 2001 bagi memastikan kerelevanannya undang-undang sedia ada selaras dengan keperluan semasa. Kajian ini akan turut meminda peruntukan wakil BNM sebagai Ahli Panel Pelaburan yang tidak lagi perlu dilantik.

- 3.3.2 KESUMA akan mengambil tindakan mengkaji kesemua akta yang ada di bawah Kementerian termasuk Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612).

**Ulasan PAC:**

KESUMA dan HRD Corp perlu segera meminda Akta PSMB 2001 dengan mengeluarkan wakil BNM sebagai ahli panel pelaburan HRD Corp. Ini adalah berdasarkan surat pengunduran wakil BNM dalam panel pelaburan HRD Corp pada tahun 2010.

- 3.4 Syor PAC (iv): HRD Corp harus menumpu dengan lebih proaktif kepada *disbursement of training funds* untuk memastikan pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui program-program latihan yang lebih menyeluruh serta tertumpu dan tidak hanya bersifat generik.**

**Maklum balas HRD Corp:**

- 3.4.1 Menyahut syor yang dikemukakan oleh PAC dan tindakan telah diambil menerusi usaha lebih proaktif kepada *disbursement of training funds*.
- Mengadakan libat urus bersama pihak industri, kesatuan sekerja, pihak majikan, ahli akademik dan lain-lain lagi bagi memastikan lebih banyak kursus berimpak tinggi dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada pekerja khususnya.
  - Memperkenalkan kursus-kursus baharu yang dinamakan Kursus Bidang Fokus HRD Corp melalui Pekeliling Majikan Bil. 8/2021 - *Enhancement of Terms and Conditions for the Allowable Cost Matrix*, bertujuan untuk menyokong inisiatif Kerajaan dalam pembinaan negara ke arah Digital dan Revolusi Industri 4.0. Kursus-kursus yang ditawarkan bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan hari ini dan masa depan. Antara bidang fokus utama adalah seperti Jadual 3 di bawah:

### JADUAL 3 : BIDANG FOKUS

NO.	BIDANG FOKUS
1.	<i>Industry 4.0</i>
2.	<i>Green Technology/Renewable Energy</i>
3.	<i>Fintech</i>
4.	<i>Smart Construction</i>
5.	<i>Smart Farming.</i>
6.	<i>Aerospace Industry</i>
7.	<i>Block Chain</i>
8.	<i>Micro Credential</i>
9.	<i>Future Technology</i>

#### **Ulasan PAC:**

PAC mengambil maklum tindakan dan usaha-usaha yang diambil oleh HRD Corp. PAC turut dimaklumkan bahawa peratusan bagi penggunaan levi oleh majikan terhadap latihan yang proaktif (*proactive training*) sentiasa meningkat setiap tahun.

Bagaimanapun, berdasarkan isu yang dibangkitkan dalam LKAN iaitu pengurusan kelulusan levi latihan PSMB adalah kurang cekap di mana kelulusan permohonan penggunaan levi lewat diberikan dan verifikasi pelaksanaan latihan tidak dilaksanakan. PAC memandang serius terhadap isu ini dan menyarankan supaya KESUMA dan HRD Corp dapat memberi perhatian serta memantau isu ini.

**3.5 Syor PAC (v): HRD Corp perlu memastikan setiap aktiviti pelaburan dipantau oleh panel pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dengan lebih telus dan teratur. Panel pelaburan wajib melaporkan aktiviti pelaburan kepada Lembaga Pengarah apabila diminta seperti yang termaktub dalam Akta PSMB 2001 dan bukan hanya kepada Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah.**

#### **Maklum balas HRD Corp:**

3.5.1 Penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah bagi setiap mesyuarat Panel Pelaburan:

- a) Semua aktiviti dan prestasi pelaburan dilaporkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan pemakluman dan perkara ini telah menjadi agenda tetap secara berkala seperti dalam Jadual 4 di bawah:

**JADUAL 4: PEMAKLUMAN AKTIVITI PELABURAN AHLI  
LEMBAGA PENGARAH**

NO.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah No. 2/2024	4 April 2024
2.	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah No. 4/2024	28 Mei 2024
3.	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah No. 5/2024- Day 1	10 September 2024
4.	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah No. 5/2024- Day 2	11 September 2024

- b) Mengkaji semula peruntukan Akta PSMB 2001 (Akta 612) berkaitan Panel Pelaburan.

**Ulasan PAC:**

Berdasarkan Akta PSMB 2001, HRD Corp boleh menjalankan aktiviti pelaburan. Bagaimanapun penglibatan HRD Corp dalam pelaburan yang berisiko tinggi dengan menggunakan dana/levi yang dikutip oleh HRD Corp boleh mendedahkan HRD Corp kepada risiko kerugian yang besar.

PAC berpandangan setiap aktiviti pelaburan HRD Corp perlu dipantau oleh panel pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dengan lebih telus dan teratur. Satu prosedur pelaporan yang jelas dan berkala perlu dilaksanakan agar insiden pihak pengurusan HRD Corp melangkaui Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp terus bagi mendapatkan kelulusan menteri tidak berulang.

HRD Corp harus melantik pasukan kakitangan yang berkelayakan dan kompeten dalam bidang pelaburan untuk menguruskan pelaburan dalam HRD Corp.

Selain itu, pemantauan yang lebih berkesan oleh KESUMA terhadap HRD Corp perlu dilaksanakan dalam memastikan HRD Corp mampu melaksanakan mandat yang telah dipertanggungjawabkan.

- 3.6 Syor PAC (vi):** HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *Limits of Authority (LOA)* dan SOP, supaya terdapat satu proses piawaian prosedur yang konsisten dan memastikan pelaksanaannya dipatuhi sepenuhnya.

### **Maklum balas HRD Corp:**

- 3.6.1 Garis panduan bagi perolehan aset iaitu Rangka Kerja Harta Tanah telah diwujudkan pada 14 November 2022.
- a) Rangka Kerja Harta Tanah tersebut telah diluluskan oleh Panel Pelaburan. Sila rujuk kepada Carta 2 untuk proses yang terlibat dalam rangka kerja tersebut.
  - b) Sebagai proses penambahbaikan, pelaporan kepada Panel Pelaburan akan dibuat secara berterusan.
  - c) Menyediakan SOP berbeza untuk perolehan aset bagi tujuan operasi dan perolehan aset bagi tujuan pelaburan.

### **Carta 2: Rangka Kerja Harta Tanah PSMB**



### **Ulasan PAC:**

HRD Corp telah memaklumkan PAC bahawa Rangka Kerja Harta Tanah telah diwujudkan dan didokumentasikan sejak tahun 2022.

Bagaimanapun PAC menyarankan supaya Rangka Kerja Harta Tanah tersebut hendaklah sentiasa dikemas kini dan dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, PAC mencadangkan semua Manual Operasi Standard (SOP) didokumenkan mengikut piawaian antarabangsa.

PAC mencadangkan untuk menyemak semula *Limits of Authority* (LOA) untuk memberi kuasa semakan yang bersesuaian kepada Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dalam menentukan pelaburan hartanah.

- 3.7 **Syor PAC (vii):** KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik keberkesanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada program-program di bawah geran Kerajaan. Ia harus juga mengambil kira segala aduan dalam pelaksanaan program tersebut. Laporan forensik tersebut perlu dilaporkan semula kepada PAC.

**Maklum balas KESUMA:**

- 3.7.1 Merujuk kepada surat daripada Ketua Setiausaha Negara bertarikh 24 Julai 2024 mengenai pelantikan perunding atau juruaudit bebas, Arahan Pekeliling, semua Kementerian diingatkan supaya tidak mengambil pendekatan melantik perunding atau juruaudit bebas sebagai tindakan susulan atau semakan semula terhadap apa-apa pemerhatian, teguran dan syor Ketua Audit Negara.

**Ulasan PAC:**

PAC mendapati terdapat kekeliruan dalam mentafsir **syor PAC (vii)** oleh KESUMA. Melalui **syor PAC (vii)**, PAC tidak bermaksud mengesyorkan KESUMA untuk melantik perunding bebas bagi tujuan semakan semula Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Tetapi apa yang dimaksudkan ialah melantik perunding bebas untuk melaksanakan pengauditan forensik yang bertujuan melihat keberkesanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp. Ini adalah disebabkan oleh aduan kecelaruan yang berlaku dalam pengurusan latihan.

PAC kekal menegaskan supaya KESUMA dan HRD Corp untuk melaksanakan dan melaporkan kepada PAC seperti dalam syor (vii) dalam laporan PAC DR. 17/2024.

- 3.8 **Syor PAC (viii):** KESUMA perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga dan juga program-program yang dilaksanakan serta mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-undang KESUMA sekiranya perlu.

**Maklum balas KESUMA:**

- 3.8.1 KESUMA dan HRD Corp menyambut baik syor oleh PAC supaya KESUMA memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-

perjanjian yang melibatkan kepentingan Kerajaan yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga.

- 3.8.2 KESUMA melalui Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan juga akan menyelaras dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dilaksanakan oleh semua agensi di bawah KESUMA termasuk HRD Corp.

**Ulasan PAC:**

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang diambil oleh KESUMA dan HRD Corp. KESUMA melalui Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan akan menyelaras dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dilaksanakan oleh semua agensi di bawah KESUMA termasuk HRD Corp.

Bagi memastikan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan di bawah KESUMA dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan, KESUMA dan JPA perlu menjalankan kajian keperluan perjawatan bagi cawangan tersebut.

- 3.9 **Syor PAC (ix): KESUMA dan HRD Corp perlu menambah baik tatakelola syarikat berlandaskan laporan “Governance Framework Review” tahun 2018, yang telah dihasilkan oleh Tetuan Ernst & Young.**

**Maklum balas KESUMA dan HRD Corp:**

- 3.9.1 Penambahbaikan berdasarkan laporan “Governance Framework Review” telah bermula pada tahun 2019 dan terus dilaksanakan daripada semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan panduan Jawatankuasa Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah.
- 3.9.2 Secara keseluruhannya, HRD Corp telah selesai mengambil tindakan ke atas 10 daripada 11 syor penambahbaikan tatakelola oleh Tetuan Ernst & Young seperti di dalam Jadual 5.

**JADUAL 5: STATUS PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA**

NO.	PERKARA	STATUS
1	Akta PSMB 2001	Sedang dilaksanakan
2	<i>Terms of Reference (TOR)</i>	Selesai
3	<i>Code of Conduct</i>	Selesai
4	<i>Enterprise Risk Management (ERM) Framework</i>	Selesai
5 & 6	<i>Policies and Procedures</i>	Selesai
7	<i>Organisational Structures and Roles</i>	Selesai
8	<i>Chief Executive and Senior Management Performance Evaluation Framework</i>	Selesai
9	<i>Alignment of limits against PSMB Act 2001 and current policies</i>	Selesai
10	<i>Efficiency and Effectiveness of approvals in LOA</i>	Selesai
11	<i>Interim Feedback and Whistleblowing Platform</i>	Selesai

- 3.9.3 Disebabkan tindakan Ini, pihak SPRM telah pun menurunkan penarafan risiko HRD Corp dari status berisiko tinggi kepada status berisiko sederhana. Usaha ini menunjukkan bahawa HRD Corp telah menambah baik sebahagian besar dasar tadbir urus dan tatakelola syarikat.
- 3.9.4 Manakala proses meminda Akta PSMB 2001 pula sedang dalam tindakan KESUMA.

**Ulasan PAC:**

Walaupun pelaksanaan penambahbaikan berdasarkan laporan “Governance Framework Review” telah bermula pada tahun 2019 dan terus dilaksanakan daripada semasa ke semasa seperti yang telah dinyatakan oleh HRD Corp., PAC melihat masih wujud kelemahan dalam tatakelola HRD Corp.

Justeru itu, PAC menyarankan supaya KESUMA dan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp. meneliti semula laporan “Governance Framework Review” tersebut dan memastikan segala tindakan penambahbaikan tatakelola HRD Corp berlandaskan laporan tersebut benar-benar diambil tindakan oleh HRD Corp.

- 3.10 Syor PAC (x): Khusus bagi HRD Corp, jawatan Pegawai Undang- undang dan Setiausaha Syarikat haruslah individu yang berlainan untuk memastikan tanggungjawab berkaitan dapat dijalankan dengan sebaiknya.**

**Maklum balas HRD Corp:**

- 3.10.1 Berdasarkan Seksyen 235 Jadual Keempat, Akta Syarikat 2016, Peguambela & Peguamcara diiktiraf sebagai individu yang layak untuk bertindak sebagai Setiausaha Syarikat. Adalah menjadi amalan kebiasaan industri untuk mempunyai seorang pegawai untuk bertanggungjawab terhadap dua peranan ini.
- 3.10.2 Walau bagaimanapun, sebagai mekanisme kawalan sedia ada, memandangkan jawatan ini dipegang oleh individu yang sama, *Limits of Authority* (LOA) telah diwujudkan untuk memastikan tiada sebarang kepentingan konflik berlaku dalam menguruskan operasi Syarikat.

**Ulasan PAC:**

PAC tetap dengan pandangan supaya pengasingan individu bagi memegang jawatan Penasihat Undang-Undang dan Setiausaha Syarikat untuk memastikan tatakelola lebih baik di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi HRD Corp.

Jawatankuasa ini mengambil maklum balas daripada Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) HRD Corp yang tetap berpendirian untuk mengekalkan struktur sedia ada.

PAC menyarankan supaya KESUMA mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan tadbir urus yang baik di dalam HRD Corp.

- 3.11 Syor PAC (xi): KESUMA perlu mengkaji semula kuasa KE HRD Corp khususnya peranan KE dalam Lembaga Pengarah serta Panel Pelaburan dan sekiranya perlu, membuat pindaan terhadap Akta PSMB 2001.**

**Maklum balas KESUMA dan HRD Corp:**

- 3.11.1 Mengkaji semula pindaan Akta PSMB 2001 (Akta 612) berkaitan pelantikan dan peranan KE HRD Corp khususnya peranan KE dalam Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan.

3.11.2 Peranan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Ahli Lembaga Pengarah adalah amalan kebiasaan dalam industri. Walaupun kedua-dua jawatan ini dipegang oleh individu yang sama, demi memastikan tiada sebarang kepentingan konflik berlaku dalam menguruskan operasi syarikat, mekanisme kawalan sedia ada melalui dasar tadbir urus seperti *Terms of Reference* (TOR) bagi Ahli Lembaga Pengarah dan *Limits of Authority* (LOA) bagi menguruskan operasi syarikat mampu untuk memberi panduan serta memisahkan peranan apabila mesyuarat yang berkaitan sedang berlangsung. Perkara ini adalah amalan yang sama dipraktikkan oleh Tabung Haji, UEM Agent, Petronas dan juga Perkeso.

**Ulasan PAC:**

PAC dimaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Bersama (*joint working committee*) telah ditubuhkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah HRD Corp bagi membincangkan mengenai isu ini dan syor-syor PAC.


PAC menggesa supaya KESUMA mengambil perhatian terhadap perkara ini dan memastikan keperluan kepada pindaan Akta PSMB 2001 dapat dilaksanakan. Selain itu, KESUMA dan agensi/syarikat di bawah seliaannya hendaklah menjadi contoh atau model terbaik dalam pengurusan sumber manusia untuk dicontohi atau dijadikan penanda aras oleh agensi/syarikat lain di Malaysia.

PAC mengesyorkan KE dilantik sebagai *ex-officio* dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dan bukan sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

**5. PENUTUP**

PAC Parliment mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parliment dalam Laporan PAC Parliment DR. 17/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN PROSIDING  
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PADA**

**RABU, 23 OKTOBER 2024**



## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 23 Okt 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Tindakan Susulan:  
Pengurusan Dana Latihan dan  
Keberkensanan Program Latihan HRD Corp

- (i) Kementerian Sumber Manusia (KSM)  
YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof  
Ketua Setiausaha
- (ii) HRD Corp  
YBhg. Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood  
Ketua Eksekutif

PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 23 OKTOBER 2024

---

### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

#### Hadir

- YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi  
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

#### Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

- YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

### URUS SETIA

- Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parliment Malaysia)]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parliment Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parliment Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parliment Malaysia)]

### HADIR BERSAMA

#### Jabatan Peguam Negara (AGC)

- Puan Jastina binti Zainal Abidin [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

#### Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

- Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPM)]

Encik Ps Mohd Zaidi bin Zainal [Penguasa (Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPM)]

Encik Mohd Fuad bin Sedet [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

**Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN)**

Encik Allias bin Alwi [Timbalan Pengarah (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Natasha binti Muhammad Merejok [Ketua Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Encik Mohd Fairus bin Jaafar [Juruaudit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

**Kementerian Ekonomi (KE)**

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Encik Azeman bin Miskah [Akauntan (BPOPA)]

**HADIR BERSAMA****SAKSI****Kementerian Sumber Manusia (KSM)**

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)]

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia)]

Puan Shamsuryaty Shamsuddin [Penasihat Undang-Undang]

YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Ketua Unit Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

Encik Mohd Hazim bin Mohd Rejab [Ketua Cawangan (Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan)]

Encik Paul Devaraj Michael [Ketua Penolong Setiausaha (Cawangan Perancangan Strategik, Parlimen dan Kabinet)]

**HRD Corp**

YBhg. Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood [Ketua Eksekutif]

YBrs. Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [Ketua Pegawai Kewangan (Bahagian Kewangan)]

Puan Merle Fernandez [Ketua Pegawai Undang-Undang dan Setiausaha Syarikat]

Encik Sofian Mohammed Amin [Ketua Pegawai Program]

Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [Ketua Pegawai Pelanggan]

Encik Muhammad Safwan bin Ramli [Ketua Jabatan Perhubungan Kerajaan dan Parlimen (Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Parlimen)]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,  
PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 23 OKTOBER 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.31 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**  
Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan juga selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen, Ahli-ahli PAC dan juga ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad HRD Corp pada hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan juga maklum balas daripada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan juga *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) terhadap syor-syor PAC di dalam Laporan PAC DR17/2024 yang telah pun dibentangkan di Parlimen pada sesi yang lalu pada 4 Julai 2024.

Jadi untuk makluman semua, prosiding bagi tindakan susulan hari ini PAC menggunakan punca kuasa Arahan Perbendaharaan 12 dan juga Pekeliling Am 1/2024 Jabatan Perdana Menteri dan bukannya di bawah Arahan Perbendaharaan 30(b) yang memerlukan kehadiran Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) seperti kebiasaan.

Sehubungan dengan itu, prosiding bagi tindakan susulan hari ini PAC menggunakan punca kuasa Arahan Perbendaharaan 12 dan juga Pekeliling Am 1/2024 Jabatan Perdana Menteri dan bukannya di bawah Arahan Perbendaharaan 30(b) yang memerlukan kehadiran Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) seperti kebiasaan.

Jadi dalam Laporan PAC Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad HRD Corp terdapat 11 syor PAC yang dikemukakan kepada KESUMA dan juga HRD Corp iaitu:

- (i) memandangkan HRD Corp telah berkembang sejak penubuhannya maka KESUMA perlu mengkaji semula keperluan untuk dijadikan sebagai badan berkanun bagi memastikan tabir urus yang lebih baik dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Kewangan;
- (ii) ahli lembaga pengarah HRD Corp perlu mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised* levi untuk memastikan kepentingan PKS dipelihara. HRD Corp perlu mengambil langkah proaktif mencari alternatif bagi PKS untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised* levi;
- (iii) KESUMA perlu mengkaji semula dan meminda Akta PSMB 2001 supaya wakil Bank Negara Malaysia tidak perlu dilantik sebagai ahli panel pelaburan lagi. Memandangkan BNM berpendapat bahawa perkara ini bercanggah dengan peranan BNM sebagai pengawal selia iaitu *regulator*;
- (iv) HRD Corp harus menumpu dengan lebih proaktif kepada *disbursement of training funds* untuk memastikan pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui program-program latihan yang lebih menyeluruh serta tertumpu dan tidak hanya bersifat generik;
- (v) HRD Corp perlu memastikan setiap aktiviti pelaburan dipantau oleh panel pelaburan dan ALP HRD Corp dengan lebih telus dan juga teratur. Panel pelaburan wajib melaporkan aktiviti pelaburan kepada lembaga pengarah apabila diminta sebagaimana yang telah pun termaktub di bawah Akta PSMB 2001 dan bukannya hanya kepada Pengerusi ALP;
- (vi) HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *Limits of Authority* (LOA) dan SOP supaya terdapat satu proses piawaian prosedur yang konsisten dan memastikan pelaksanaannya dipatuhi sepenuhnya;
- (vii) KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik keberkesanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada

- program-program di bawah geran kerajaan. Ia turut harus juga mengambil kira segala aduan dalam pelaksanaan program tersebut dan laporan forensik tersebut perlu dilaporkan semula kepada pihak PAC;
- (viii) KESUMA perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga dan juga program-program yang dilaksanakan serta mendapatkan pandangan daripada penasihat undang-undang KESUMA sekiranya perlu;
  - (ix) KESUMA dan HRD Corp perlu menambah baik tata kelola syarikat berlandaskan Laporan Governance Framework Review tahun 2018 yang telah pun dihasilkan oleh Tetuan E&Y;
  - (x) khusus bagi HRD Corp, jawatan pegawai undang-undang dan setiausaha syarikat haruslah individu yang berlainan untuk memastikan tanggungjawab berkaitan dapat dijalankan dengan sebaiknya; dan
  - (xi) yang terakhir sekali, KESUMA perlu mengkaji semula kuasa KE HRD Corp khususnya peranan KE dalam lembaga pengarah serta panel pelaburan dan sekiranya perlu membuat pindaan terhadap Akta PSMB 2001.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hadir hari ini bagi memberikan penjelasan kepada PAC dalam prosiding iaitu yang pertamanya, Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Yang kedua, Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp dan yang ketiga, Yang Berusaha Puan Merle Fernandez, Ketua Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat HRD Corp.

Yang keempat, Yang Berusaha Encik Mohamad Farizul bin Yahaya, Ketua Pegawai Kewangan HRD Corp. Jadi, tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU bagi memulakan. Dipersilakan Datuk. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha (Kementerian Sumber Manusia (KESUMA))]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi. *Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam perpaduan. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC, ex-officio PAC.

Pertama kalinya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kerana telah diberi peluang pada hari ini untuk membentangkan tindakan susulan terhadap dapatan dan syor-syor seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi sebentar tadi berkaitan dengan dana latihan dan keberkesanan program latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan izin yang telah dibentangkan pada 11 Julai 2024.

Untuk makluman juga pada 7 Ogos 2024 HRD melalui Kementerian Sumber Manusia ataupun KESUMA pendeknya telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim secara bertulis kepada Yang Berhormat Pengerusi PAC. Untuk makluman juga, saya juga telah ditugaskan untuk bertugas di kementerian ini bermula pada 5 September 2024 tapi saya tidak mahu jadikan alasan untuk mengatakan saya baru masuk ke kementerian. Apa pun sejak saya masuk di kementerian yang hampir ke dua bulan ini, banyak arahan-arahan saya telah saya panjangkan kepada pihak di peringkat kementerian juga dan termasuk HRD Corp untuk melihat syor-syor yang telah dibangkitkan oleh PAC.

Dan hari ini kita akan melihat bagaimana perkara-perkara yang telah ditimbulkan sebelum ini untuk menunjukkan tindakan-tindakan yang telah diambil. Ada setengah-setengah daripada isu tersebut sedang dalam pelaksanaan, sedang dalam tindakan, ada yang telah diambil tindakan dan *insya-Allah* kita akan berkongsi beberapa perkara yang telah dibangkit yang melibatkan 11 syor tadi lah.

Berdasarkan maklum balas yang terkini, HRD Corp dan pelaporan yang dibuat kepada pihak KESUMA secara keseluruhannya KESUMA dan HRD Corp menyambut baiklah syor-syor yang telah dikemukakan oleh PAC. Hari ini sebenarnya saya juga bersama dengan Datuk Wira Shahul dan juga Puan Merle Fernandez dan tak terkecuali juga TKSU saya iaitu Dato' Hajah Norison dan juga pegawai kanan HRD Corp juga hadir untuk sama-sama untuk mendengar lahir prosiding ini.

Saya sebenarnya hendak jemput Datuk Wira tetapi beliau hari ini suara dia tak berapa nak enak sangat.

■1140

Jadi, mungkin disebabkan demam dan sebagainya. Tetapi apa pun, saya jemput Puan Merle Fernandez iaitu pegawai undang-undang dan setiausaha syarikat bagi membentangkan hasil daripada tindakan-tindakan yang sedang ataupun akan dilakukan. Silakan.

**Puan Merle Fernandez [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)]:** Terima kasih Datuk KSU. Dengan izin YB Datuk Wira Pengerusi, *Members of the Parliament*, YB-YB PAC dan semua yang hadir. *Very quickly* dengan izin Datuk Wira, *I will move to the first syor. That is* HRD Corp dijadikan sebagai badan berkanun. Maklum balas, KESUMA telah mengadakan perbincangan lanjut pada 18 Oktober bersama dengan agensi-agensi berikut iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara yang diwakili oleh penasihat undang-undang kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Inilah *the gist of the maklum balas*. *Number one* dari Kementerian Kewangan, berpegang pada dasar untuk tidak menambah bilangan badan berkanun dan adalah lebih efektif untuk Akta PSMB tersebut diperkemaskan berbanding dengan cadangan untuk menukar status HRD Corp dari CLBG kepada badan berkanun. *The feedback from JPA*, tindakan menukar status HRD Corp dari CLBG kepada badan berkanun akan melibatkan implikasi perjawatan terhadap kakitangan HRD Corp dan memberi impak kepada kerajaan dari segi kos dan saiz perjawatan perkhidmatan awam.

*The feedback from SSM pula*, HRD Corp *is more of process*. HRD Corp perlu membuat resolusi untuk menutup syarikat melalui mesyuarat lembaga pengarah jika bersetuju dengan sukarela untuk menggulingkan syarikat dan perlu mengisyiharkan harta dan aset syarikat untuk dipindahkan kepada badan berkanun. *From AGC, their pendapat is* pindaan kepada Akta 612 memerlukan keputusan dasar bagi cadangan menukarkan status HRD Corp kepada badan berkanun. *So, as a summary*, KESUMA *is committed* untuk menambah baik pengurusan dan tata kelola HRD Corp supaya ditadbir urus dengan lebih baik dalam pengurusan dana latihan dan program-program latihan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Kita akan pergi kepada setiap isu ya. Kita ada 11, *I think* kita pergi *one by one* ikut isu. Saya minta respons daripada MoF lah untuk yang ini, dasar untuk tidak menambah bilangan badan berkanun ini dan juga MoF dululah— dan juga respons daripada setiap inilah. Saya minta MoF dululah.

**Encik Azize bin Taib [Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)]:** Assalamualaikum. Yang Berhormat Pengerusi, ini merupakan dasar yang ditetapkan oleh sektor dasar di Kementerian Kewangan yang menjaga badan berkanun kerana sekiranya dilihat bahawa dalam kes HRDC ini, walaupun dia adalah sebuah CLBG, tapi dia mempunyai akta. Dilihat bahawa sekiranya diperkemaskan akta tersebut dan akta-akta tersebut boleh govern semula perjalanan HRDC, maka dicadangkan oleh

bahagian di Kementerian Kewangan tersebut supaya HRDC tersebut tidak ditukar statusnya kepada badan berkanun.

Selain itu, seperti yang dilaporkan tadi oleh wakil daripada HRDC bahawa telah ada perbincangan juga dibuat dengan pemegang taruh yang lain seperti JPA dan pekeliling yang dipegang oleh JPA tersebut juga jelas menyatakan bahawa buat masa ini, pertambahan kepada bilangan perjawatan tersebut sepatutnya atau perlulah dalam keadaan yang terkawal. Jadi, pandangan MoF adalah sekiranya boleh ditambah baik dari segi akta, maka adalah lebih baik dibuat pindaan kepada akta tersebut. Sekiranya Yang Berhormat bertanyakan berkaitan dengan adakah CLBG tersebut dari segi laporan penyata kewangannya boleh diaudit. Maka sebenarnya kalau ikut kepada peraturan SSM, laporan audit perlu dihantar kepada SSM dan kementerian boleh minta SSM untuk mendapatkan laporan audit tersebut untuk dibuat kawalan oleh pihak kementerian sendirilah.

Selain daripada itu, kita dapat juga bahawa memandangkan terdapatnya wakil Kementerian Kewangan dan juga wakil KESUMA di dalam HRDC, maka kita memberikan tanggungjawab penuh kepada wakil yang telah dilantik tersebut untuk melihat dari segi tata kelola yang baik, yang perlu diamalkan oleh HRDC. Itu sahaja komen daripada Kementerian Kewangan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih wakil daripada MoF. Boleh AGC respons tak *on the* yang pindaan akta itu?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, sebelum pergi ke AGC...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Fasal nak tanya MoF ini. Maknanya kalau dari segi slaid ini mengatakan bahawa berpegang kepada dasar tidak menambah bilangan. *Is there issue* untuk menambah bilangan kepada MoF ataupun tidak?

**Encik Azize bin Taib [MoF]:** Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada waktu ini telah ditubuhkan satu jawatankuasa khas yang mengkaji rasionalisasi badan berkanun. Jadi buat masa ini, kita menunggu laporan daripada team khas rasionalisasi badan berkanun tersebut untuk melihat keberkesanan mewujudkan lebih banyak badan berkanun pada ketika ini. So buat masa ini, MoF berpegang kepada sekiranya CLBG tersebut mempunyai akta yang boleh govern mereka, maka dasar pada masa ini adalah tidak menambah bilangan badan berkanunlah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Ada apa-apa lagi nak tanya kepada MoF untuk ini? Yang boleh AGC respons *on this?* Untuk yang pindaan akta...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sebelum itu, jawatankuasa yang sedang menilai itu bila sasaran untuk siapkan?

**Encik Azize bin Taib [MoF]:** Yang itu nanti kami semak sebab dia baru ditubuhkan yang di-*lead* oleh mantan KSP sendirilah, Dato' Asri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Harap dapat bekalkan kepada PAC lah *target* bila nak siap kajian itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** JPA—AGC.

**Puan Jastina binti Zainal Abidin [Jabatan Peguam Negara (AGC)]:** Yang Berbahagia Pengerusi, sebagaimana dinyatakan dan dibentangkan tadi, pandangan penasihat undang-undang KESUMA semasa perbincangan minggu lepas, *we echo* di mana kami memerlukan satu keputusan dasarlah. Sekiranya dasar memutuskan untuk badan berkanun— ditukar status menjadi satu badan berkanun, maka AGC mengambil tindakan untuk membantu daripada segi penggubalanlah. Tapi dia memerlukan satu ketetapan dasar yang jelaslah. Seperti mana MoF katakan tadi, perlu ada kajian dan juga buat masa ini ada jawatankuasa khas tentang mengkaji rasionalisasi badan berkanun.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kuala Pilah, ada...

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Kuala Pilah nak kembali semula kepada skrin pertama tadilah. HRD Corp perlu membuat resolusi untuk menutup syarikat melalui mesyuarat lembaga pengarah yang bersetuju dengan sukarela untuk mengguling kah atau menggulung syarikat? *[Dicelah]* Menggulung kan? *Winding up*, menggulung ya? Okey. Terima kasih. Mengguling ini bahaya ini, mengguling ini. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. JPA boleh— Sekejap, sebelum saya bagi kepada JPA, saya nampak Sandakan.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Sorry. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. *I want to* memohon maaf daripada Datuk Shahul, *but I want to ask*, kalau tukar kepada badan berkanun *right*, berapa *salary* untuk yang *the top management*. *Because I think the salary was reviewed.* *[Dicelah]* *Was quite*— dia punya gaji untuk *after you changed to* badan berkanun *right*. *Is the gaji going to be the same as now* current punya struktur atau akan tukar juga? *Because I mean— correct me if I am wrong*, previously macam stated RM60,000 or for the highest position in HRD Corp.

■1150

**Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood [HRD Corp]:** YB, *I actually don't have any idea of the salary of badan berkanun. But once it is converted to badan berkanun, we have to follow the process of badan berkanun. I agree with you. Thank you.*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** MoF, boleh bagi feedback. Selalu ada....

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)]:** Yang Berhormat, kalau....

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Mungkin MoF boleh bantu *on this*?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang Berhormat, saya—TKSU...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Oh okey.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang Berhormat, jadi, sebenarnya untuk menukar CLBG kepada badan berkanun kita ada dua kaedah. Yang pertama adalah diasingkan dasar saraan seperti mana badan berkanun di bawah KESUMA iaitu PERKESO. Kalau diasingkan dasar saraan, penetapan gaji adalah tertakluk kepada rundingan di antara Menteri dan juga Kementerian Kewangan. Tetapi jika dimasukkan sebagai dasar saraan kerajaan, dia tertakluk kepada gred yang ada di dalam kerajaan.

Contohnya, kalau CEO mungkin gred yang sama dengan JUSA ataupun Turus, dia akan tertakluk kepada gred-gred tersebutlah, Yang Berhormat. Itu yang pertama. Yang keduanya, semasa saya mempengerusikan mesyuarat untuk membincangkan sama ada perlu ditukar CLBG kepada badan berkanun, ramai beranggapan bahawa tidak perlu sebabnya HRD Corp ini ditubuhkan atas akta. Sedangkan CLBG yang lain yang ada di bawah KESUMA, contohnya TalentCorp, NIOSH dan juga apa nama satu lagi?

**Seorang Ahli:** TalentCorp dan NIOSH. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** TalentCorp dan NIOSH tidak berdiri di atas akta. Dia adalah CLBG tertakluk kepada Akta SSM sahaja. Sedangkan HRD Corp boleh dikawal oleh kementerian melalui akta. Jadi, cadangan semua pihak adalah memperkemaskan semula akta dan memasukkan kuasa-kuasa Menteri dan kuasa-kuasa kementerian supaya kita mengawal selia secara lebih terperinci.

Yang keduanya adalah sekiranya dijadikan sebagai badan berkanun, kerajaan boleh mengawal kaedah kewangan melalui laporan kewangan yang dibentangkan di Parlimen atau dibentangkan kepada Ketua Audit. Tetapi di bawah SSM, SSM memaklumkan CLBG juga mengemukakan laporan tahunan beraudit kepada SSM dan SSM *willing* untuk mengemukakan laporan tahunan HRD Corp ataupun CLBG yang lain kepada kementerian untuk kita memantau kawalan dari segi kewangan. Itu yang tertakluklah, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih. Ada nak ditambah daripada pihak JPA tadi?

**Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)]:** Okey, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Setakat hari ini kita dimaklumkan bahawa KESUMA belum mengemukakan sebarang permohonan rasmilah kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA. Pada mesyuarat bertarikh 18 Oktober itu, memanglah JPA ada beri pandangan bahawa cadangan penukaran status CLBG kepada badan berkanun Persekutuan ini memang tak boleh dilaksanakan kerana melibatkan implikasi kewangan yang besar, kena serap perjawatan sedia ada sebagai penjawat awam dan tidak selaras dengan pekeliling, Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam itu, PB3.1 yang menetapkan tiada perjawatan baru.

Namun begitu, pelaksanaannya boleh dilaksanakan hanya sekiranya terdapat arahan daripada pihak berautoriti lainlah seperti keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri dan sebagainya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih. Saya nak tanya, untuk berkaitan dengan pertukaran HRD Corp ini kepada CLBG ini, adakah KESUMA *engaged* dengan pihak MoF untuk memenuhi syor yang dibuat oleh PAC ini? Ataupun ianya hanya berlaku dalam mesyuarat dalaman sahaja? Saya nak tanya kepada Datuk KSU.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Okey, untuk makluman semasa saya masuk apa ini— melaporkan diri di kementerian ini, saya pun dah dimaklumkan bahawa *engagement* berlaku dalam dua peringkat, perbincangan dalaman dan dalam masa yang sama komiti yang dipengerusikan juga oleh TKSU melibatkan agensi seperti Kementerian Kewangan dan sebagainya lah. Kita berbalik kepada soal dasarnya adalah, siapa yang nak menentukan bahawa HRD Corp perlu dijadikan sebuah badan berkanun dan sebagainya.

Maka, itu kita perlu dapatkan keputusan daripada pihak kerajaan. Tadi, JPA mentioned bahawa tidak ada permohonan. Memang tidak ada permohonan sebab

belum ada arahan mengatakan wajib diaturkan supaya HRD Corp bertukar kepada badan berkanun. Tetapi, perbincangan tentang perkara ini secara teknikalnya telah pun dipengerusikan di peringkat pengurusan tertinggi juga. Malah di peringkat dalaman kementerian pun kami berbincang dengan pihak YB Menteri untuk menentukan tentang statusnya berdasarkan kepada alasan— ulasan-ulasan yang telah diberi oleh beberapa agensi yang tadilah.

Mengikut pengalaman saya dalam pernah bertugas sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam, memang dasar yang dinyatakan dalam slaid ini yang berkaitan dengan kerajaan tidak menggalakkan penubuhan banyak lagi badan berkanun dan dalam masa yang sama akan mengakibatkan pelbagai implikasi undang-undang dan memberikan peruntukan tambahan kepada pihak entiti ini nanti apabila diperbadankan. Jadi, ini membebangkan kewangan kerajaan.

Apa pun, saya nampak dalam bentuk yang positif adalah penambahbaikan kepada akta, penambahbaikan kepada fungsi HRD ini boleh kita perbaiki dan kita akan perkukuhkan lagi dalam konteks *monitoring* itu di peringkat kementerian KESUMA. Itu pandangan saya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih Datuk KSU. Saya cuma nak mengesahkan sini, maksudnya yang Pejabat Yang Berhormat Menteri sendiri aware tentang syor-syor dan juga mesyuarat yang dilakukan oleh pihak KESUMA sendiri?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Boleh.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Setuju? Okey. Terima kasih. Okey, ada apa-apa lagi soalan daripada ahli? Bangi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk KSU, saya nak tanya tentang apa yang Datuk katakan tentang kalau ditukar kepada badan berkanun itu mungkin akan ada implikasi kerajaan. Cuma, saya tak beberapa pasti sama ada ini betul atau tidak. Sebab kalau kita tukar daripada badan berkanun ataupun daripada CLBG jadi badan berkanun, tapi kalau badan berkanun itu *self-sustaining* maksudnya, dia boleh membayar perjawatan menggunakan dana yang dikutip dan sebagainya, saya tak fikir akan ada implikasi kewangan kepada pihak kerajaan. Contohnya macam, *correct me if I am wrong*-lah, saya tahu macam LHDN adalah satu badan berkanun, tapi dia pun *self-sustaining* boleh bagi bonus kepada kakitangan dia dan sebagainya kalau dia kutip lebih cukai dan sebagainya.

Jadi, saya tak tahu sama ada betul atau tidak kita akan melihat pertambahan dari segi implikasi kewangan kepada kerajaan kalau kita tukar daripada CLBG jadi badan berkanun itu. Boleh, mungkin bagi respons sikit?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Okey. Berdasar pada pengalamanlah, tahun— saya dah lupa tahun bila, seven agencies terlibat dalam saraan yang diasingkan. Maksud, ketika itu setiap perjawatannya dipantau di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam. Sehingga suatu ketika, enam daripada tujuh ataupun tujuh ataupun lapan, selain daripada LHDN diputuskan bahawa mereka boleh *self-sustaining*-lah. Makna, boleh mewujudkan jawatan ikut dia punya gred dan sebagainya. Kecuali LHDN, kalau tak silap saya pada ketika itu. Tapi saya tak pasti yang ini mungkin *Treasury* boleh— apalah.

Walaupun dia diberikan sistem saraannya sendiri, setiap cadangan penambahbaikan tentang perbelanjaan, gred gaji dan sebagainya perlu dibawa untuk kelulusan kerajaan di peringkat Kementerian Kewanganlah. Itu yang saya faham. Dalam konteks ini, maknanya kita terpulang kepada model yang bagaimana yang dimaksudkan. Adakah model yang berbentuk seperti yang TKSU saya mentioned tadi dalam bentuk dimasukkan dalam badan berkanun yang mengikut saraan kerajaan? Atau yang mengikut— yang diasingkan saraan. Tetapi, dalam masa yang sama, diasingkan saraan tapi masih lagi dikawal di peringkat kerajaan.

Jadi, itu ada tiga model yang terpakai. Jadi, soal untuk menyatakan berapakah bentuk peruntukan dan sebenarnya pada ketika ini saya belum nampak lagi dia punya implikasi. Yang ini perlu diperhalusi lagi untuk melihat apakah bentuk peruntukan kewangan yang terlibat nanti.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maaf Datuk Wira, just nak *follow up*. Jadi, maknanya tak semestinya kalau kita tukar daripada CLBG jadi badan berkanun, ianya akan memberi implikasi kewangan kepada kerajaan? Makna, kerajaan kena saralah. Ada model lain yang boleh diterokai supaya mereka mungkin boleh *self-sustaining* dan sebagainya. Terima kasih Datuk.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, saya pernah berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia masa itu *Rubber Research Institute of Malaysia*. Dia memang badan berkanun dan badan berkanun itu dia ada lembaga pengarahnnya sendiri. Apa yang saya ingat masa itu Ketua Pengarah Arwah Tan Sri Ani Arope lepas itu jadi *Executive Chairman* Tenaga Nasional. Apa juga keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah, terus berjalan.

Dia tak payah pergi JPA dan sebagainya. Kenaikan gaji, kemudian pertukaran ketua jabatan dari satu jabatan ke jabatan yang lain dan dia betul-betul

beroperasi secara *all dictated by* lembaga pengarah badan berkanun berkenaan. Dulu, *Rubber Research* ini, Lembaga Getah kita dapat dana ataupun *fund* daripada ses *rubber* yang dieksport sama juga ini dengan *palm oil* kelapa sawit.

Anggap sistem yang sama masih digunakan oleh kedua-dua jabatan ini dan saya tak nampak tukar ke badan berkanun ini dia akan ada banyak kekangan ataupun banyak kawalan daripada pihak JPA dan sebagainya.

■1200

Sebab itu yang berlaku dulu dan tak tahu sekarang ini. Itu memang lembaga pengarahlah nak hantar *student* buat – pegawai buat *further studies*-kah apa, semua lembaga pengarah yang putus tanpa perlu *any endorsement* daripada pihak kerajaan. Terima kasih, Datuk Wira. Itu pandangan saya.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat sekalian, berkaitan dengan bidang kuasa satu-satu lembaga dan sebagainya akan tertakluk kepada akta yang ditubuhkan sebab akta ini tak semua sama dalam praktis badan-badan berkanun. Dia akan bergantung kepada bidang kuasa itu diletakkan di mana yang paling besar dan ada sesetengahnya akan di-*control* oleh *[Tidak jelas]*. Jadi, ini macam yang saya kata tadi, perlu adakan satu lagi kajian yang berbentuk teknikal bagi memastikan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya percaya, Datuk Wira Pengerusi, dia perlu ada kajian lagi.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kita *cannot rule out that* ini tak boleh berlaku sebab macam Datuk KSU kata tadi dia di bawah akta dan akta ini berbeza daripada satu badan berkanun ke badan kanun yang lain.

Mungkin badan berkanun yang kerja Malaysian Rubber Board itu, dia akta dia memang macam itulah. Dia tak ada *control*. Mungkin ini boleh dibuat dalam – untuk HRD. Kena tengok akta mana yang sesuailah untuk HRD. Kita tak mahu *close this question and rule out altogether*-lah. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya merujuk kepada saranan daripada Yang Berhormat Kubang Pasu berkenaan dengan – maksudnya dapat buat kajian tadi. Sebelum itu pun ada juga yang disebut ada perlu melihat atau mengkaji bagaimana pendekatan yang boleh dibuat. Jadi, saya nak tahu komitmen daripada pihak kementerian tentang untuk melaksanakan kajian tersebut, macam mana daripada pihak kementerian?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Okey. Pihak kementerian terbukalah dalam konteks untuk melihat ruang-ruang model baru sebab tidak ada

satu model pun yang akan kekal lama. Malah kementerian pun bergabung, dipecahkan, dijumudkan, diwujudkan balik dan sebagainya. Jadi, apatah lagi dalam konteks entiti-entiti yang selain daripadanya. Selagi mana ia membawa kesan yang baik kepada keberkesanan sistem penyampaian tersebut, kita boleh fikirkan tentang kajian-kajian tersebut.

Cuma dalam aspek ini, dalam HRD Corp ini, dia ada melibatkan pembayaran levi dan sebagainya. Jadi, kita akan tengok aspek-aspek peraturan perundangan yang berkaitan dengan majikan-majikan dan kita kena dapatkan *feedback* daripada semua pihaklah. Sebab nanti kita bila kita dah *come out* dengan satu model terpilih, kita tidak mahu ada rungutan daripada pihak-pihak yang kita menjaga kepentingan ini. Majikan, contohnya, yang untuk menghantar kursus dan sebagainya, mengatakan proses ini dah makin lama makin rumit dan sebagainya. Jadi, ini semua kita harus ambil kira *the positive and the negative part of it before we bring up to the cadangan model baru*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih, Pengerusi. Saya nampak bahawa sejarah untuk HRD Corp, dia sebenarnya bermula dengan satu entiti yang kecil dan hanya 10 bidang sahaja. Jadi, itu sebab saya rasalah pada masa itu keputusan untuk buat CLBG adalah memberi kebebasan, ia tak ada birokrasi supaya benda boleh dijalankan dengan baik.

Tetapi sekarang apabila kita tengok bahawa HRD Corp, dia telah *evolved* kepada satu entiti yang sangat besar dan kita nampak bahawa apabila dia besar, dia mempunyai akauntabiliti yang lebih tinggi dan perlu *di-monitor* dengan lebih baik, apatah lagi dengan pelbagai laporan daripada Parlimen. Maka adalah perlu untuk *evolving along the time-lah* seperti apa yang Datuk KSU cakap tadi, *nothing is permanent, okey. What is permanent? It's to have make changes*. Jadi, saya nampak bahawa dalam KESUMA pun ada badan berkanun juga. PERKESO, besar dan *di-monitor* oleh KESUMA. Jadi, tak ada masalah untuk KESUMA ambil satu lagi model badan berkanun daripada PERKESO kepada HRD Corp.

Jadi, isu yang utama di sini adalah tentang kewangan. Saya nampak kerajaan tidak mahu tambah kewangan dan isu itu telah diselesaikan oleh TKSU yang dikatakan mempunyai model pembiayaan daripada sendiri. Cuma, *there is no –* yang kami di PAC ini *concerned* adalah tentang kawalan dengan isu tatakelola dan sebagainya. Jadi, saya harap bahawa KSU KESUMA ini terbukalah untuk teruskan usaha tentang isu *convert* kepada badan berkanun. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ambil maklum pandangan YB tadi, *insya-Allah*. Fasal saya kata tadi kami terbuka untuk melihat model yang terbaik

untuk pelaksanaan. Malah menambah baik aspek-aspek tatakelola sekiranya memerlukan pindaan kepada undang-undang sedia ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: All right.**  
Kalau tak ada untuk ini, kita move to syor nombor dua.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Dengan izin, Datuk Wira Pengerusi. Syor kedua *is* HRD Corp mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised levy* untuk memastikan kepentingan PKS (SMEs) dipelihara.

So, maklum balas HRD Corp; *unutilised levy* adalah berdasarkan seksyen 25 Akta PSMB. Ia bukanlah penalti kepada majikan tetapi lebih sebagai pemangkin untuk memastikan majikan supaya menggunakan levi mereka untuk manfaat pekerja mereka. Tanpa seksyen 25, tiada tindakan penguatkuasaan yang akan memastikan majikan menggunakan levi tersebut. *Unutilised levy* ini akan disalurkan kembali ke dana latihan untuk manfaat industri terutamanya untuk golongan rentan.

*So, SOP for the implementation of section 25, untuk memindahkan levi ke unutilised levy is already attached. But the graph that is shown, the picture graph that is shown is in summary what we have right now, the SOP that we have. What we do is when the account is inactive for two years, it is subject to be transferred from levy to unutilised levy, provided the SOP is followed.*

As always, HRD Corp telah memastikan majikan yang mempunyai baki levi kurang daripada RM10,000, tidak akan terjejas oleh baki levi yang telah dilupuskan, selaras dengan Pekeliling Majikan *in 2019*. So, this is the current SOP.

*But also to mengambil perhatian kepada syor PAC, HRD Corp sedang dalam proses mengkaji semula SOP tersebut yang sedia ada untuk menilai whether the current SOP is addressing the issues especially with regards to the challenges faced by the SMEs.*

*With regards to that* penambahbaikan, kita telah melaksanakan pelbagai sesi libat urus seperti jadual di bawah yang proaktif kepada majikan dalam memastikan pengagihan dana latihan berlaku dengan lebih efisien. So, we have reported here, 3,300 sessions that we have engaged the entire HRD Corp through our various jabatan to teach and encourage the SMEs to use their levy.

*On the right-hand side of the page, you will see the results of that engagements that we have done until now. So, for example, if we were to compare dengan tahun 2023, bantuan kewangan yang diluluskan was RM487 juta berbanding dengan tahun sekarang as at September, RM660 juta and the tempat bilangan also has increased from 648,000 to 858,000.*

*But we are not stopping there. We are still looking at the current SOP and we will make amendments in – for example, if that minimum needs to be reduced further or that needs to be a change to the two years.*

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum saya bagi Saratok, saya minta ini Bayan Baru untuk gantikan saya sebentar. Silakan.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih, Pengerusi. Isu yang utama, *unutilised levy* ini, adalah isu *unutilised levy* ini cepat sangat digunakan untuk *investment*. Ini isu utama kita dulu itu sebab dia memang menyimpang daripada tujuan asal untuk tujuan latihan. Kalauolah *unutilised levy* ini digunakan juga untuk latihan, mungkin bukan syarikat itu, syarikat lain ataupun pekerja lain, itu mungkin kita boleh terimalah. Tapi isu utama, kita tak nak *unutilised levy* ini untuk *investment*. *Investment* yang kita dah tahu tidak...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** [Mencelah]

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Banyak isu yang boleh timbul daripada tersebut. Jadi saya rasa untuk kajian yang masih mengkaji ini, bagi pandangan sayalah, supaya *unutilised levy* ini digunakan kembali untuk latihan, bukan untuk *investment*. *I think that is the main issue we have.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Boleh minta... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Saya boleh jawab. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Nama saya Farizul. Saya adalah Pegawai Kewangan HRD Corp.

■1210

Untuk YB Pengerusi dan YB-YB PAC, ahli-ahli PAC, untuk makluman YB, untuk berkaitan dengan *unutilised levy*, *we never use unutilised levy for investment*. *That is meant for the other training* yang kita buat balik untuk golongan-golongan rentan itu sendiri. Kita tak akan pakai *unutilised levy* ini untuk kegunaan *investment* HRD Corp, untuk makluman YB.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Yang pelaburan yang selama ini diambil daripada mana? Daripada? Sebab saya ingat lagi saya tanya soalan dari mana datangnya *investment* itu? Sebahagiannya daripada *unutilised levy*. Mungkin bukan encik lah yang jawab tetapi orang lain yang jawab lah.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Mungkin saya boleh mencerahkan lagi isu berkaitan dengan *investment* itu sendiri. Ada dua perkara di sini. Satu, bila majikan itu sendiri membayar levi kepada pihak HRD Corp. Dia akan

masuk dalam satu tabung. *That is employer's levy. Tetapi at the same time, we can actually use that levy for investment. That one is okay. Another part for in terms of the unutilised levy*, yang itu HRD Corp memang tak boleh guna untuk *any investment at all*.

Kalau kita bawa keluar– untuk makluman, tahun 2023 ada RM45 juta *unutilised levy and* RM45 juta ini juga yang kita akan gunakan balik untuk program-program, latihan untuk golongan rentan. Itu termaktub di dalam *audited financial statement* HRD Corp yang telah diaudit.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** *I think Pengerusi– thank you.* Saya juga dapat informasi mengenai *unutilised levy*. So, after two years, dalam dua tahun jika majikan tidak gunakan, tidak propose any courses atau untuk gunakan dalam after two years, levi ini akan *burn*. So, even they try to appeal untuk beli *laptop*, beli komputer *which some of the majikan claim that they didn't know lah. So, they didn't know* boleh beli barang untuk *office kasi upgrade*. So, after two years majikan try to appeal but HRD Corp says “Oh, tak boleh. Memang dalam two years it will expire lah”.

*So, all this money after they expire which I believe banyak juga la. So, all this levi akan digunakan untuk kegunaan apa kalau bukan dalam pelaburan?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk makluman YB, kita akan gunakan *this fund, unutilised levy* ini sebab dia akan masuk dalam satu akaun yang spesifik. Kita tak boleh touch pun *this account whereby* kita akan buat program-program untuk golongan rentan seperti *B40, SMEs, OKUs*, golongan-golongan lebih daripada 60 tahun. *These are the program-program yang telah dimanfaatkan untuk golongan rentan tersebut.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** YB, kalau boleh izin saya nak minta rakan saya *explain* sedikit. Before kita masukkan sebagai *unutilised levy*, apa proses yang kita buat untuk memberitahu kepada pihak majikan?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih Datuk KSU. Sebenarnya, kita bukannya terus ambil daripada dua tahun *then* kita ambil terus daripada akaun majikan itu tersebut. Kita akan hantar sekurang-kurangnya enam kali peringatan kepada pihak majikan yang mengatakan “*Please use at least minimum of RM10 so that your account is active*”. Selama enam bulan sebelum akaun itu menjadi *inactive* untuk dimasukkan kepada sistem *unutilised levy*. So...

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Enam bulan daripada *expiry date* atau selepas?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Enam bulan daripada *expiry date*.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Means masih two years lah.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** So, after two years, 24 months.

Memang tak boleh guna lah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Even though appeal lah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes. Sebab itu termasuk dalam peraturan, SOP HRD Corp itu sendiri dan kita maklumkan kepada majikan sebelum kita *transfer* kepada *unutilised levy*.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Sorry, boleh saya dapatkan *what is the unutilised levy for this year or last year? Roughly* sebut. Sorry. It's too long already for our proceeding. So, if you can just give us *the amount and* berapa sudah used untuk programmes that you have shared just now.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih YB untuk soalan itu. Saya Cuma hendak paparkan bagaimana usaha HRD Corp *for the last two and three years* ini untuk meyakinkan pihak majikan untuk menggunakan levi-levi mereka ini. Untuk makluman, tahun 2023 *unutilised levy* adalah berjumlah RM22 juta dan disebabkan oleh program-program yang HRD Corp buat untuk memaklumkan kepada majikan untuk menggunakan levi mereka ini. Untuk tahun 2024, jumlah *unutilised levy* hanya RM5 juta. Jadi, kita nampak sebenarnya ramai dah majikan dah berjaya guna walaupun RM10 ataupun RM100. So, that there won't be under the *unutilised levy anymore*. Untuk makluman YB.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Soalan saya adalah dalam RM22 juta ini, berapa sudah digunakan untuk program-program yang you mentioned just now for the B40 for the youths?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Okey. Untuk makluman, untuk tahun 2024 ini, kita telah menggunakan lebih kurang dalam RM20 juta.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** So, baki RM2 juta lah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Baki RM2 juta kita akan bawa tahun ke hadapan *depending on type of approved initiatives* yang kita telah bentangkan kepada pihak Ahli Lembaga Pengarah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Wangsa Maju.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh tolong kongsikan fasal *unutilised levy* ini maknanya *since 2015 until now, every year* berapa banyak *unutilised levy*?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk makluman YB, kita untuk *every year amount* dia tak sama tetapi secara *general*-nya, sekitar RM30 juta. *Year on year* dan kita akan gunakan duit *unutilised levy* untuk program-program yang saya telah nyatakan sebelum ini lah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *That means every year* lebih kurang RM30 juta *then accumulated* ataupun *every year* RM30 juta. *Almost 100 per cent being utilised.* Apa *being used*?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Dalam segi *ratio*, dalam 70 peratus akan digunakan daripada tahun yang sama dan 30 peratus akan dibawa kepada tahun hadapan. Amaun untuk makluman YB, amaun itu telah berkurang secara signifikan *since 2023 to 2024 because of the awareness—pihak engagement* yang telah dibuat oleh pihak HRD Corp itu sendiri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ada *significant difference in 2023 when you came in*, kan? Sebelum itu juga lah *that means what we concern, what has happened* sebelum-sebelum itu juga. *That is why we'd like to have a better picture of issue unutilised levy* ini.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tahun sebelum itu, kita akan gunakan. Mungkin saya boleh ke belakang kan sedikit dari segi pihak tata kelola HRD Corp macam mana kita buat untuk program-program yang telah diluluskan untuk program-program ini. Segala inisiatif yang dibuat oleh HRD Corp akan diluluskan oleh pihak ahli lembaga pengarah. Segala inisiatif yang kita buat untuk berkaitan dengan *unutilised levy* yang saya nyatakan sebelum ini, *B40, SME* dan sebagainya. Sebelum kita *initiate for the fund to be transferred for this type of programme*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya, silakan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sahaja hendak *recall*. Benda ini dah lama kita buat prosiding ini dah *for some times now*. Dulu kita banyak. Saya nak susulan daripada soalan yang dikemukakan oleh Saratok. Kita banyak berbincang berhubung dengan pelaburan, merata tempat lah termasuk syarikat-syarikat yang *listed company* dan sebagainya.

Saja untuk pencerahan ya, pencerahan. Daripada mana dana yang kita ambil untuk tujuan pelaburan tersebut? *Just pencerahan. Thank you.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Datuk Wira, seperti mana yang telah saya nyatakan sebelum ini. Dalam Akta PSMB dibenarkan untuk melabur untuk wang yang telah dimasukkan sebagai levi. Bukan *unutilised*. Levi majikan itu sendiri. *When it comes to money that is not immediately required.* Itu yang daripada akta. So, kami gunakan panduan tersebut untuk membuat polisi pelaburan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Termasuk FD lah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Termasuk FD, termasuk dengan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Itu banyak orang buat.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Bon dan sukuk. *By that definition, kita outline-kan dalam investment policy dan framework, on how we want to manage our investment through the investment panel* dan juga melalui ahli lembaga pengarah melalui pelaporan tersebut. Jadi, itu *by the definition*. So, dari segi akta, kita dibenarkan untuk melabur berdasarkan levi yang telah dibayar oleh pihak majikan itu sendiri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya hendak tanya sedikit soalan tentang *unutilised levy*. Apabila PAC adakan prosiding, kita dapati bahawa dua tahun untuk menggunakan *unutilised levy* itu terlalu suntuk.

#### ■1220

Jadi, bermaksud bahawa banyak syarikat yang kecil-kecil, mereka masih tidak melebihi *threshold* untuk mengadakan program. Jadi, itu sebab *we have a problem* dengan *unutilised levy* tempoh dua tahun itu. Jadi, adakah tempoh dua tahun itu akan dikaji untuk dipanjangkan, dilanjutkan? Itu soalan pertama. Mohon penjelasan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes YB, *that's why we mentioned in the maklum balas tadi.* Kita juga sedang mengkaji *whether this current practice* dua tahun *should remain or we should extend it* atau panjangkan. So, *that will be something that we will bring to the board to discuss.* However, as CFO, Encik Farizul had explained, the *unutilised levy amount for year 2024 as at today is only RM5 million.* That means it has been— they have been using their levy compared to previous years. So, it shows that the current— it might show that the current SOP is still working. But nonetheless, we are looking at it.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okay, I think isu yang kedua yang saya ingin bawakan ialah tentang— I quote ya laporan HRD Corp PAC pada muka surat 25.

Datuk Chia Hui Yen, mantan Lembaga Pengarah menjelaskan bahawa, “*Berdasarkan akta jelas menyatakan sekiranya sejumlah wang yang tidak digunakan bagi tempoh tertentu, maka jumlah tersebut perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan kelulusan dan jumlah tersebut perlu diklasifikasikan sebagai unutilised levy. Unutilised levy boleh digunakan bagi aktiviti seperti PENJANA dan ia perlu mendapat kelulusan lembaga pengarah. Berdasarkan kepada pemerhatian beliau dan Datuk Rosli, sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai ALP, tiada pembentangan dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan kelulusan dan mengklasifikasikan lebihan wang sebagai unutilised levy.*

*Selain itu, beliau juga turut memaklumkan pada tahun 2020, HRD Corp telah memohon sejumlah RM70 juta bagi tujuan pemulihan COVID-19 dan ia diluluskan oleh lembaga pengarah. Manakala pada 28 Mac 2023 iaitu semasa Mesyuarat Pertama Lembaga Pengarah 2023, pengurusan HRD Corp ada memohon sejumlah RM50 juta daripada unutilised levy untuk digunakan bagi aktiviti lain dan ia tidak dinyatakan secara jelas”.*

Okey, jadi ada dua isu dalam apa yang dilaporkan. Isu pertama, sejumlah wang yang ditukarkan kepada *unutilised levy* tidak dilaporkan dalam *board*. Isu kedua adalah menggunakan *unutilised levy* untuk tujuan lain selain daripada apa yang sepatutnya dikembalikan sebagai *training* untuk PKS. Jadi, saya mohon penjelasan tentang dua ini. Adakah apa yang akan dilakukan oleh HRD Corp untuk mengatasi masalah yang dilaporkan dalam *PAC report*?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Terima kasih YB. So, *in reply to your first question on kebenaran or the approval from Lembaga Pengarah to transfer the levy to unutilised levy. So, I believe Datuk Chia is— maybe she's a bit confused because as explained, the transfer of levy to unutilised levy is automatic. It does not require the approval of the board and that's why there has never been a proposal for the board's approval to transfer levy to unutilised levy. It is just an operation of section 25 and the SOP that is in place.*

*So, it will never go to the board. Otherwise, if you look at it, operational YB, what will happen is every month or every three months, management operation will have to go to the board to get an approval for this number or hundreds of employers whose levy has fallen into the unutilised levy and get the approval. It's very operational. Therefore, it does not happen.*

*Point number two is— Is that okay YB? Yeah. Point number two, do we get the approval of the lembaga pengarah to use the unutilised levy? Memang kita ada.*

*That is why CFO explained.* Sebelum kita menggunakan *unutilised levy*, it is mandated by management and board that it can only be used for training of golongan rentan. So, this is done through the initiatives either with the collaboration from KESUMA atau the government.

*For example, the latest one was— sorry, that was PLN. PLN lain. But under utilised levy we have B40. We have RPEL. All these come under training for golongan rentan and every initiative YB, goes to the board for approval. We proposed the amount of unutilised levy that we want to use for this particular initiative. What is the objective? What is the purpose and what is the outcome that we want to achieve? How many people are going to be trained? It is quite detailed and Datuk Chia is correct, PENJANA we went to the board to get the approval using unutilised levy. It was a matching grant. Subsequent to that, that RM50 million, correct if I might be wrong but that proposal was not deliberated at the board, we had withdrawn it, that RM50 million. So, that was not proceeded. We didn't proceed with that proposal.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya:** Saya boleh confirm-kan sebab saya prepared that paper dan saya withdraw that paper.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih ini. Ada apa-apa lagi tambahan untuk isi nombor dua? Kalau tak ada, then kita move to syor nombor tiga.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Terima kasih, YB Pengerusi. Syor nombor tiga is meminda Akta PSMB supaya wakil Bank Negara Malaysia tidak perlu dilantik sebagai ahli panel pelaburan.

*YB and members of the PAC, I think this is a very straightforward syor. Our PUU KESUMA is already looking into this matter and we are also in the process of amending the entire akta. So, whether we're going to just go ahead with one syor to amend that particular clause or whether we're going to amend the entire akta as a whole, that one we are going to speak to PUU and how we want to carry it out. But it's already been done.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey ada apa-apa untuk ini? Very straight forward kan. Jadi kalau tak ada, syor nombor empat.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor nombor empat, menumpu dengan lebih proaktif kepada *disbursement of training funds*, maklum balas, penggunaan dana levi latihan hendaklah digunakan mengikut budi bicara majikan. So, we just want to stress and share with you that HRD Corp tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi atau mengarahkan majikan untuk menggunakan levi mereka dalam sebarang cara atau tujuan tertentu. Bagi latihan yang dibiayai kerajaan, jenis latihan

ditentukan oleh kerajaan sendiri berdasarkan penemuan Jawatankuasa Latihan Sektoral.

*So, in essence, we are saying that we are not in control. However, if we were to look at the graph, jumlah kursus berdaftar dengan HRD Corp as at today is 225,000. If you look at the type of courses, kursus-kursus lain falls under like soft skills, that is 67 per cent, kursus teknikal is 23 per cent and kursus certification, sijil profesional is only nine per cent. So, we hear the PAC and HRD Corp already has a plan untuk menekankan perkara berkaitan kursus berdaftar seperti di bawah. We want to galakkan the technical courses and the certification courses.*

*Our target for 2025 is to increase the professional certification courses to 20 per cent and to increase the technical courses to 70 per cent. So that the soft skills will drop by 10 per cent. So, this can only be done through sesi libat urus with the various majikan and association. However, we are also taking extra steps that is as very much that is within our powers, our responsibilities. What we are trying to do is to promote kursus-kursus dalam the focus area groups that have been focused by government. Besides the Digital and Revolution Industry 4.0, we also encourage green technology, fintech, smart corporation, smart farming, aerospace industry, blockchain, micro-credential and future technologies.*

*So, all the current 225,000 programmes that is registered with HRD Corp, we break it down to focus area and we encourage the employers to go for these courses, to register for these courses. To further encourage them, we have amended our allowable course metric to make it easier for them to claim because some of these courses are very expensive. So, we have made our allowable course metric flexible enough to cater to their needs and encourage the high technology courses.*

## ■1230

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana pihak HRD Corp memilih ataupun mempromosikan ada sembilan bidang fokus baharu mengikut peratusan yang berbeza sebelum ini iaitu kursus-kursus lain 67, teknikal 23 peratus dan profesional, sembilan peratus. Jadi, boleh tak kongsikan dengan PAC bagaimana pemilihan kursus-kursus tersebut dibuat sama ada adakah ia *demand* daripada syarikat ataupun bagaimana?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Terima kasih YB. I will introduce you to Encik Soffian our Chief Program Officer he will explain. Thank you.

**Encik Soffian Mohammed Amin [Ketua Pegawai Program (HRD Corp)]:** Okey terima kasih Madam Merle. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat tengah hari. Nama saya Soffian, saya pegawai program HRD Corp. YB

Datuk Wira, biar saya jawab soalan itu. Okey, bila kita bercerita tentang kursus-kursus *focus area*, *focus area* sebenarnya bila kami mentakrifkan *focus area* kami merujuk kepada RMKe-12 sebenarnya. Ini adalah bidang-bidang latihan yang ditekankan dalam RMKe-12.

So, tujuan *focus area* adalah untuk kami menggalakkan kursus-kursus ke arah aspirasi-aspirasi kerajaan seperti yang ditakrifkan dalam RMKe-12. So, bagaimana sebuah kursus itu ditakrifkan, diklasifikasikan sebagai *focus area*? Sebenarnya dua cara. Satu, terus *supply*, lagi satu *through demand*. So, satu cara adalah kami memang *engaged* dengan penyelia latihan untuk mencari kursus-kursus yang memenuhi kehendak-kehendak *focus area* ini dan klasifikasi ini ditentukan oleh pakar-pakar industri, bukan oleh HRD Corp.

Untuk mengatakan bahawa kursus-kursus ini memenuhi *focus area* dan oleh sebab itu kami akan klasifikasikan sebagai *focus area courses*. Itu satu, *on the supply side*. *Demand side* pula kadangkala majikan akan datang kepada kami mengatakan okey, kami hendak kursus-kursus ini, kursus-kursus ini adalah *focus area* dan biasanya *certain courses* itu *very technical* dan harganya adalah tinggi. So, sama juga *from the demand side* kami juga akan melihat kursus tersebut membuat penilaian yang sepatutnya sama ada kursus ini memenuhi apa yang dimaksudkan sebagai *focus area and then* kalau kami mendapati bahawa memang ya dan kami akan klasifikasikan sebagai *focus area*.

So, dua cara, dari segi bagaimana kami mempromosikan *focus area* pula ada beberapa cara. Kebanyakannya kami mempunyai pegawai-pegawai di seluruh negara dalam kita punya *regional-regional officers*, pejabat-pejabat di negeri yang sentiasa membuat sesi-sesi libat urus bersama dengan majikan besar dan kecil. So, semasa sesi libat urus ini memang kami tekankan kepentingan untuk melebihkan perbelanjaan levi terhadap *technical courses* bukan hanya *soft skill*. Itu satu.

Kedua, kami juga mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa yang kami panggil *the industrial skills framework and sectoral training committee* yang terdiri daripada pakar-pakar industri. So, melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini juga kami menggalakkan pengambilan kursus-kursus yang lebih bersifat teknikal, lebih memenuhi aspirasi kerajaan bukan hanya untuk membangunkan *soft skill* seperti yang ditunjukkan dalam carta tadi, YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih. Ada soalan daripada ini Ahli Jawatankuasa lain? Okey, Kubang Pasu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya dulu terlibat sikit-sikitlah untuk latihan ini masa saya jadi *managing director in one company*. Dia

sebenarnya kursus latihan ini ialah kalau kita ambil formula dia. Apa yang diperlukan untuk seorang itu dapat menjadi pekerja yang baik dan berkesan? Tolak *what she has or she has at the moment*. Keperluan tolak *what she has at the moment, she goes to training* kan dan kalau Jepun ini dia pakai *education and training* dan maknanya dia lebih mendalam lagi. Ini *just food for thought* lah, *food for thought* lah.

Makna, dia di samping dia pergi latihan kursus, dia juga banyak mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan ya *along the process special part of education*. So, okey saya hendak bertanya tentang kita tengok *this pie chart*. Kursus-kursus lain ini kita tak tau dapat apa dia kursus lain? Saya hendak *go back to the basic* ya. *67.5 per cent* apa dia yang lain-lain itu banyak sangat itu? *What they are?* *Maybe* akan jawab *later and then* kursus teknikal. *What are the* kursus teknikal *you have been doing and then* kursus profesional. Profesional ini ertinya dia perlukan sijil untuk melakukan sesuatu kerja. Macam *you* nak jaga *boiler, the chargeman* yang dia perlu sijil sebelum dia boleh buat kerja itu ya, yang itu maksudnya profesional.

Tadi disebut tentang kursus-kursus yang dilaksanakan ini sebenarnya tidak dipengaruhi oleh HRD Corp tetapi oleh majikan sendiri. Tapi, saya percaya *there are times* HRD Corp boleh bagi cadangan, kan? *You* bagi cadangan juga, kan? *So, the process is both ways* lah, *two-way traffic*. *You suggest and then they suggest*. Kalau hari ini kita bercakap tentang keperluan negara, *the talk of the town today semiconductors chips* ya. *This is a big thing* dan kita perlukan ramai pakar-pakar teknikal termasuk peringkat jurutera untuk bekerja di *semiconductors company* ya.

Di samping *semiconductors company* sekarang pula kita ada lagi *next step, AI* ya. *We go further up AI*. Dan *semiconductors* ini dia kena cari *data centre* ya untuk simpan dia punya *chips* dan *chips* ini digunakan untuk AI. *This is a whole process* ya. So, maknanya *you* kena—*I don't know certain company* mungkin dia *think differently*. So, *the whole process, the design of the* kursus ini *is based on that for the time being*. Kalau *you* tanya saya berapa persen kita perlu melaksanakan kursus-kursus untuk semikonduktor dan sebagainya ini sebab dia punya sumbangan kepada negara amat besar sekali ya, *about RM400 billion export a year*.

*Surely* HRD mungkin gunakan kepakaran-kepakaran daripada luar untuk *formulate* kursus untuk kepentingan negara yang saya sebutkan tadi. Di samping of course kita perlukan juga tenaga kerja untuk bidang-bidang lain ya, buat kereta. *La ni* pula kita bercakap tentang lagi satu EV. *Electric vehicle* itu pula dia perlukan pekerja yang mungkin berbeza daripada semikonduktor yang perlu kursus sebab kita *are going in a big way* untuk EV inikan?

Sekarang sudah 20,000 - 30,000 EV ada dah di Lembah Klang tetapi dia akan *expand throughout the country. Therefore*, kita perlu tenaga kerja yang pakar dalam bidang EV ini. Bukan sahaja untuk buat tetapi *maintenance* dan seterusnya jadi mungkin HRD boleh fikirkan apa caranya untuk kita gunakan levi yang banyak ini demi untuk mendapat *maximum return* kepada negara. Boleh bagi respond? Terima kasih.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Okey, saya jawab dalam tiga bahagian saya rasanya berdasarkan apa-apa soalan YB tadi. Satu, kursus-kursus lain ini adalah kursus-kursus yang bukan bersifat kemahiran. So, bila kita cerita tentang komunikasi, tentang linguistik, tentang pengurusan itu semua akan jatuh di bawah kursus-kursus lain. Dan memang betul, kursus-kursus ini memang banyak kerana banyak penyedia latihan menyediakan kursus-kursus seperti ini.

Pelatih, tenaga pengajar untuk kursus ini pun biasanya tidak memerlukan kemahiran ataupun kepakaran lebih. So, *trainer* untuk bahagian-bahagian kursus lain ini memang banyak. So, *numbers* dia memang banyak. Kursus teknikal biasanya memerlukan kemahiran dan kepakaran pada pihak pengajar. So, itu sebabnya orang yang boleh melatih kursus teknikal ini tak berapa banyak.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kursus-kursus lain juga diminta oleh pihak majikanlah?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul. Memang diminta oleh pihak majikan, YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sebab saya tengok kursus teknikal ini sikit je *23 per cent*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu dia tambah itu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ditambahkanlah, ya? Berapa persen tadi? Kursus teknikal, teknikal ini termasuk itulah yang saya sebutkan tadi...

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Engineers* untuk semikonduktor dan sebagainya.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Yes, ya biar saya jawab YB. Saya ada jawapan untuk jawapan khusus untuk semikonduktor itu sebenarnya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, boleh.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Tapi sebelum saya masuk begitu saya rasa saya perlu menyatakan sekali lagi. HRD Corp kami tiada kuasa untuk mengarahkan sesiapa untuk menghantarkan mana-mana orang untuk apa-apa *training*.

■1240

Kami hanya – kami mengumpulkan kursus yang ada, kami menggalakkan dan mendidik, mungkin, tapi kita tak boleh memaksa.

So, kalau kita balik kepada susulan YB berkenaan dengan semikonduktor, okey, apa yang HRD Corp boleh buat, Puan Merle tadi ada menyatakan bahawa baru-baru ini HRD Corp telah menambah baik *Allowable Cost Matrix*. *Allowable Cost Matrix* adalah satu dokumen yang menakrifkan bagaimana levi boleh dibelanja.

Dia ada banyak cara, bukan hanya melalui latihan. Ada juga benda seperti membeli peralatan pelatihan untuk *internship* dan sebagainya. So, specifically, untuk semikonduktor, HRD Corp sekarang ini sedang dalam perbincangan dengan MITI melalui CREST. Kami ingin menggunakan – kami berbincang dengan CREST, bagaimana untuk syarikat-syarikat menggunakan levi...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Mencelah]* CREST yang based dekat Penang itu ya?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul. Fasal CREST dia punya – fokus CREST adalah E&E sebenarnya. *Electrical and electronics*. Tapi buat masa ini, dia lebih kepada semikonduktor. So, kami berbincang dengan CREST untuk bagaimana kami mempelbagaikan penggunaan levi itu supaya bukan hanya untuk melatih pekerja sedia ada sekarang ini, *which is the bread and butter of HRD Corp*, tapi juga untuk menggunakan skim-skim lain dalam HRD Corp bagaimana nak membangunkan *the next generation because they need 30,000 engineers by the year 2030, something like that*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tapi you kata you kena perlu dapat persetujuan daripada majikan?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul. So...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** You tak boleh ini. You kena convince majikanlah kan?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Faham. So, kami *customised* skim-skim dalam HRD Corp dengan membangunkan satu skim yang mungkin berpandangan lagi jauh. So, memang betul tujuan itu tetap – niat dan keputusan tetap datang daripada majikan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Mencelah]* Itu yang maksud saya tadi begitulah.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** You work together dengan depa, bukan *[Tidak jelas]* from them.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Yes, yes. Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sometimes they have a certain scope dia buat, nak buat, bukan? Tapi you boleh expand the scope dengan MITI, CREST dan sebagainya dan MIDA also.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Memang itu yang kita tengah buat sekarang, YB. Yes. Ya, we are looking into those things now, working directly with government agencies.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** EV as well. EV kena masuk. *[Ketawa]*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Yes. Betul, betul, betul YB. Memang kita tahu EV, AI, *semiconductor is a big thing now...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** And AI. AI pun you kena masuk. AI. Okey.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Saya setuju, YB. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya ada soalan – bukan soalan, pandangan. Ini berkenaan dengan *proactive training* ini, saya nak minta berapa peratusan untuk tahun 2023 dan jangkaan untuk 2024 penggunaan levi ini – yang 2024 sudahlah. Berapa peratusan penggunaan dia? Adakah dia bertambah tiap-tiap tahun?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Itu soalan pertama, dia bertambah tiap tahun ya?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes, YB. Bertambah tiap-tiap tahun. *In fact*, untuk tahun 2024 sekarang, kita dah lebih daripada 75 persen and kita punya *target to go about 80 per cent*. Tahun-tahun sebelum ini, kita punya *average of levy utilisation stands at 70 per cent*. So, nampak peningkatan di situ and majikan telah menggunakan levi untuk latihan-latihan kemahiran mereka.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey. Di dalam meningkatkan jumlah courses ini, adakah HRD Corp mengambil staf-staf baharu ataupun kakitangan baharu untuk menghadapi jumlah permintaan yang banyak ini ataupun

menggunakan staf yang sama, pejabat yang sama sejak setahun, dua tahun yang lepas?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Di HRD Corp, kita ada menggunakan beberapa cara untuk kita *resolve certain issues* yang kita nampak as *what YB pointed out*. Whether kita nak tambah orang atau tak, segala-galanya keputusan telah dibawa kepada pihak ahli lembaga pengarah. Yang boleh saya nyatakan sekarang, *approved headcount for HRD Corp since 2022* sampai sekarang adalah 776. *Actual headcount* yang kita ada adalah lebih kurang dalam 710 macam itulah.

*That is based on* kita punya *five years plan*-lah sampai 2025. *Based on our plan*, kita tak *intend* untuk nak tambah orang. Satu, sebab kita telah menggunakan pelbagai teknologi yang kita telah masukkan ke dalam HRD Corp seperti penggunaan AI untuk memproses geran dan juga *claim* yang boleh proses secara automatik, mempercepatkan proses dan juga SLA daripada tujuh hari kepada 24 jam untuk geran dan daripada 30 hari kepada tujuh hari untuk proses *claim*.

Penggunaan teknologi *is another part*, penambahan orang kita akan *Maintain* dan *another part is* kita tengah buat *business process reengineering* untuk memastikan proses kita ini tak terlalu ketat. Rekayasa yang telah dibuat untuk HRD Corp *for the last two years* telah meningkatkan cara kita bekerja dan cara kita menambah baik kepada pihak-pihak majikan dan pemegang taruh yang lain.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Di bawah naungan KSU.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih sebab nampaknya tak perlulah kita beli bangunan baru untuk pejabat baru, menambahkan staf-staf di bahagian... *[Tidak jelas]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tak perlu, YB. *For the record also*, untuk kita punya *budget 2025*, kita tak ada pelan pun untuk nak beli bangunan baru dan hanya tambah baik bangunan yang saya ingat dah 30 tahun itulah.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey. Setuju.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi...

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Mungkin lepas ini kita suruh dia orang bekerja di rumah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya ada soalan susulan Saratok. Saya ingin mendapat apa ini – saya ingin menarik perhatian kepada *Laporan Ketua Audit Negara*, muka surat 5-13.

Pendapat audit ya, dia kata pengurusan kelulusan levi latihan PSMB adalah kurang cekap. Kelulusan permohonan penggunaan levi lewat diberikan dan verifikasi pelaksanaan latihan tidak dilaksanakan. Ini amat seriuslah kerana verifikasi pelaksanaan latihan tidak dilaksanakan dan permohonan lewat. Saya mohon penjelasan, apakah cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Saya mulakan dululah, daripada KESUMA dulu. Sejak saya masuk ini, saya dapati antara *highlight* tadi itu daripada laporan audit sebelum ini, mereka telah bawa ke peringkat pengurusan sampai ke peringkat kementerian jugalah, melibatkan bukan sahaja HRD tapi termasuk yang lain-lain untuk kita lakukan BPR (*business process reengineering*). Tadi ada *mentioned* sikit fasal itu dan kita dapat lihat proses tersebut telah ada berlakunya *improvement* dari segi masa, *time taken* dan *data verification through automation* punya proses termasuklah dengan penggunaan AI.

Jadi, saya *concur* dalam konteks kementerian KESUMA, kita dapat *monitor* benda ini dan malah saya sendiri telah pun di-*brief*-kan setiap BPR process yang berlaku di semua agensi termasuk HRD Corp.

*Insya-Allah*, saya akan turun juga untuk melihat secara di lapangan, bagaimana proses tersebut bukan sahaja telah dipersetujui dilaksanakan, tetapi dipantau dan juga dipastikan keberkesanannya. Jadi, seterusnya untuk *detailed* sikit, saya minta apa – tolong *explain*.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Terima kasih, Datuk KSU. Terima kasih YB kerana soalan. Biar saya jelaskan. Apa yang merupakan *finding* dalam laporan JAN itu, dia banyak merujuk kepada proses-proses yang kami buat proses kelulusan. Okey. Dalam HRD Corp, setiap geran latihan perlu dibuat sebelum latihan dijalankan. Keperluan kami adalah satu hari sebelum. Kami tidak mahu terlalu ketat supaya memberi fleksibiliti kepada majikan menghantar pekerja untuk latihan.

So, banyak daripada isu-isu yang dipetik oleh JAN sebenarnya merujuk kepada dua kes utama. Satu adalah permohonan yang dibuat itu tidak memenuhi syarat permohonan. Dokumen tak cukup dan sebagainya.

Kami terpaksa *query* untuk memastikan bahawa geran tersebut betul dan boleh diluluskan. So, bila kami *query* dan mereka jawab balik, itu yang menyebabkan kelulusan itu berlaku selepas daripada tarikh latihan. Itu satu.

Kedua, ada juga kes-kes *appeal* kerana ada kes kami memberi fleksibiliti kepada majikan atas sebab-sebab tertentu untuk mereka memohon geran selepas daripada tarikh latihan. So, itu juga berlaku. So, kebanyakan daripada kes yang

dipetik dalam laporan Jabatan Audit Negara merujuk kepada perkara-perkara tersebut yang menyebabkan kelulusan itu datang lambat.

Dari segi mana-mana permohonan yang cukup syarat, yang mengikut prosedur yang betul seperti yang diterangkan oleh rakan saya tadi, memang kelulusan tersebut – masa untuk kelulusan itu makin lama makin menurun disebabkan penerapan teknologi baharu dan juga penambahbaikan proses yang kami lakukan.

Kami ambil maklum apa-apa yang diutarakan oleh pihak Jabatan Audit Negara dan kami juga dalam memikirkan cara-cara untuk memperbaiki lagi proses. Satu. Juga, salah satu isu yang dikatakan adalah program-program yang dijalankan tidak dapat melalui proses verifikasi. So, dalam proses verifikasi itu sendiri pun kami mempelbagaikan *approach* kami.

So, kalau dulu memang banyak HRD Corp – okey, kita perlu pergi ke tempat latihan dan lihat dan sebagainya. Disebabkan oleh *the sheer mass of it, the bulk, the numbers* sekarang benda itu mungkin tak logik lagi. So, memang kami akan memperkenalkan sistem-sistem verifikasi baru termasuklah menggunakan QR coding, menggunakan geolocation, menggunakan telefon untuk peserta sendiri memberi maklum balas bahawa, okey, kami ada di latihan ini, di masa ini dan perisian yang kami guna dapat memverifikasikan semua itu.

## ■1250

So, kami memang dalam usaha untuk memperbaiki proses, polisi dan juga dalam usaha memperbaiki kaedah-kaedah verifikasi kami untuk menutup jurang yang dipetik oleh Jabatan Audit Negara dalam laporan mereka.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Soalan susulan adalah kita nampak bahawa ada laporan-laporan bahawa ada peserta yang lebih daripada 80 tahun hadir dalam *training*. Kita tidak pertikaikan lah sama ada dia 80 tahun pun boleh kerja lagi, tapi ada ini yang telah di-highlight-kan, nombor satu. Kedua adalah yang berulang-ulang. Tiap-tiap bulan hadir untuk *training* berkali-kali. Jadi, ini adalah isu verifikasi dan juga tata kelola yang tidak mantap lah dalam HRD Corp. So, bagaimana benda ini boleh diatas?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** YB, saya akan jawab soalan itu. Berdasarkan proses rekayasa kita, sekarang ini semua digital. Sebelum ini, attendance itu dibuat secara manual. Maksudnya kita sign, and then just tenyeh saja lah. And then, kita akan verify, kita akan tanya kalau sekian-sekian nama A, B, C, dia just akan angkat tangan. Tapi apa yang berlaku sekarang ini, kita akan pakai phone untuk nak buat *that geolocation*.

So, sekarang ini *register that phone* itu hanya orang yang memegang *phone* itu sahaja yang boleh pegang, yang boleh *verify* sebab dia akan berlaku di *location* tersebut. Kalau di luar daripada lima kilometer radius, tak akan ada *attendance* untuk itu. Yang itu yang kita telah menambah baik untuk proses dan *insya-Allah* dia akan berlaku pada tahun 2025. Tak akan ada proses *redundancy* ataupun orang *manipulate the attendance anymore*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Yang isu ini ditimbulkan oleh masyarakat adalah sebenarnya HRD Corp yang jual nama. Maksudnya, siapa-siapa yang nak *claim* itu dia bagi nama, daripada dalaman HRD Corp untuk dikira *attend training* lepas itu dia dapat *claim* sahaja. Begitu sahaja. Ini dilaporkan. Okey, jadi macam mana HRD Corp untuk mengatasi masalah ini?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Okey. *From the— from HRD Corp's point of view, of course YB, kita tak jual nama-nama trainees. Because we are also not involved in...*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Orang dalaman HRD Corp. *I am not saying* HRD Corp *itself. Your people.* Okey. *Your some of the apa itu— mungkin ada orang-orang tertentu lah dalam HRD Corp yang cuba dapat claim dan dengan falsifying the training, giving names berulang-ulang you know just to claim the money without the training.*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** *Thank you YB. Let me—* saya rasa biar saya jawablah. Dalam proses rekayasa seperti yang disebut oleh Datuk KSU oleh rakan saya tadi, memang kami— saya sendiri tidak pernah dengar apa-apa yang YB katakan. Tapi, memang tujuan kami adalah untuk— *we do, we want to eliminate pen and paper* lah, *put it that way.* Kita tak nak orang tulis nama atas kertas dan sebagainya. Kerana proses itu banyak memberi ruang untuk salah guna.

So, kami sekarang ini tengah bergerak *into a digital system* di mana setiap orang yang *attend training* ada dia punya ID sendiri. *Every training* ada dia punya *identifier* sendiri dan *every—* setiap peserta itu perlu *log in* mengikut *identifier* sendiri. *Then,* perisian itu dapat menentukan di mana kedudukan orang itu pada masa dia *log in.* So, katakan latihan itu adalah di Kuala Lumpur, orang itu *log in* daripada Johor, kita akan tahu.

*So, we are moving the whole attendance and verification system fully digital. So, that the question of legitimate kah, legit kah, authentic kah is no longer a question. Because technology will take care of all of that.* Itu adalah apa yang kami sedang usahakan supaya tidak lagi ada isu benda-benda macam ini.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Soffian, boleh mungkin *for the record, you can name the system?* Yang apa itu— apa nama sistem? *I mean, for rekod lah.*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Dia sebenarnya dua sistem yang berkaitan. Satu adalah *core system* kami. Okey. Kami belum menamakan dia secara *official* tapi New Core System (NCS). Sistem yang akan *handle* semua permohonan geran dan *attendance* dan sebagainya, satu. Lagi satu adalah HRD Corp Super App.

HRD Corp Super App ini adalah perisian dalam telefon *app* yang macam biasa lah setiap perisian dalam telefon itu akan— orang itu perlu untuk mendaftar diri dan melalui *phone* itulah dia akan buat *attendance* dan sebagainya *and all of that will be tracked to the system. So,* dua sistem Datuk.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Apa yang dibangkitkan oleh Bayan Baru juga bukan— pernah dibincangkan dan juga dibangkitkan oleh Ahli PAC yang lain dan itu maksudnya *put on record* lah. Maksudnya, ada kenyataan-kenyataan lah dan permasalahan seumpama itu. Terima kasih juga sebab ada tindak balas dan juga usaha untuk membuat sistem tersebut.

Cuma nak tanya, ialah sebab kursus ini agak mahal, kan? Untuk *especially* kalau ada teknikal dan misal kata kalau *attendance* itu misal kata si Abu dah letak nama untuk hadir, tiba-tiba Abu *can't make it* pada pagi tersebut. So, macam mana kalau nak *replace* dengan orang yang maksudnya ini— supaya maksudnya tidak berlaku kerugian supaya ada orang lain yang boleh menggantikan Abu. Jadi, boleh kah sistem tersebut adaptasi dalam situasi demikian?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Terima kasih YB Datuk Wira Pengerusi. Dalam satu perkataan, boleh. Memang proses tersebut dan polisi tersebut memang sudah pun dibina ke dalam sistem-sistem yang saya sebut tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Sik?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Sedikit penjelasan dalam maklum balas ini, Perkara 4 ini. Saya melihat ayat yang pertama itu dengan yang telah— kita nampak ada *contradict* sikit. Jadi, mohon nak— mungkin saya yang yang tidak beberapa jelas. *"Penggunaan dana levi dan latihan hendaklah digunakan mengikut budi bicara majikan. HRD Corp tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi atau mengarahkan majikan untuk menggunakan levi mereka dalam sebarang cara atau tujuan tertentu."* Okey, itu yang *first*.

Di ayat yang terakhir, “*untuk latihan menggunakan dana HRD Corp, jenis latihan diputuskan oleh Lembaga Pengarah yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan*”. Jadi, bagaimanakah apa– penjelasan itu? Jadi, tadi awal disebut HRD Corp tidak ada mempunyai kuasa. Yang akhirnya itu disebut diputuskan oleh HRD Corp dalam Lembaga Pengarah untuk menentukan jenis latihan. Adakah ini maknanya perbezaan dari segi *fund* itu sendiri ataupun bagaimana HRD Corp melihat konsultasi awal dengan majikan itu, apa yang sepatutnya latihan diberikan kepada pekerja ini? Itu yang pertama soalan saya.

Yang kedua dari segi bagaimana *engagement* ataupun hubungan apa ini— yang saya sebut tadi konsultasi HRD Corp dengan majikan ini untuk dia nak menentukan jenis-jenis latihan itu teknikal kah, sijil profesional dan sebagainya. Apa kaedah dia? Adakah itu maknanya kita ada senarai latihan ataupun dan dipilih oleh majikan? Itu yang kedua.

Yang ketiga, dalam dapatan HRD Corp, apa sebenarnya halangan di pihak majikan ini sendiri ketika mana saya yakin lah maknanya majikan ini yang paling penting dia tak mahu melibatkan peningkatan kos dia— kos operasi dia dan sebagainya. Yang juga dia akan melihat bagaimana selepas latihan itu dibuat, ukuran kepada kejayaan latihan itu. Apakah HRD Corp ada dia punya apa– perimeter dia ataupun apa lah. Maksudnya metrik dia yang dia gunakan untuk nak pastikan latihan itu ada keberkesanan dia.

Kerana itulah yang akan menjadi kain pengukur kepada latihan-latihan yang seterusnya. Tiga soalan itu. Terima kasih.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Terima kasih YB. Saya akan menjawab *the first question*. Berdasarkan *the slides that we have shared, there are two types of dana that we are referring to YB. The first part of the dana where it is within— it is not within HRD Corp kuasa, it is the dana levi*. Sebab majikan *will apply to use the levy and they determined the type of training* yang dia orang nak.

*The second part is regards to Latihan yang dibiayai oleh Kerajaan. So, that is when Kerajaan gives a grant or a financing for certain specific golongan rentan. For example, the B40, RPEL and warga tua. So, under that, that specific initiative YB goes to the board and the board will approve what types of training they will use the government grant for.*

■1300

*So, there are two types. With regards to questions two and three YB, I will hand you over to Encik Soffian.*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Okay, thank you Merle. Terima kasih YB.

Okey, soalan kedua berkenaan dengan libat urus (*engagement*). Sebenarnya kami mempunyai pelbagai jenis libat urus. Sebagai contoh, bila majikan mula-mula berdaftar dengan HRD Corp, kami mengadakan sesi *handholding* untuk memperkenalkan dia apa itu HRD Corp, apa skim-skim yang ada, bagaimana dia boleh menggunakan levi. Itu satu, bila dia baru masuk.

Sepanjang keaktifan mereka dengan HRD Corp, staf kami berada di seluruh negara dan pecahannya bukan sahaja mengikut lokasi geografi, kami juga ada pegawai-pegawai tertentu mengikut sektor. Sebagai contoh, kami ada pegawai-pegawai yang jaga pembuatan, pegawai-pegawai yang menjaga perkhidmatan. So, tugas mereka adalah untuk *engage* dengan majikan sama ada melalui *large scale engagement* melalui persatuan dan sebagainya ataupun *personal visit*. So, that is also happening.

*Then*, ketiga adalah— yang ini *very specific*. Bila kita dapati bahawa ada majikan yang tidak menggunakan levi ataupun kurang menggunakan levi, itu pun juga kami ada sesi-sesi libat urus. Kami pergi untuk menasihatkan mereka, “Okey, mungkin you tak nak hantar orang kepada training, you boleh guna levi dengan cara-cara lain”. So, ini adalah jenis-jenis libat urus yang HRD Corp lakukan di seluruh negara dengan semua majikan yang berdaftar. Itu untuk soalan kedua, YB.

Soalan ketiga, saya rasa yang kalau saya dengar betullah, *correct me if I'm wrong and I apologise, if I'm wrong*. Tapi saya dengar sebenarnya ada dua, *two parts to that questions*. Satu adalah apa *challenges from the majikan sendiri* untuk menggunakan levi mereka. So, saya rasa—I think this is the age-old question lah. Banyak majikan tidak mahu menghantar staf mereka ke latihan atas dua sebab. Satu kerana bila staf itu pergi latihan, dia tak ada di tempat dia untuk buat kerja. Second thing, kalau-kalau dia pergi latihan dan dia increased their skills, dia akan datang balik sama ada cari kerja lain ataupun minta gaji lagi tinggi. So, these are the challenges.

Apa yang kami buat YB, I mean when we do— bila kita buat *engagement session*, we try to tell them training is not the only way untuk address the first concern. Training is not the only way untuk melatih dan meningkatkan kemahiran. We also have things like on the job training. Training yang dilakukan on the job dan sebagainya. Ada benda-benda seperti RPEL dan recognition for certification. So, we addressed those issues in those ways.

Dari segi yang dia punya *second concern* itu, *usually we work with association and government agencies* seperti SME Corp, SME Association untuk mendidik syarikat-syarikat bahawa *it is actually in their interest to upskill their people. So, that is the first part of that question YB.*

*Second part*, saya rasa YB tanya tentang bagaimana kami mengukur keberkesanan latihan. Sebenarnya dalam bidang *learning and development*, ada *two very classic ways to measure effectiveness of training*. Kita menggunakan satu kaedah ataupun satu sistem yang dikenali sebagai Kirkpatrick. Dia mengukur keberkesanan latihan pada empat *level*. *How is the reaction*, berapa banyak yang dipelajari, *what is the long-term outcome*. *So, things like that.*

HRD Corp memang kami jalankan— *we called it TEE (Training Effectiveness Evaluation)*. Memang kami jalankan pengukuran TEE untuk kursus-kursus yang berjalan di bawah HRD Corp. *But for a very long time*, proses yang kami jalankan adalah manual. *So, coverage dia, skop dia tidak sepenuhnya.*

*So again, we are going back to technology*. Mulai tahun depan, kami akan *digitised and standardised* dia punya *TEE mechanism*. *So that at the end of the training, through the super apps* yang saya sebut tadi, setiap peserta boleh *log in*, boleh *key in* dia punya— *the feedback to the training*. *Then from there*, kita akan *collate* dan kita dapat keluarkan satu-satu ukuran— *a comparative rating among all programmes, all training providers*. *This is the effectiveness of the different training providers, different programmes, different trainers* yang berada di bawah *umbrella* HRD Corp.

**Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [HRD Corp]:** Kalau saya boleh tambah Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Siapa yang bercakap itu?

**Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [HRD Corp]:** Saya Wan Yon Shahima. Saya Ketua Pegawai Pelanggan.

Apabila majikan mula berdaftar, selepas berdaftar sahaja, satu taklimat diberi terus kepada majikan secara *online*, juga secara fizikal. Jadi, majikan juga boleh mengikuti bengkel yang diadakan selama dua hari dengan pendekatan yang lebih jelas tentang produk-produk dan juga skim-skim yang ditawarkan kepada majikan. Di samping itu, kami juga menyediakan talian *support*, kami panggil *call centre* yang juga dibantu oleh *Bella chatbot* bagi segala bentuk panggilan dan maklum balas daripada majikan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang produk-produk dan juga *services* yang ditawarkan oleh HRD Corp secara berterusan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini penambahbaikan yang dilakukan?

**Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [HRD Corp]:** Ya. Ini berterusan. Daripada awal kita memang telah ada proses ini tetapi kita menambahbaikkan lagi dengan penggunaan teknologi tinggi. Kita guna *chatbot* untuk memastikan lebih ramai pelanggan dapat *self-service* pengetahuan mengenai *products* dan juga *schemes*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kubang Pasu, saya nampak Kuala Pilah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya nak balik kepada maklum Balas, *statements* dalam maklum Balas ini. Satu *statement* dia sebut, “*Bagi latihan yang dibiayai kerajaan, jenis latihan ditentukan oleh kerajaan sendiri berdasarkan penemuan jawatankuasa latihan sektoral*”. Apa maksud “jawatankuasa latihan sektoral” itu? Boleh bagi pencerahan? Fasal dari segi sistem *used by you* kita tak *familiar*.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Okey. Jawatankuasa latihan sektoral ataupun *sectoral training committee* (STC) adalah satu jawatankuasa...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ini komiti dalam HRD? Kerajaan?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Komiti dalam HRD tapi ahli-ahli komiti tersebut, ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah pakar-pakar industri.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Pakar industri.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** So, kami ada— saya tak ingat berapa STC kita ada... *[Dicelah]* Kita ada 26 STC sekarang ini yang meliputi pelbagai sektor industri dalam negara ini.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ini termasuk yang kita sebut tadi *semiconductors, EV...*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya

**Beberapa Ahli:** Betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ...Yang diminta oleh kerajaan untuk negara?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Ya, betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ini memang kerajaan bagi *fund* lah?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Bukan *[Ketawa]* So, tujuan STC ini...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** So, you tak buat untuk majikan, you buat negara kan? So, kerajaan bagi *fund*?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** *[Mengangguk]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Dia tak boleh pakai levi ini. Levi ini majikan punya, bukan kerajaan punya.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Betul, betul YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tapi kalau you buat *for national interest, of course-lah* majikan *national interest. This is specific national interest.*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Betul, betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Surely kerajaan kena bagi *fund*.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Betul tak?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Betul. Tapi...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Orang kewangan?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Saya pun berharap begitu juga YB Dato'.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Berharap saja? Tapi *la dia tak dak lagi?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Kalau kerajaan boleh bagi untuk HRD Corp untuk menjalankan aktiviti— belum lagi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *But I think it is not right you guna untuk itu, using levy from majikan. Correct dak dari segi prinsip?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *It is not using the levy but we use it because we are a non-profit. CLBG, right? Whatever profits that we make, it is supposed to be used back for the objective and...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *From your investment-lah macam FD semua itu?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *So, whatever profits— not the FD but the profits from the investment, income from the investments, a part of it will go back to the objective.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *I thought the — that income from the investment you should go to majikan also. It is their money.*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *Then, that would not encourage the usage of the levy. [Ketawa]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ya kah? *But this time you should request from government for— this is a big training, tahu? Semikonduktor semua ini. You cannot just take...*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Ya Dato'. Kita memang request to kerajaan untuk...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Not just from dividend. You want to do in the big way, you have to ask money for the fund ya.*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Selepas itu, dia sebut di sini “*Latihan ini kemudiannya dibentangkan kepada lembaga pengarah untuk kelulusan*”. Memang kenalah.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Ya, betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Even government body.*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Betul YB. Yes.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Lepas itu dikatakan “*Lembaga pengarah ini yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan untuk menentukan jenis latihan*”. Lembaga pengarah ini jarang ada pengetahuan yang macam ini. *[Ketawa]* Dia ini depa lawyer, business kan. Ada lah engineer seorang, dua tapi dia tak spesifik *for the training* yang kita nak buat kan. *I think it is something not right there.* “*...lembaga pengarah yang mempunyai kepakaran...*” tapi takkan semua ada kepakaran kut, lembaga pengarah. Dia tahulah fasal duit, pengurusan, tapi dia tak tahu fasal *training* apa nak buat.

Saya tahu fasal saya jaga *investment* di Kedah, Kulim Hi-Tech Park apa semua. So, that's why saya boleh cerita semikonduktor apa semua ini, kan. *I don't think your lembaga pengarah have all these knowledges.*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Actually YB...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *I think that part you must change I think or you should change.*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Actually, YB if you look at our akta, the lembaga pengarah there are 18 orang. 10 daripada mereka must come from the industry, must come from the employers and we have MEF, we have FMM, we have

*SME and then the various associations. So, we have employer association PIKOM that sits on our board. So, they...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Majority from industri lah?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes. 10 from industry.

■1310

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. You answered my question.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Thank you.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Another question is do you work with TalentCorp?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes, YB. Always.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *In what way, you work with TalentCorp? In what way? Kita punya Vice Chairman now is TalentCorp's Chairman. Our batchmate dahulu kan? How do you work with TalentCorp?*

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang Berhormat Pengerusi, saya mewakili KESUMA, jawablah sebab di bawah KESUMA kita ada lima agensi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** TKSU.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Ya, TKSU. Kita ada PERKESO, TalentCorp, NIOSH, kita ada PTPK. Kita di kementerian kita memang ada satu jawatankuasa. Kita ada Akademi KESUMA. So, yang itu kita memang control semua kursus-kursus atau apa sahaja kajian yang dibuat oleh TalentCorp, kita akan panjangkan kepada agensi dan agensi akan melaksanakan. Contohnya, sekarang ini kita tengah buat kajian dengan TalentCorp *on critical occupations list*. So, daripada situ kita tahu lists kerja apa yang sekarang ini dalam kritikal dan kita kongsi dengan semua agensi dan HRD Corp akan masukkan sebagai salah satu kursus yang perlu diberikan kepada majikan-majikan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Good lah. You ada sistem dah. Bagus.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Kita ada.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Lagi satu, *do you get feedback from majikan tak lepas training? Get feedback from majikan, dia yang ini okey kah lepas training, dia better than before kah? Dia dapat kah pengetahuan dia belajar daripada training? Ada feedback from majikan? Terima kasih.*

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Dapat, YB. Memang kami nak men-digitalise-kan proses tersebut supaya kami dapat *feedback* sepenuhnya. Memang ada lah. Jawapannya memang ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kuala Pilah.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tuan, saya hendak tanya sedikit lah. Tahniahlah. Saya lihat ada penambahbaikan terutamanya dalam digitalisasi. Jadi, saya nak tanya tuan tadi. Bila ia mula *migrate* kepada, kita hendak mengelakkan berlakunya pertindanan nama, pertindanan mereka yang diberikan kursus. Bila *you migrate*? Sedang dalam proses kah ataupun dah ada tempoh dimulakan *migrate* dalam digitalisasi ini?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Baik, YB. Untuk New Core System (NCS), dia akan *go live insya-Allah as per plan 1 January 2025*. Kita dalam *process of finalisation and updating the...*

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Maknanya *full migration* ialah pada?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** 1 Januari 2025.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Kalau tak ada apa, kita *move* kepada syor nombor lima.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Okey. Dengan izin YB Pengerusi, syor kelima ialah HRD Corp perlu memastikan setiap aktiviti pelaburan dipantau oleh panel pelaburan dan ahli lembaga pengarah HRD Corp dengan lebih telus dan teratur. Panel pelaburan wajib melaporkan aktiviti pelaburan kepada lembaga pengarah apabila diminta.

*So, with regards to that recommendations from PAC, what HRD Corp has done is that from the beginning of this year of 2024, in all our board meetings, there is an agenda for investment panel to report the activity and the decision that was made at the investment panel meeting for that month.*

*So, that is a fixed agenda that is part of the board meeting for every board meeting in 2024. These are the examples of the meetings that have taken place recently on the 4th of April, the 28th of May and the 10th of September which is the most recent one.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tuan Pengerusi, boleh tanya tak *your* panel pelaburan, dia punya ahli? *Is all complete?* Siapa *is in* your panel pelaburan now? *Because* dulu ada ini sedikit kan? Ada masalah sedikit.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *It is complete YB with the exception of Bank Negara Malaysia. So, that is the one that needs the amendment of the act. Other than that, the quorum is complete. The members are complete.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bila dicadangkan *amendment of the act?* *Is it brought to the Minister's attention?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes. *That is part of the process YB. However, as explained earlier for this particular clause to amend, it is a very simple thing. So, I wouldn't know whether at this moment whether we want to go to Parliament just for one amendment or because the entire act needs to be looked at. We have not amended it and we also want to take into consideration the proposals from PAC, from JAN and also from EY's report in 2018.*

*So, it's an ongoing process which we have taken into account this year as well. With the start of a working committee that was just approved by the board in the last board meeting. The committee is to be headed by Datuk KSU himself.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Untuk makluman YB, di peringkat kementerian atau pun KESUMA. Kita telah mengarahkan semua yang terlibat dalam mana-mana akta. Ada 28 ya?

**Seorang Ahli:** 28.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** 28 akta untuk kita kaji mulai daripada sekarang ini hingga ke tahun depanlah. Jadi, semua ini akan dilaksanakan secara komprehensif. Kita kalau kita pinda satu, satu itu dia macam tak *jive* dalam keadaan keperluan sebenar. Jadi, kita kena tengok lebih komprehensif tetapi elemen yang ditegur sebelum ini akan diambil kira dalam perubahan tersebut.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Satu soalan teknikal. Nombor satu itu, mesyuarat kedua 2024. Nombor dua itu mesyuarat yang keempat, 2024. Ketiga itu, mesyuarat kelima 2024. Mesyuarat ketiga 2024 itu?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** So YB, mesyuarat ketiga was in the same month. So, in that same month the board committees did not sit. It was in the early of May. So, board committee did not sit because if you see the meeting number four is also in May. So, for that month, they only sat once. So, there only the reporting of the board committee was done in the meeting number four and there was no report in meeting number three.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Alright. That means there is board meeting number three lah?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** At the same time, that means April, May within you have three board meetings within two months?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Wow. Okey. That's a lot. How much does the allowance cost?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk makluman YB, sebenarnya kita bentang semua disebabkan kita dah ada semua ahli lembaga pengarah dan segala yang patut dibentangkan kepada ahli lembaga pengarah, kita akan bentangkan semua. Hence, kita akan buat sekiranya yang mungkin.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, Tuan Pengurus. Saya ingin tanya sedikit tentang aktiviti pelaburan. Apabila kita adakan prosiding, kita nampak bahawa pelaburan-pelaburan yang amat *high risk* lah, *option* ya dan yang menyebabkan syarikat seperti Widad, *investment* yang masuk ke Widad itu telah mengalami kerugian yang besar. Adakah HRD Corp masih menjalankan aktiviti *option*?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih kepada soalan YB itu tadi. Ada dua *portion* untuk saya hendak maklumkan berkaitan dengan Widad. Kita... *The moment* kita go for the first investment panel, that is the first agenda for the meeting where kita dah advise minta clearance daripada IP untuk hendak tamatkan perjanjian dengan Widad by 30 November 2024 ini. Kita tengah dalam usaha untuk *negotiate* untuk the exit for the agreement. That's one part.

*As far as the put and call option.* Kita dapat advice daripada pihak *investment panel* itu sendiri yang masih dijalankan tetapi dengan segala proses yang kita telah ketatkan dan ada juga kaunter-kaunter yang kita tak *approve*. IP tak *approve for renewal*. Saya bagi contoh. Berjaya Food yang kita nampak. Starbucks and everything. Kita tak *renew*. Kita tak go for the *renewal* kecuali kaunter-kaunter yang lain yang kita nampak still lagi can make the profit and then pay premium to us.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Saya nak tanya, maksudnya IP dan juga *board* masih setuju tentang pelaburan *option*?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes, correct YB.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk...[Dicelah] Sorry, YB saya nak just tambahkan. Untuk makluman, 85 per cent daripada kita punya *investment* still lagi low risk which is the fix deposit, bond and sukuk. Just 15 peratus sahaja dalam bentuk *put and call* ini. Then kita still lagi revising in terms of which kaunter yang kita akan *put forth*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** The whole issue is bukan tentang apa your 85 peratus conservative and then only like 10 or 15 per cent. The whole issue about

HRD Corp adalah dia patutnya *conservative all the way. 100 per cent.* Sebab ini adalah duit rakyat.

Itulah yang menyebabkan bahawa *certain high-risk investments* seperti Widad itu telah mengalami kerugian. Jadi, itu sebab PAC telah membuat cadangan dan juga syor supaya aktiviti pelaburan ini dipantau dengan lebih berhati-hati dan *all this high-risk activity is not advisable.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Kita ambil maklum YB.

■1320

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *But still you are going, still you are continuing.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *As per advised by the IP, yes, we are still continuing* tapi kita ketatkan lagi proses.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Who's your IP chairman now?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** YB, *the chairman is currently Datuk Abu Huraira, who is also the chairman of the board.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Chairman of the board and chairman of IP.* PAC telah mengesyorkan supaya dia separate sebab ada konflik. Kenapa masih orang yang sama?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *YB, that follows the akta and the akta until it is amended, it is law, and we still have to follow it.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Akta tidak mengatakan bahawa *IP chairman kena jadi – board chairman kena jadi IP chairman.* Akta tidak cakap begitu.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *Akta provides that, YB. It is in section 26.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** AGC boleh komen tentang ini. Adakah akta *section 26 mewajibkan bahawa pengerusi board kena jadi IP chairman?*

**Puan Jastina binti Zainal Abidin [Jabatan Peguam Negara (AGC)]:** Ya, YB. Kalau kita rujuk Seksyen 26(2) itu, panel pelaburan hendaklah terdiri daripada Pengerusi Lembaga atau orang yang sedang melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi Lembaga sebagai pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry sekali lagi, tak dengar, kuat sikit.

**Puan Jastina binti Zainal Abidin [AGC]:** Pengerusi lembaga atau orang yang sedang melaksanakan fungsi Pengerusi Lembaga adalah pengerusi Panel Pelaburan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maka wajiblah ya.

**Puan Jastina binti Zainal Abidin [AGC]:** Ya. *That's as per the provision.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KSM]:** Tapi dalam proses kita nak pinda undang-undang tersebut.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Bolehkah ia dari segi *board* buat resolusi untuk pindaan itu? Tak boleh ya? Dia kena ikut... *[Dicelah]*. Dia kena ikut ini. Okey. Faham, terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** YB, *while we are at that kan, all the good governance practices* itu, kena *check back-lah*. Apa yang ada, *which is not apa kan*. Tak sepatutnya.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KSM]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Mic, mic, mic.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KSM]:** Sorry. Elemen-elemen tentang penilaian itu akan lebih ketat lagi untuk sebelum kita menentukan sama ada kita nak *continue or we stop for anymore encounters* yang patutnya kita tak fokus lagilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya, saya – pada PAC dan juga LKAN juga telah *highlight* tentang isu opsyen. Ini sememangnya adalah dikira *high risk*. Saya pun hairanlah kenapa dia masih dijalankan. Apakah pendirian KSU KESUMA tentang isu ini?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KSM]:** *The due diligence of for the decision-making is very important because kita kena make sure tidak ada risiko yang besar kepada pihak HRD Corp dalam pelaburan tersebut.*

Sebab itu dalam *meeting* yang terkini, saya pun ada hadir sebagai ahli baru dan saya lihat memang kita *digress a lot of things before we make decision on continue or discontinue* tentang *certain* pelaburan tersebutlah. Kita – *we'll be going also into the low risk* punya *approach-lah* untuk pastikan kita ada pelaburan yang berbaloi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Pengerusi, yang 15 peratus yang bukan *high risk* itu, *what is the value like?* Berapa aman dan dalam syarikat mana yang 15 persen itu?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih YB untuk soalan itu. Sekarang ini *value* untuk 15 peratus itu sendiri *stands at RM600 juta*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** RM600 juta?  
*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** RM 600 juta. Tapi kita *compare* dengan RM4 bilion, YB. So, *that – it's about that number* dan kebanyakannya stok-stok yang kita dah *revalue*, kita tak go for *renewal* and tak ada

lagi stok-stok yang baharu, kaunter-kaunter yang baharu *for the last three, four months* yang kita ada. Kebanyakannya *renewal* sahaja.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Tidak jelas] ...dalam bentuk apa? Open market? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Dalam bentuk yang kita beli daripada *open market* dan kita akan *ring-fence through the put and call*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Tidak jelas] ...cost was RM600 million? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *What is the value now? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *The value now is about RM880...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Untunglah?  
*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untung. *Still* lagi untung

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sayang. Mana yang kita rasa tak berapa nak menyakinkan, contoh...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes. Saya faham Cuma nak bagi *the perspective of the business, of running the business itself. When people say that, you know, we go only for the FD bonds and sukuk 45itab*, saya ada kepentingan ataupun komitmen untuk nak *sustain the business*. Nak *support the technology*, nak *support the people*, nak *support the 45itab ol and everything*.

*Last year, we actually made RM97.5 million worth of net profit* yang kita bawa RM75 juta itu sendiri kepada *strategic initiative account* yang kita dapat untuk *reskilling* dan *upskilling of the people*. So, as much as people say that that we are not meant for making profit, tapi akses inilah yang 45itab oleh bantu rakyat dan kita bukannya *enjoy orang kata buat untuk diri sendiri, tak*. Itu yang cuba saya sampaikan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Mungkin tadi saya bercakap tak pakai *mic*. So, dia tak masuk dalam prosiding. So, saya akan ulang.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Baik, Dato'.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Pertama, *the value of your investment* yang *15 per cent*. Itu RM600 juta. *Your cost was RM600 million*-lah.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *And then now the value is RM800 million.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh bagi nama syarikat-syarikat yang *shares* yang *you beli dalam open market?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Saya tak ada *complete list*, Dato' tapi saya boleh bagi *ballpark number*-lah, *which are the counters* yang kita *still* lagi ada. Yang kita dah jual pun saya boleh beritahu. Yang kita dah jual, kita tak *continue for renewal* adalah Berjaya Food sebab itu berkaitan dengan Starbucks *and whatnot* dan kita tahu *not doing well...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Mencelah]* Kalau ambil *total 100 per cent*, tadi kita cakap 15 persen. *What is the total cost for 100 per cent of your investment?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** RM4 bilion. Sekarang ini adalah RM4.1 bilion

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** RM4.1 billion. *What is the value now?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sorry?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Nilai sekarang?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Nilai sekarang adalah *RM4.5 billion.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** So, *you untung berapa*, RM500 juta?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** RM500 juta.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Yang itulah *you guna untuk yang tadi itu*, B40 dan sebagainya?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Itu adalah *on paper*-lah. Saya tak akan jual dan *everything*. So, biarkan. Tapi...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tapi kalau you invested sampai RM4 bilion, banyaklah duit baki daripada levi itu?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Dato' Wira, saya nak betulkan *that statement*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *That's a lot of money you took from the levy.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Kita tak laburkan RM4 bilion itu sekali gus. Semuanya adalah dalam bentuk *fixed deposits*, bon dan sukuk ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** You kira inilah, sikit-sikitlah.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Staggered-lah, staggered-lah.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes, staggered. *That value is over 30 years.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Probably you jual [Tidak jelas] bukan RM4-over billion-lah? It's not RM4-over billion-lah. Asalnya RM4-over billion but now makin kuranglah. So, what is your new strategy? So, you nak – tak mahu lagi buat investment dalam high-risk 15 persen tadi. What is your plan?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Kita ada a few...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Mencelah] Options?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** ...*proposals* kepada pihak IP, where salah satunya adalah *to appoint External Fund Manager (EFM)* where these Kenanga Investment, Maybank investment arm and everything untuk nak manage our fund. Itu dalam *pipeline*, Dato'. Cuma pengalaman kita...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Then that one cost money.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Exactly.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *They don't do free of charge.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul. Itu yang membuatkan pengalaman...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Since you are doing better now, why you want to get fund manager?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul. Itu adalah *fund manager* itu sendiri yang kita...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** [Mencelah] Or you tak ada lesen? Tapi sekarang kalau tak ada lesen, takkan dia buat sekarang *illegal*? But you okey kan, sekarang? Boleh buat, kan?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Saya adalah pemegang lesen CMA.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Oh, dia ada pegang lesen.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tapi untuk nak buat *trading*, we don't do *trading*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** So, somebody else do for you?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Itu pula untuk di pihak kami adalah *high risk* untuk kita nak buat *trading*. Sebab kita tahu kita tak ademas, kita tak adaso *much of the expert*...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** [Mencelah] You tak ada masa nak *follow*?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Especially open market?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** To go to the open market, nak tengok kan. Membuntang mata saya. Saya ada banyak kerja lagi nak buat.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak tanya...

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Isu dari Kubang Pasu tadi.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** It's okay, it's okay. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Fasal *investment* tadi yang RM4.6 bilion dan kebanyakannya adalah wang daripada levi yang sementara diguna pakai.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Jadi, kalau tiap-tiap tahun pakai 80 peratus, tahun depan pun 80 peratus, jadi yang 20 peratus itu tiap-tiap tahun itu pergi mana? Pergi *investment* ini? Jadi, *investment* ini makin lama makin bertambahlah itu?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul, YB.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Sepatutnya tahun ini pakai 80 peratus. 20 peratus *balance*-nya pakailah tahun depan. Itu baru dia tak bertambah. Ini makin lama makin bertambah *investment*. Ini yang merisaukan ini.

Sebab kalau dia *short-term basis*, pakailah tahun depan. Yang tahun depan 20 per cent itu pakailah tahun yang berikutnya. Kalau dia *accumulated*, 80 peratus sahaja *utilisation* tiap tahun, *investment* ini makin banyak makin bertambah. Jadi, itu bukan tujuan HRD Corp.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sambungan daripada itu juga, *how many per cent exactly from the levy that you collected?* Yang nak digunakan untuk labur ini.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Okey YB, ada dua soalan di situ. Secara *average*-nya pertambahan daripada segi amaun itu sendiri untuk pelaburan, saya kirakan sebanyak lebih kurang RM0.5 bilionlah.

## ■1330

So, maksudnya daripada 2 ke 2.5, 3 ke 3.5, 4 ke 4.5 setiap tahun. Tapi tak bermaksud yang kita kata...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bilion kah *million* ini?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Bilion, bilion.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bilion. Okey, 'B' ya.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tapi taklah bermaksud kita tidak mempunyai salah satu– salah, kita tidak mempunyai *framework* ataupun *guidelines* ataupun polisi untuk kita hendak buat *investment*. And in fact, kita dah buat *benchmarking* dengan pihak PERKESO, kita telah buat *benchmarking* dengan pihak KWAP dan KWSP on *how we actually manage the fund and what percentile should be in the fixed deposit bond* dan sukuk dan selebihnya pergi kepada mana.

Kita dah established all these guidelines and policies in terms of how we actually manage that investment and so far, alhamdulillah we actually making profit out of our investment. And so far, based on my experienced masih lagi terkawal and

kita *always* rujuk kepada pihak *investment panel* untuk satu-satu *decisions on especially on the put and call*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Maknanya tadi yang RM500 juta tiap-tiap tahun pertambahan itu, kalau 10 tahun dah RM5 bilion lagi or *10 years from now* ada *RM10 billion*.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Mathematically yes YB you are right.*

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *I think* sepatutnya dana ini untuk tujuan latihan. *I think the idea HRD Corp is* untuk latihan. Kalau dia *Maintain...*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** YB, dana-dana ini masih lagi duit majikan. Masih lagi duit majikan, *we are not saying that it's not them. It's based on utilisation* kalau dia carum RM10,000 dia akan pakai RM10,000.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Memang. Jadi bermakna...

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** HRD Corp hanya mengambil waktu yang patut dia tak pakai itu untuk kita hendak buat FD sekejap *and then* kita akan masukkan balik *in fact, based on my direction of how we manage the fund. Even overnight* pun saya akan *make sure that it turns out to be some money to HRD Corp so that* kita boleh cover untuk operasi HRD Corp itu sendiri. Tapi duit majikan, *still* lagi duit majikan.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Encik Farizul, mungkin *just highlight* lah keuntungan yang kita dapat itu di mana kita belanjakan dalam konteks tanggungjawab kita.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih Datuk KSU. Banyak sebenarnya komitmen-komitmen kita ini yang orang tak nampak. Kita hendak kena bayar *the* pekerja secara *average*-nya kita akan bayar lebih kurang 50 peratus daripada jumlah kos operasi itu kepada pihak-pihak pekerja HRD Corp itu sendiri itu nombor satu. Nombor dua, kita telah *improve*-kan *so much of our technology. People would say that* teknologi ini pakai murah-murah sebenarnya...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Apa *your annual expenditure* untuk *overhead and other cost* berapa setahun?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Roughly* RM120 juta.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** So, *that can be covered by profit from your investment?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes, betul Dato'.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** So, *you tak pakai duit levi itu...*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tak pakai duit levi. Kita invest duit levi untuk yang *short term* ini dan kita akan *churn up to be the income from the investment*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Come from-berapa per cent you invest dalam long-term, medium-term, short-term.* FD dia tak boleh *short-term*, kan? *Three months, six months.* *Short term* dia berapa persen, *long-term* berapa persen?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** FD 6 bulan. *Roughly I can say that kebanyakannya kita punya game is long-term.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Long-term?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Long-term.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *So long-term macam mana you nak use the cash untuk your operation and all that?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sebab *cash* itu sendiri untuk *fixed deposit consists of 45 peratus daripada jumlah...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** FD?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** FD sahaja 45 peratus.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *For example, three months, three months.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Three months.* Sebab FD itu sendiri kita nampak *even the reallocation of the funds and everything* kalau boleh kita akan *push for the 12 months maximum.* Ada juga yang kita akan buat *three to four months.* Tapi kita nampak kalau lah kita *go for that 12 months and ada requirement* untuk hendak pakai *cash* itu *immediately*, saya akan buat untuk *early maturity.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okay. *Short-term* lah.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Short-term* lah daripada saya buat untuk tiga bulan dan saya dapat *lesser profit*, saya *go for 12 months if something happen I can just auto mutual* lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Ya Bayan Baru, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada mesyuarat ini ke dalam satu penjelasan mantan KE HRD Corp pada page 133. Tuan Elanjelian menyatakan bahawa ketika beliau menjadi KE HRD Corp, HRD Corp hanya melabur wang ke dalam simpanan tetap dan bon. Tiada pelaburan lain dibuat kerana fungsi utama HRD Corp adalah terhadap pembangunan *competency*

dan bakat sumber tenaga manusia dan bukan sebagai entiti pelaburan seperti KWSP atau PERKESO.

Beliau telah cuba memperkenalkan caj fi 4 peratus bagi latihan yang dijalankan bagi menampung kos pengoperasian syarikat yang hanya ditampung oleh pendirian pulangan pelaburan simpanan tetap yang bergantung pada kadar faedah pasaran semasa. Namun HRD Corp kini melabur dalam hartanah serta pasaran opsyen yang lebih berisiko tinggi. Walaupun tidak mempunyai *Chartered Financial Analyst (CFA)*, pelaburan yang dibuat ini telah menyebabkan HRD Corp mengalami kerugian dalam pasaran opsyen sebanyak RM80 juta pada tahun kewangan 2022.

Jadi, berbalik kepada kenyataan daripada CFO, *you have this application to pay for your operating cost, you ada pelaburan dalam IT dan sebagainya. Tetapi the fact is you charge a 4 per cent, okay? You charge a 4 per cent which is well enough untuk HRD Corp yang dulu-dulu. KE dulu boleh buat tetapi KE sekarang tak boleh buat and CFO has to do this high risk investment, I find it perplexing.* Saya tak nampak keperluan itu dan sebenarnya *it should have been conservative.* Penjelasan.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yang Berhormat, *if saya boleh jawab from my perspective of CFO in any organisation. Four per cent untuk fi itu sendiri taklah banyak, dia hanya RM45 juta setahun. Sangat sikit lah. RM45 juta sahaja.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Four per cent, four per cent yang you dapat RM40 juta?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** RM40 juta.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. *You punya training per year is how many billion that you are pushing out? You have RM4.6 billion.* Okey kalau dia berlaku semua lah, kalau katakan semua dijalankan.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Kalau *training* tahun 2024 sahaja kita boleh *say ballpark number is about RM2 billion.* Tapi kita boleh *involve....*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *RM2 billion, four per cent how much?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Bukan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *It's about RM400 million?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *It's not a direct calculation.* Sebab *four per cent* hanya kepada *training fee to training provider.* Kita takkan caj majikan. Kita takkan caj *in terms of the hotel, travelling and allowance* dan hanya fees kecil kepada *training provider* sahaja yang kita caj. *We are not charging to the employers.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Okay how much is it?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Like I said RM45 juta.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** RM45 juta. RM45 juta okey, you punya *operating kos berapa totalnya?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Saya cuba dapatkan data itu sekejap.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Timbalan Pengerusi, mungkin sebelum dia menjawab sikit mungkin mahu penjelasan. Dalam senarai mesyuarat ALP ini yang dibentangkan tadi maksudnya di depan kita ini, adakah di pihak ALP ini memberi maklum balas ataupun pandangan yang langsung kepada lembaga pelaburan ini dalam tempoh bulan April dan Mei hari itu. Ada apa-apa maknanya penambahbaikan di pihak ALP sendiri kepada lembaga pelaburan ini?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *No, there is none. They have just– they have tabled the reports dari investment panel and the Ahli Lembaga Pengarah has taken note of the report.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** YB okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** CFO boleh ya.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *So, total cost per year is about that RM230 million.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *RM230 million?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *That's your total cost?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *RM230 million. Okay, I do a back-of-envelope punya calculation. RM230 million, you have 700 staff your cost per staff is RM328,000 per year, okay? Divided by 12 months per staff cost is RM27,000.*

## ■1340

Saya nampak bahawa ini amat tinggilah sebab akan gaji— okeylah kalau you ada sewa dan sebaginya, pun amat tinggi. Saya...

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** YB, saya nak betulkan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Can you explain please?*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Itu kalau kira based on calculation. Tapi *this is the actual number* yang kita ada ya untuk tahun 2023 dan tahun 2024. Untuk tahun 2023, jumlah kos per staf adalah RM108,000 setahun. So, *that is about RM8,000 per employee per month.* At the same time, kita also tengok juga jumlah revenue yang come in per staf juga. Kita akan tengok effectiveness of our staff whether we are doing a good business per staff or not. In fact, per staf

sebenarnya meningkat daripada RM239,000 kepada RM282,000 setahun daripada tahun 2022 kepada 2023. *Those are in the financial updates to the board.*

*In fact, saya nak tambahkan juga untuk Madam Merle punya comments sebelum ini. Saya dengan volunteer pergi explained to the board on our quarterly financial performance and that is included in the financial that on quarterly basis. I am happy to share with PAC on our quarterly financial performance inclusive of the analysis per region, analysis per staff, analysis in terms of the IT cost and everything else. In fact, the analysis for our investment income.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. *The crust of the problem* adalah adakah pengurusan HRD Corp ini diuruskan dengan baik? Kewangan urus dengan baik atau tidak?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sangat baik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sangat baik? Okey, *that is your word* ya. Okey. Itu bukan— *we cannot take your word*. Itu adalah di atas KESUMA untuk membuat analisis dan untuk buat judgement-lah. *The way I see it* adalah dalam— kalau dulu, KE yang terdahulu, mampu mengurus tadbir dengan empat peratus dan juga caj fi dan juga dengan pulangan daripada *all these FD* dan sebagainya. Saya tidak nampak bahawa kebolehan— saya nampak kebolehan KE sekarang jauh lebih tinggi daripada dulu. Kenapa tidak dapat mengatasi masalah ini?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *May I just give some information YB? Firstly, with regards, just now YB mentioned about the penambahbaikan or any comments from the lembaga ahli pengarah on investment panel, I forgot to mention investment panel has approved a new investment policy. Penambahbaikan of the current investment policy. That has been approved by the investment panel and it's to be approved at the lembaga pengarah. So, that is something new under investment panel that is ongoing.*

*With regards to the question of what the differences between the previous CE and the current CE on the management of the fund, from Mr. Elan's time, Mr. Elan was looking at the number of employers totalling 30,000 after Mr. Elan came the expansion of the act and today, we have close to 90,000 employers. That required the expansion of regional officers and presence of HRD Corp in the various states including Sabah, Sarawak and the smaller towns surrounding Sabah, Sarawak to engage with our employers and encourage training in the regions. So, since Mr. Elan's time to now, our operations have very much berkembang to the regions, to support the expansion of the act.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *No. I think the expansion comes together with higher fees that you collect. That means higher income for HRD Corp. So, I mean it's the same, is it? Okay, I think the issue is that you— kami sebagai PAC, kami ada masalah kerana pembiayaan HRD Corp nampak terlalu mewah. Program-program yang dijalankan tidak menjimatkan, tidak value for money and it is always very, very luxury. Okay? Itu sebab apabila CFO kata pengurusan kewangan ini sangat baik, saya tidak mahu komen. Tapi, saya biarkan KESUMA untuk look into the issue sebab saya nampak bahawa to put the back to the basic question is ini duit majikan. Ini duit pekerja. Sebenarnya bukan majikan, duit pekerja. Tetapi, HRD Corp adalah pemegang amanah. Pemegang amanah itu dia harus mengurus dengan value for money and sejimat-cermat yang mungkin. Akhirnya sekarang, kita nampak bahawa ada kerugian RM80 juta. Okey? Ini menyebabkan kerugian kepada pekerja.*

*Your focus adalah kepada pekerja, jalankan training, bukan— tadi CFO pun confirm bahawa dia tidak ada masa untuk look into all this investment. Kalau kita—you go to investment, investment is very high risk, then they stop goes up and down every second, every minute. So, distraction daripada your core business akan berlaku kalau pelaburan ini dilakukan. Okey? Of course, kita sebagai PAC, kita biarkan board untuk buat keputusan ya. Kita serahkan, tapi teguran kami ini adalah finding kami dan kita ingin tegur supaya board betul-betul faham dan juga KESUMA sebagai agensi pengawal untuk tahu tentang perkara ini. Terima kasih.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Terima kasih YB. KESUMA akan take note dia punya pandangan apa semua. *We will be looking to it. I am going to digress dalam konteks value for money dia orang punya ya lah, whatever inisiatif yang dilakukan untuk melihat bagaimana dia contribute balik kepada kumpulan pekerja ini tadi. Insya-Allah, kita akan tengok di peringkat KESUMA apabila kita akan panggil untuk... [Tidak jelas]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Pengerusi, sikit lagi ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, sila.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tadi kita bercakap fasal *investment portfolio* dan sebagainya, tapi kita tak ada laporan mengenai semua ini. Boleh bagikan copy dekat kita? Nak tengok. Juga, dari segi kos, *operation cost, your fees cost, overhead cost* dan sebagainya.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Boleh YB. Kita akan bagi every quarter, quarter one and quarter two.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, for PAC ya. Yang *latest one* you boleh bagilah ya? *Another one is this*, HRD Corp ada dapat kewangan ataupun peruntukan daripada kerajaan?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Ada.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ada. Berapa jumlah satu tahun dan digunakan untuk apa? Apa maksud...

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk tahun 2024, kita menerima sebanyak RM20 juta dan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Dia khusus untuk apa?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Khusus untuk golongan-golongan rentan ini. B40...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Oh, yang tadi kita bentang itulah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Yes, and specifically for that only.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Memang you fully utilised-lah?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Fully utilised.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okay, thank you.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Setiap duit yang diberikan daripada pihak kerajaan, perlu disediakan laporan sebagaimana yang dibelanjakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Next item. [Dicelah] Next slide.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor keenam YB-YB, HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *limit of authority* dan SOP. So, maklum balas is *that we have a rangka kerja hartanah telah diwujudkan pada 14 November 2022. It is also attached in this presentation. The syor of it is that if you look at the graph.* Langkah pertama, penilaian keperluan aset tersebut. Langkah kedua, pencarian aset untuk memenuhi keperluan. Langkah ketiga, penilaian oleh jawatankuasa dalaman. Langkah keempat, kelulusan panel pelaburan untuk memulakan proses usaha wajar. Langkah kelima, pelaksanaan usaha wajar, penilaian oleh JPPH is included. Lastly, kelulusan akhir oleh panel pelaburan. That is the process and the SOP that we currently have.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Ada apa-apa soalan? No ya? Then, go to next slide. [Dicelah] Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nampak bahawa kita ada—ini ada 11 syor dan bolehkah kita buat dua sesi? *[Dicelah]* Ya. Kerana ada banyak yang kena pergi *meeting*. Saya cadangkan kita buat dua sesi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tapi sebelum ini, bolehkah kita adakan satu sesi dengan—sekarang sambungkan dengan sekejap dengan KSU dan kita excuse-kan HRD Corp.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, sila.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]:** *Take five.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** *Five minutes.*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sebelum itu mungkin—Oh, kita akan ada dengan KSU ya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ha, KSU.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey, okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** KSU, TKSU KESUMA boleh stay, tapi HRD Corp kita minta excuse sekejap. Terima kasih.

*[Saksi-saksi daripada HRD Corp keluar meninggalkan Bilik Jawatankuasa 1]*

## ■1350

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** TKSU. Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih KSU. Saya ingin tanya beberapa soalan tentang HRD Corp. Pertamanya adalah tentang Laporan PAC. Laporan LKAN, okey, Ketua Audit Negara yang tentang tatacaralah. Tatacara kepada Menteri.

Saya ingin tarik perhatian kepada *page* 5-20. Kandungan surat kepada mantan Menteri YB Sumber Manusia dan analisis kedudukan kewangan syarikat A oleh Jabatan Perbendaharaan PSMB. Di mana surat kepada Menteri—mantan Menteri bertarikh 16 Oktober 2023 yang dilaporkan berdasarkan analisis yang telah dibuat, disimpulkan bahawa syarikat tersebut mempunyai potensi yang kukuh untuk terus membesar terutamanya dalam beberapa tahun akan datang.

Keadaan pasaran ekuiti semakin pulih pembaharuan ekuiti swasta ini akan dapat membantu PSMB mencapai objektif pelaburannya. Tetapi, pada masa yang sama, analisis kedudukan kewangan syarikat A oleh Jabatan Perbendaharaan PSMB *their own* apa ini—*their own agency*, dia kata syarikat A itu mengalami tren menurun dan hasil dan pendapatan bersih untuk tempoh beberapa tahun

kebelakangan terdapat peningkatan tekanan terhadap struktur modal yang mana operasi syarikat tidak dapat memenuhi pembayaran faedah. Aliran tunai menurun dan dalam kedudukan negatif untuk tempoh beberapa tahun untuk menunjukkan wang tunai tidak mencukupi untuk membayar faedah.

Ini dalam teguran Laporan Ketua Audit Negara. Di mana *their own internal* punya audit—*internal* punya kewangan kata *this company A* bermasalah. Tetapi, apabila KE bawa pelaburan ini kepada Menteri, dia kata bagus. Maka, ada percanggahan *and this is misleading the Minister*. Okey. So, atas ini—atas kerana tata kelola yang *very serious allegation, not allegation-lah*, ini *report-lah, very serious report*. Maka, LKAN telah mencadangkan bahawa agensi penguatkuasaan dibawa masuk ke HRD Corp. Jadi saya, mohon penjelasan KESUMA, apakah tindakan yang dilakukan ke atas isu ini yang *misleading the Minister*?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Yang ini saya minta tolong TKSU saya untuk membantu. Tapi, sebelum itu nak bagi tahu bahawa tindakan memasukkan agensi penguatkuasaan dalam proses siasatan itu sedang berlaku kan? Dengan menyebabkan peringkat SPRM dan juga apa audit kan? Okey. Tapi untuk *detail*, terbit daripada TKSU.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Terima kasih, YB. Untuk isu yang melibatkan mantan Menteri sebelum inilah di dalam pelaksanaan apa-apa sahaja yang dibuat oleh HRD Corp sebelum ini, dia hanya membuat pembentangan kepada YB Menteri tanpa melibatkan pihak pengurusan atasan. *That's why* bila dah dihantar kepada—telah diangkat ke *board* dan diluluskan, baru kita dimaklumkan. Jadi, sekarang ini kita dah buat penambahbaikan apa-apa yang nak diangkat kepada Menteri mestilah mendapat ulasan daripada KSU.

Sebab KSU yang akan menasihatkan Menteri. So, ini kita dah pun—dah buat tambah baik dan sekarang ini apa sahaja yang cuba dia dapat *endorsement* melalui Menteri. Menteri akan minta kita ada satu format, Menteri ini dah pun mengadakan satu format di mana ulasan daripada bahagian kewangan, ulasan daripada TKSU, ulasan KSU barulah Menteri akan *approve* apa-apa sahaja permohonan yang dibuat oleh pihak HRD Corp. Yang ini kita dah buat tambah baik, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya tidak tanya tentang *way forward*. Saya tentang apa yang berlaku...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang dulu memang kita...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Apakah yang tindakan terhadap isu ini?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang ini kita telah pun di dalam akta kita, memang ada satu tindakan penguatkuasaan. Tetapi, tindakan

penguatkuasaan itu tidak dibuat oleh HRD Corp. HRD Corp tak ada *enforcement*. HRD Corp hanya— *enforcement* dia hanyalah dilibatkan oleh pihak kami di peringkat kementerianlah. Sebab *owner of the* akta itu adalah di kementerian. Kita ada satu bahagian khas di kementerian dipanggil Kawal Selia Agensi CKSP. Cawangan Kawasan Selia Agensi-agensi kita. Jadi, kita akan turun bersekali untuk buat *enforcement*. Yang ini pun kita tengah membuat bersama dengan audit dalam kita teguran-teguran LKAN. Kita tengah mengambil tindakanlah, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, saya bukan *lawyer*. Saya mungkin nanti minta Bangi bantu. Saya baca ini, saya nampak bahawa ini adalah *misleading the Minister and* kalau untuk syarikat atau untuk— dia *is already consider criminal breach of trust*. Okey. Saya nampak bahawa ini adalah isu tindakan, okey, penguatkuasaan terhadap isu ini. Okey. Tapi, saya nampak bahawa tak ada apa-apa yang berlaku?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Sebab dalam akta adalah kuasa Menteri. *That's why* bila dia dapat persetujuan Menteri, dia boleh melaksanakanlah. Cuma, kita buat SOP baru walaupun kuasa Menteri, tetapi sekarang perlu melalui kementerian dan MoF juga mengeluarkan satu arahan kepada semua jabatan-jabatan kerajaan ataupun kementerian, mana-mana agensi ataupun badan berkanun yang memohon apa-apa *endorsement* ataupun kelulusan Menteri ataupun pihak Kementerian Kewangan perlu mendapat persetujuan di peringkat pengurusan atasan.

Tapi, kalau akta memang kuasa Menteri, YB. Menteri boleh meluluskanlah. *That's why* bila disebut nama....

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Betul. Menteri tidak mendapat gambaran yang sebenar...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Ya. Menteri tidak memanggil untuk...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Menteri boleh lulus apa sahaja atas nasihat KE. *Of course*, saya Menteri, saya pun dengar KSU. Okey. I dengar CEO saya. *I put the trust on him*. Tapi, *the fact is he's misled* dan itu sebab adakah siasatan khusus tentang kes ini?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Belum lagi, YB. Kita akan ambil perhatian daripada teguran YB. Sebab setakat ini kita hanya berpegang kepada akta. So, bila akta kata kuasa Menteri membenarkan, kita tak adalah ambil tindakan. Tapi, kalau YB nak minta kita— kita akan semak balik dengan kandungan akta.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini teguran LKAN, bukan saya. Memang sudah dilaporkan. Jadi, saya rasa keperluanlah untuk *look into this specific case*-lah.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Terima kasih, YB. Saya nampak praktis seperti penubuhan Jawatankuasa Siasatan dalam proses jabatan kerajaan, boleh digunakan juga dalam proses untuk kita menyemak balik tentang apa ini...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Saya bercakap baru-baru ini Yang Berhormat, Ketua Audit kata biar tindakan itu dibuat oleh SPRM. *That's why* kami tak tubuhkan apa-apa lagi. Sebab SPRM tengah ambil kes jugalah terhadap apa sahaja yang *statements* yang dibuat oleh KE. Jadi, kami *that's why* kami tak ambil apa-apa tindakan. Ini Ketua Audit sendiri yang minta kita serahkan kepada SPRM Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tapi, isu ini adalah CPT, dia di bawah Akta Polis. Dia bukan akta SPRM. *Penal Code*. Dia *Penal Code*.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Tak ada. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Penal Code*. Dia *Penal Code*.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Setakat ini kita tak ada *report* polis YB. Kita masih menunggu siasat SPRM. Tapi kita akan semak YB. Kalau perlu dibuat tindakan polis, kita akan bincang dengan Menterilah.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Biasanya YB, kalau ikut pengalaman saya di kementerian lain pun, selepas siasatan SPRM, dia akan mencadangkan beberapa tindakan. Sekiranya bukan jatuh di bawah tanggungjawab SPRM punya akta, dia kata contohnya, Akta Jenayah dan dia akan rekomendasi kepada kita untuk buat siasatan menggunakan akta-akta polis dan sebagainyalah.

Ada peringkat yang mengatakan ini harus diambil tindakan secara dalaman oleh pihak kementerian, maka dia akan mencadangkan perkara maka di situ kita akan tubuhkan Jawatankuasa Siasatan. Ini *the normal practice* yang selalu dibuat oleh antara pihak SPRM dengan pihak kementerian.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maaf, Datuk. Bukan Datuk. Saya tak tahu sama ada dah ditanya sebelum ini. Tetapi, sekarang ini siasatan dengan SPRM masih dijalankan? SPRM ada sini? Ada? Dah disahkan, memang masih berjalan?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]:** Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. YB, bagi pihak SPRM memang kami ada menjalankan siasatan. Maksudnya, sekarang ini, berkaitan

dengan Laporan Jawatankuasa Kira-kira PAC yang lepas yang berkaitan dengan *conflict of interest* pengurusan dana latihan ini.

■1400

Inisiatif kami daripada laporan tersebut, kami buat satu maklumatlah. So, maklumat yang *direct* daripada KESUMA berkaitan dengan perkara ini, kami tak ada terima. So inisiatif kami, daripada *Laporan Ketua Audit Negara* itu, kami buatkan maklumat berkaitan dengan dana latihan pelaburan dan pembelian asetlah. So, benda itu masih lagi dalam peringkat maklumat dan dibawa kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat SPRM-lah. So...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Maaf, saya cuma nak fahamkan. Bila dikatakan peringkat maklumat itu, apa maksudnya? Baru mula siasatankah atau macam mana?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Ya.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Dah panggil saksi dan sebagainya?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Belum lagi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Belum lagi panggil saksi?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Belum.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, maksudnya masih awal lagilah?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Ya.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tak ada – saksi tidak dipanggil lagi, tidak diminta untuk beri keterangan dan sebagainya?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Belum lagi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tak ada tangkapan dibuat?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Belum lagi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Maklumat *kut*, makluman *kut*.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** No. Maklumat berkaitan dengan Laporan PAC, kami buat maklumat.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Fail-fail telah diambil oleh SPRM dan juga mantan KSU yang lama bersama dengan Ketua Eksekutif juga telah pun hadir ke SPRM.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Saya tahu hadir, tapi hadir ini ada dua jenis. Satu hadir untuk bagi fail, satu lagi hadir untuk bagi keterangan. Jadi, bila kita nak kata kita tengah buat siasatan itu, bila siasatan dijalankan, perlu dirakam

keterangan juga daripada *persons of interest*-lah, orang yang disiasat dan sebagainya.

Jadi, saya nak dapatkan pengesahan bahawa sekarang ini tak ada lagi siasatan percakapan dirakamkan dan sebagainya untuk siasatan?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Okey, YB. Maksud Dato'...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Maksud saya, KE ada dah dipanggilah untuk memberi keterangan tapi di peringkat KESUMA, belum lagi.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Saya rasa dalam...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tolong rapatkan *mic* itu dengan – itu.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Saya rasa dalam siasatan yang dimaksudkan itu, sebab SPRM banyak dalam isu HRD Corp ini banyak perkara. Salah satunya yang kami ada buat siasatan berkaitan dengan pembelian bangunan... *[Dicelah]* ya, yang itu memang kami ada ambil tindakan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Ambil tindakan daripada segi apa?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Kertas siasatanlah. Kami buka kertas siasatan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Dah rakam percakapan?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Itu semua kami dah ambil.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Dah ambil? So...

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Okey, untuk *part* yang lain seperti dana latihan, pelaburan dan harta tanah yang lain-lain itu, masih di peringkat maklumatlah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi, maknanya bukanlah kata tak ada – siasatan itu ada banyak elemenlah yang dibuat. So, IP telah dibuka untuk bangunan itu tapi untuk yang ini belum lagilah.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Ya, belum lagi. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Untuk kes spesifik tentang *misleading the Menteri*, adakah ini *part of the siasatan*?

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Okey, YB. Kalau kes ini berunsur rasuah, kami akan siasat. *Then* jika bukan – okey, kalau kes ini berunsur rasuah, kami akan siasat *then* jika tiada unsur rasuah tetapi dia berada di kesalahan di jadual lain, bermaksud *I mean KK*, kami akan buat juga. Tapi tengok...

**Seorang Ahli:** Apa itu KK? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Kanun Keseksaan. So, kami akan siasat juga. So *ending* dia, kemungkinan kalau ada kesalahan, kami akan tuduhlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey maksudnya, SPRM boleh tuduh atau dia perlu diserah kepada polis untuk buat pendakwaan untuk siasatan lanjut?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** CBT? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Boleh, boleh.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Boleh.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** CBT boleh juga bawah – SPRM ada kuasa untuk siasat.

**Encik Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Tapi apa pun kami akan bermula dengan unsur rasuah dululah. Kami akan siasat bawah akta kami dululah. Kemudian baru pergi ke lainlah kalau berkaitan.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Yang Berhormat, pegawai-pegawai di KESUMA juga telah dipanggil untuk memberi keteranganlah. Cuma kami tak ingat tarikh. Kalau ada tarikh, kami boleh laporkan kepada YB.

**Encik Zulhairy bin Zaide [SPRM]:** Okey, Yang Berhormat Pengerusi. Saya nak jelaskan di sini. Di SPRM, kita ada Bahagian Siasatan dan juga Bahagian Penyiasatan Tatakelola. Okey, saya Zulhairy daripada Bahagian Penyiasatan Tatakelola.

So, untuk isu LKAN ini di Bahagian Penyiasatan Tatakelola, kita juga ada buka *governance investigation paper*. So, yang ini daripada peringkat kamilah Bahagian Penyiasatan Tatakelola, kita meneliti amalan, sistem dan juga tatacara yang diguna pakai.

Kita akan lihat kelemahan-kelemahan dan yang ini kita masih di peringkat penyiasatan tatakelola dan *the end* nanti kita akan membentangkan penambahbaikan tatakelola di peringkat kementerian dan juga peringkat HRD Corp. Okey, itu untuk makluman daripada saya.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Jadi Tuan, maksudnya, yang Bahagian Penyiasatan Tatakelola ini, ia lebih kepada bukan untuk *criminal investigation*?

**Encik Zulhairy bin Zaide [SPRM]:** Ya.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tapi lebih kepada tengok prosedur dia...

**Encik Zulhairy bin Zaide [SPRM]:** Governance.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Governance dia dapat penuhi pegawai dialah.

**Encik Zulhairy bin Zaidel [SPRM]:** Ya, betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dato' KSU, saya nampak bahawa setiap kementerian memang ada pegawai integriti daripada SPRM. Apakah peranan dia dalam kes ini?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Dalam konteks pegawai integriti ini, dia bukan sahaja menerima sebarang aduan untuk dia siasat – peringkat integritilah. Dalam masa yang sama, dia juga memperkenalkan pelbagai program untuk menasihatkan dalam konteks kita menjalankan tugas itu supaya tidak terlibat dalam proses yang boleh dituduh sebagai melakukannya penyelewengan, rasuah dan sebagainya di bawah Akta SPRM itu. Dia juga bekerjasama *direct* dengan KSU untuk melaporkan sekiranya terdapat perkara-perkara yang didapati bersalah dengan undang-undang yang terpakailah.

Itu antara umumlah dia punya – malah, jika terdapat aduan daripada pihak luar kepada saya terus, *normally* saya akan menggunakan unit integriti ini untuk melakukan tindakan-tindakan yang sewajarnya. Jika terdapat ada kes perlu dirujuk kepada SPRM, perkara itu akan dirujuk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Kes ini telah dilaporkan dalam Parlimen dan itu telah mendapat perhatian daripada KSU dan juga kementerian. Jadi, apa laporan pegawai integriti itu kepada KSU?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Benda ini berlaku sebelum saya masuk hari itu. Mungkin TKSU...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Ini kita pun dah rujuk dengan Ketua Audit Negara. Katanya tunggu dapatkan – selalunya pegawai SPRM kita yang ada dalam unit integriti di kementerian, dia akan dapat *feedback* daripada SPRM sendiri. Kadang-kadang SPRM kata NFA, so dia serah kepada kementerian dan unit integriti kita akan ambil tindakan untuk mewujudkan jawatankuasa siasatan dalaman. Tapi setakat ini kita tak dapat lagi *feedback* itu dan tak ada lagi jawatankuasa siasatan dalaman diwujudkan di peringkat kementerian, YB.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Malah untuk makluman, masa saya melaporkan diri pada 5 September baru-baru ini, saya pun telah dinasihatkan untuk membiarkan siasatan dilakukan terlebih dahulu oleh pihak SPRM sebelum tindakan-tindakan lain di peringkat kementerian.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, antara satu keputusan Menteri adalah – dia jawab dalam Parlimen, adalah membiarkan KE untuk dapatkan *garden leave*. Adakah benda ini dilakukan?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Setakat ini adalah kuasa Menterilah di bawah akta. So, hari itu KE kata dia *willing* untuk mengambil *garden leave*. Dia dah ambil hari itu dan dia masuk balik kerja sekaranglah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, berapa lama dia punya *garden leave*?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Hari itu dia ambil berapa? Sebulan ya? *[Merujuk kepada pegawai] I'm not sure.* Sebulankah? Saya rasa dia ambil sebulan hari itu YB tapi dia dah masuk. Tapi kuasa untuk memberi *garden leave* adalah kuasa Menterilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. *The spirit of garden leave* adalah apabila ada kontroversi yang melibatkan KE, dia harus *leave until* siasatan selesai tetapi apabila kita dengar di sini, siasatan masih berjalan. Kenapa dia boleh balik kembali ke dalam HRD Corp? Itu saya tak faham.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Kuasa untuk memberi *garden leave* bukan kuasa di peringkat *top management*, YB. Jadi, kita kena dapat pandangan Menterilah. Ketua Audit Negara pun tanya saya soalan yang sama. Saya kata kena minta pandangan YB Menteri. Kalau YB Menteri yang mengarahkan untuk dia di-*garden leave*-kan, maka di-*garden leave*-kanlah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Secara rasminya sekarang *garden leave* itu dari bila hingga ke bila?

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Sekarang dah tamatlah. Dia dah masuk bekerja.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Yang pelaksanaan itu.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Saya tak ada tarikhlah, YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh kita rekodkan dalam PAC.

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** Kami semak sekejap YB ya. Kita tak ada tarikh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Apakah pandangan KSU, kalau KSU jumpa Menteri, apa nasihat KSU kepada Menteri?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Kita akan berikan pandangan. Pertama sekali, PAC punya pandangan. Itu yang pertamalah.

Keduanya, kita akan semak daripada segi peraturan tentang *garden leave* dan sebagainya itu sama ada betulkah perkara itu hanya boleh diputuskan di

peringkat Menteri ataupun perlunya ada proses nasihat kepada pihak Menteri oleh pihak kementerian supaya *garden leave* itu ditawarkan kepada CEO.

Sekiranya siasatan oleh pihak SPRM itu menghendakkan *garden leave* itu diambil sehingga siasatan selesai, maka saya akan *refer* baliklah kepada pihak Menteri untuk buat keputusan.

■1410

Sebab keputusan akhirnya nanti akan melibatkan YB Menteri juga mengikut akta, kan? Itu jaminan daripada saya lah sebagai KSU sekarang ini lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Tak ada apa-apa isu nak bangkitkan? So, sekarang kita tangguhkan mesyuarat hari ini...

**Dato' Hajah Norison binti Ramli [KESUMA]:** YB, saya nak menyampuk. Ada satu soalan tadi. Kalau yang itu mengenai KESUMA iaitu melantik *auditor* luar untuk mengaudit semula. Itu adalah PAC yang sebelum ini. Itu kita sebenarnya telah pun membuat proses untuk melantik *auditor* luar. Walau bagaimanapun, kita mendapat arahan daripada Jemaah Menteri supaya tidak menghalang apa yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Jadi, ada satu soalan yang berkaitan dengan— untuk KESUMA melaporkan semula hasil siasatan daripada *auditor* luar, kita tak buat lah YB. Tidak dibenarkan untuk melantik *auditor* luar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya rasa ada sedikit salah faham tentang lantikan audit luar itu. Lantikan *auditor* luar itu adalah tentang *training program*. Bukan audit untuk menyemak LKAN okey. Bukan menyemak LKAN. Bukan menyemak apa PAC buat. Audit luar itu— forensik audit untuk aktiviti yang dikatakan ada *attendees* yang umur 80 lebih, ada yang hadir program hari-hari. Yang dijual nama untuk *claim, falsification* dan verifikasi tidak buat. *All this kind of a hanky-panky* lah dalam *training program*

Jadi, saya rasa KSU perlu dapatkan— kena faham apa yang kami cadangkan dan kena lapor kembali kepada Kabinet untuk keputusan yang baharu lah.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA ]:** Baik YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Jadi, mesyuarat kita pada hari ini kita tangguh dan kita akan sambung pada tarikh yang akan datang. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA ]:** Terima kasih YB Pengerusi dan semua Ahli-ahli YB PAC.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.12 petang]**



**LAPORAN PROSIDING  
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PADA  
RABU, 20 NOVEMBER 2024**



## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 20 November 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Tindakan Susulan:  
Pengurusan Dana Latihan dan  
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

- (i) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)  
YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof  
Ketua Setiausaha
- (ii) HRD CORP  
Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood  
Ketua Eksekutif

PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 20 NOVEMBER 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi  
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]

**Tidak Hadir [*Dengan maaf*]**

YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**EX-OFFICIO**

**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Adibah Hanim binti Ab Hamid [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

*(samb/-)*

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Kementerian Kewangan (MoF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

PKPJ Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPM)]

PSK Mohd Fuad bin Sedet [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Encik Allias bin Alwi [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Natasha binti Muhammad Merejok [Ketua Penolong Pengarah Audit (Audit Syarikat Kerajaan)]

Encik Isam bin Ismail [Penolong Pengarah Audit (Bahagian I)]

Encik Mohamad Azwan bin Ayop [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]

**Kementerian Ekonomi (KE)**

Puan Nurul Aainaa binti Mohamed Nasir [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Puan Noor Azira binti Abd Rashid [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

**SAKSI****Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)**

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]

YBrs. Tuan Sutekno bin Ahmad Belon [Timbalan Ketua Setiausaha (Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi))]

YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Ketua Unit Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

Puan Noor Azura binti Ahmad [Ketua Seksyen Audit Prestasi (Unit Audit Dalam)]

Puan Nazuha binti Mohd Jai [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Undang-undang)]

Mohd Hazim bin Mohd Rejab [Ketua Cawangan (Cawangan Kawalselia dan Penguatkuasaan)]

Encik Muhammad Hilman bin Abdul Samat [Pegawai Khas Ketua Setiausaha (Pejabat Ketua Setiausaha)]

Encik Zulfahmi bin Mohamad Rashid [Penolong Setiausaha (Cawangan Kawalselia dan Penguatkuasaan)]

(samb/-)

**SAKSI (samb/-)****HRD CORP**

Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood [Ketua Eksekutif]  
Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [Ketua Pegawai Kewangan]  
Puan Merle Fernandez [Ketua Pegawai Undang-Undang dan Setiausaha Syarikat]  
Encik Sofian Mohammed Amin [Ketua Pegawai Program]  
Puan Wan Yon Shamina binti Wan Othman [Ketua Pegawai Pelanggan]  
Encik Muhammad Safwan bin Ramli [Ketua Jabatan Perhubungan Kerajaan dan  
Parlimen]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

**RABU, 20 NOVEMBER 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.00 tengah hari**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempergerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan juga selamat tengah hari saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen YB Teresa Kok, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas yang dapat bersama pada tengah hari ini, ahli-ahli ex-officio, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, hari ini kita akan sambung semula prosiding tindakan susulan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad HRD Corp yang mana prosiding pertama telah pun kita adakan pada 23 Oktober 2024 dan kita telah berhenti di syor nombor lima iaitu di slaid nombor 11 pembentangan dan saya harap pembentangan ini disambung semula pada syor enam, slaid nombor 12-lah pembentangan pada hari ini.

Jadi hari ini yang hadir di hadapan PAC sekali lagi Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KESUMA. Selamat datang Datuk. Keduanya, Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp. Ketiga, Yang Berusaha Puan Merle Fernandez, Ketua Pegawai Undang-undang dan juga Setiausaha Syarikat HRD Corp dan keempat, Yang Berusaha Encik Mohamad Farizul bin Yahaya, Ketua Pegawai Kewangan. Jadi tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk Azman, KSU untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Malaysia Madani, salam sejahtera, salam perpaduan. Yang saya hormati Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang*

Berhormat Dato Seri, Datuk, Dato', tuan-tuan, puan-puan, ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan semua wakil-wakil daripada agensi pusat.

Tapi seperti yang telah dimaklumkan tadi oleh Yang Berbahagia Datuk Pengerusi, prosiding hari ini akan menyambung sesi yang telah pun dilaksanakan pada beberapa minggu yang lepas dan kita akan sambung lagi dengan syor yang seterusnya.

Tapi sebelum itu saya nak memaklumkan bahawa hasil daripada *the first session* hari itu, maklumat-maklumat, juga cadangan-cadangan dan nasihat-nasihat yang telah diberikan telah saya bincangkan bersamalah, telah saya panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Malah, dalam masa terdekat ini juga, pihak kami KESUMA dan juga pihak HRD Corp juga akan berjumpa dengan Ketua Audit Negara bagi memberikan penjelasan-penjelasan daripada teguran-teguran audit yang sebelum inilah dalam— kalau tak silap saya dalam beberapa hari lagilah *[Dicelah]* 2 Disember nanti, kami juga akan berjumpa dengan Ketua Audit Negara untuk menerangkan perkara-perkara yang dibangkitkan.

Jadi, tanpa melengahkan masa, saya seterusnya menjemput Puan Merle Fernandez, Ketua Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat untuk terus kepada slaid yang kita tertangguh hari itu iaitu slaid nombor enam. Silakan.

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Terima kasih, Datuk KSU. Dengan izin YB Datuk Wira *and members of the Public Accounts Committee, I will move to syor keenam ya.*

So syor keenam, HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *limits of authority* dan SOP. So maklum balas dari HRD Corp ialah garis panduan bagi perolehan aset iaitu rangka kerja harta tanah telah pun diwujudkan pada 14 November 2022. Rangka kerja harta tanah tersebut telah diluluskan oleh panel pelaburan *and the crux of it is please refer to the chart at the bottom of the page. [Merujuk kepada pembentangan slaid]*

Sebagai proses penambahbaikan dan pelaporan kepada panel pelaburan, akan dibuat secara berterusan, menyediakan SOP berbeza untuk perolehan aset bagi tujuan operasi dan perolehan aset bagi tujuan pelaburan tersebut.

*So if I may YB-YB, rangka kerja harta tanah HRD Corp is langkah pertama penilaian keperluan aset. Langkah kedua, pencarian aset untuk memenuhi keperluan. Langkah ketiga, penilaian oleh jawatankuasa dalaman. Langkah keempat, kelulusan panel pelaburan untuk memulakan proses usaha wajar. Langkah kelima, pelaksanaan usaha wajar penilaian oleh JPPH dan penilaian luaran and five, lastly kelulusan akhir oleh panel pelaburan.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum ini apa dia punya SOP dan langkah-langkah dia?

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Sebelum tahun 2022.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *This is sebelum 2022.*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *This policy and SOP was enforced in 2022.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Jadi apa penambahbaikan yang telah dilakukan?

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *We refer you to our CFO to answer for.*

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* YB Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli Majlis, nama saya Mohamad Farizul bin Yahaya. Saya adalah Ketua Pegawai—CFO for HRD Corp. Sebelum saya mulakan *explanation on the—* garis panduan ini, sebenarnya kita memang dah ada cuma kita tak *make sure* dalam *documentation*.

*So that's why* kita letakkan dalam proses SOP dan juga polisi pada November 2022, YB Pengerusi. Apa yang kita tambah baik di sini adalah kita akan buat dua *so-called rule of thumb*. Satu kita akan *make sure* mesti ada JPPH dan nombor dua, *on top of the JPPH*, kita akan ada penilaian luaran *before we can— even proceed with the acquisition of the asset*.

Saya juga nak tambah juga *in terms of* kita punya penilaian, *in terms of* aset mana yang kita perlu, kita akan *go in terms of the internal consumption* ataupun keperluan *internal* itu sendiri dari segi keperluan daripada segi staf, keperluan dari segi macam mana kita nak *support the majikan* dan juga *training providers* di satu-satu kawasan *before we can even proceed and* sejak daripada itu, kita tak *acquire* kecuali apa yang kita dah *acquired* sebelum ini dan kebanyakannya kita akan *go for the sewaan sahaja*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *Just to recall* baliklah. Benda ini memang dah ada lama cuma tadi CFO bagitahu.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tak ada dokumen. Tidak didokumenkan dalam bentuk SOP yang *proper* yang di-*approve-kan*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dan tidak diamalkan betul-betullah sebelum ini. Betul?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Ia diamalkan sebenarnya Datuk Wira.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sebab kita tengok balik *acquisition of the Menara Ikhlas*, sebenarnya kita *follow the procedure*. Kita memang dapat penilaian JPPH dan juga penilaian luaran. Cuma dia tidak didokumentasikan dalam bentuk SOP dan juga polisi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Pengerusi Datuk Wira. Benda ini sedang— sudah pun dilaksanakan sejak tahun 2022 tetapi tidak didokumenkan, betul?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Betul, YB.

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Didokumenkan pada 2022.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey saya nak suggest. Saya tak tahu *you* ada atau tidak sistem ini. Kalau *you* ada sistem *ISO 9000 Quality System*, dia *sure* didokumenkan. So kalau *you* belum ada, mungkin boleh dipertimbangkan, *you establish ISO 9000 Quality System. Then you tak akan miss*. Apa yang dokumen, *you* akan buat. Apa yang *you* buat, ada didokumen. Dua-dua ada.

*So maybe* itu cara yang terbaiklah *kut*. Kalau tidak *all the way*, kita di Malaysia banyak macam itu pun. Kita buat tapi tak dokumen. Kita tahu nak proses mesin, tapi dokumen untuk proses mesin kita tak tahu. Itu cadanganlah, tak tahu okey atau tidak.

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Terima kasih YB, kita ambil maklum.

**Datuk Wira Pengerusi:** Kejap. Tadi Encik Farizul cakap tidak didokumenkan. Tiba-tiba Setiausaha Syarikat dah didokumenkan. *So, which one* yang betul?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Didokumenkan masa tahun 2022.

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Didokumenkan sejak tahun 2022.

**Seorang Ahli:** Boleh tengok dokumen? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So yang kata tak didokumenkan itu macam mana?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Sebelum tahun 2022.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *All right*, terima kasih.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tadi soalan tentang QS, ISO tadi. Ada ke tak ada dalam HRD Corp?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Untuk ISO, yes kita ada cuma dia tertakluk kepada *training and development of the training* sahaja. Jadi kita akan luaskan perluasan kuasa itu sendiri kepada operasi of HRD Corp.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Teruskan.

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Syor ketujuh, KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik keberkesanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada program-program di bawah geran kerajaan.

■1210

*So, this is the feedback* dari KESUMA sendiri merujuk kepada surat daripada Ketua Setiausaha Negara on 24<sup>th</sup> July 2024 mengenai pelantikan perunding atau juruaudit bebas,

arahan pekeliling kepada kesemua kementerian diingatkan supaya tidak mengambil pendekatan melantik perunding atau juruaudit bebas sebagai tindakan susulan atau semakan semula terhadap apa-apa pemerhatian, teguran dan syor Ketua Audit Negara.

*So, in essence Members of Committee YB-YB, we were advised not to appoint external forensic auditor. How— ya. Okay. However, what we have done with the slides here YB-YB is to give you some survey that was done independently. The first one is by Jabatan Audit Negara themselves when they were doing their audit. To share with you the results of the survey which you will see the two carta. Carta tiga dan carta empat, it is on the maklum balas of the majikan, the employers on program latihan yang ditawarkan oleh HRD Corp, whether it was sesuai dengan kehendak dan keperluan industri. So, you can see from there about 86 per cent have said that it is suitable for their industries.*

*Carta four talks about the efficacy of the training itself and the consequence on the trainees. So, 88 per cent of the employers said that their trainees are— get the skill, they are upskilled in that sense. So, we wanted to share that with you.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya hendak tahu lah respons daripada jabatan JPA ya berkenaan dgn kenyataan surat daripada KSN 24 Julai. Ada tak surat itu ataupun ini? Minta. MOF.

**Seorang Ahli:** Ada tak surat itu? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada surat? Tidak ada?

**Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [JPA]:** Dia tinggal— untuk makluman YB, mungkin JPM boleh ini sebab dia *suit* KSN, Datuk Seri.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, kalau macam itu saya minta Datuk KSU KESUMA boleh dapatkan surat untuk ini daripada ini untuk kita siapkan pelaporan nanti.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Boleh. Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Keduanya, boleh maklumkan pada kita soal selidik yang dilakukan itu terhadap berapa ramai majikan?

**Seorang Ahli:** Sampel sahaja. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, sampel dia.

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Jabatan— JAN, Jabatan Audit Negara. *If you see the maklum balas YB, menurut soal selidik yang dijalankan, it is hampir 90 per cent of the registered employers. The survey was done on 90 per cent. So, at the moment we have about 90,000 at that time.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira nak tahu juga *when was this done?*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *This year. This year when Jabatan Audit Negara came in for the audit exercise.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Datuk Wira Pengerusi, is it possible to achieve 100 per cent tak?*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Sorry?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Is it possible to achieve 100 per cent?*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *This is the feedback from the survey that was done by Jabatan Audit Negara. So...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Should be 100 per cent kan?*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *Maybe they didn't respond YB. [Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya terpanggil untuk menjelaskan sedikit tentang syor ketujuh ini. KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik berkenaan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada program-program di bawah geran kerajaan.

Ini sebenarnya adalah bukan kita nak audit semula audit Laporan Ketua Audit Negara, bukan. Ini adalah untuk audit program-program yang dikatakan... *[Dicelah]* Ada isu contohnya salah satu saksi yang telah memberi keterangan bahawa ada program-program yang di mana peserta-peserta itu datang daripada *group* yang sama, okey. Mereka berulang-ulang menghadiri program. Ada pula yang dikatakan peserta itu lebih daripada umur 80 tahun, menggunakan IC-IC untuk daftar sebagai program tetapi tidak hadir, okey. Ini adalah keceluaran yang berlaku dalam dikatakan pinjam IC untuk menyertai program-program.

So, kita langsung tidak— kita tidak mempertikaikan— untuk rekod ya. Kita tidak mempertikaikan Laporan Ketua Audit Negara. Tetapi apabila kita *deep dive* mendapat maklum balas daripada saksi, kita dapat bahawa ada isu-isu program *false claim* seperti yang saya telah katakan. Itu sebab PAC mencadangkan KESUMA melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik berkenaan program-program latihan ya. Program-program yang dikatakan *false claim*, berulang-ulang dan sebagainya dan keberkesanan ya, keberkesanan program tersebut okey.

Ini untuk sedikit penjelasan. Terima kasih Pengerusi.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Kita ambil maklum tentang saranan YB tadi berkaitan dengan tidak— sebenarnya tidak menyentuh kepada Laporan Ketua Audit Negara. Surat yang daripada Laporan Ketua Audit Negara yang kata daripada KSN itu dah ada di tangan saya. *Just* berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara itu memang betullah, dia kata tidak dibenarkan untuk melantik sebarang juruaudit lain untuk menilai semula Ketua Audit Negara.

Tapi yang YB mentioned tadi itu yang tidak melibatkan Laporan Ketua Audit Negara, tinggal lagi dia melibatkan aduan. Aduan daripada pihak-pihak yang menghantar peserta ini orang yang sama dan sebagainya, *insya-Allah* ini kita boleh tengok ya. Kita akan cuba melakukan siasatan tentang perkara tersebut melalui proses audit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, boleh— Pengerusi, bolehkah KESUMA datang balik tentang keputusan untuk syor nombor tujuh kerana nampaknya ada *misunderstanding* dari segi makna dan maksud PAC. Boleh ya.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Tidak ada masalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak minta pencerahan pasal kaji selidik majikan yang berkata puas hati ini. Jadi, maknanya lebih kurang 10 peratus itu tidak puas hatilah. So, apa kategori yang mereka tidak puas hati itu? *In what category?* Pertama, majikan itu daripada golongan sektor mana? Kedua adalah apa isu sebenar yang mereka tidak puas hati itu, melibatkan jenis-jenis isu yang lebih spesifiklah. *Thank you.*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** Noted YB. *I think we will get— what we will do is we will get the details of those who were not satisfied with the training, where they are from, which industries they are from, which category of employers, so that we can give a more holistic reply. Is that okay?*

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Datuk Wira, saya hendak tanya *this percentage, how many syarikat is involve in this percentage?*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** YB, *it said 90 per cent of majikan berdaftar. So, as of that time it was probably about 90,000. We have 90,000 companies registered with us. So, 90 per cent have taken part in this survey.*

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** *Is it an online survey or do you have you know— because 90,000 is quite a lot of survey to be done to get this data. You just have to find to see the accuracy of it.*

**Puan Merle Fernandez [HRD CORP]:** *We can ask Jabatan Audit Negara. This was done by Jabatan Audit Negara.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jabatan Audit Negara boleh respons tak?

**Encik Allias bin Alwi [JAN]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya Allias daripada Jabatan Audit Negara. Okey, kita telah buat soal selidik tentang perkara ini pada 31 Januari 2024. Kita edarkan kepada 53,509 soal selidik kepada majikan berdaftar bagi *pie chart* yang pertama. Kita cuma terima maklum balas sebanyak 613 ataupun 1.15 peratus daripada soal selidik yang kita edarkan tersebut.

Untuk *pie chart* yang kedua itu sebanyak— yang kita dapat balik maklum balas adalah 325 daripada 869 soal selidik iaitu 37.4 peratus yang kita terima daripada pekerja. Maknanya kita dah hantar keseluruhan itu soal selidik yang banyaklah, cuma *feedback* kita dapat itu hanya itu sahaja. Jadi, analisis ini untuk *pie chart* pertama adalah untuk 613 majikan berdaftar, manakala untuk *pie chart* yang kedua itu untuk 325.

■1220

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya, kenyataan hampir 90 peratus majikan berdaftar itu tak betullah ya dekat sini? Ini kena betulkan ini.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Correct, correct. We acknowledge that.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya *but* kena selari dengan kenyataan daripada pihak Jabatan Audit Negara. Sebab kalau kata 90,000 yang ada berdaftar dan kalau hanya *few hundreds* saja, itu jauh beza. Dah lari dah ini daripada kenyataan ini. So, minta betulkan semula dan berikan *figure* yang sebenarlah. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** YB Pengerusi, kalau...

**Encik Allias bin Alwi [JAN]:** Satu lagi saya nak betulkan pihak HRD. Laporan yang kita— *pie chart* ini tidak ada dalam LKAN tetapi dalam pemerhatian audit. Kita tak bentangkan dalam LKAN. Kita buat ada secara rumusan sahaja daripada situ. Jadi, pemerhatian audit ada perincian dia sebenarnya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu kena betulkan juga. Kena dinyatakan— ya, sambungan.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Just tambahan. *I just*— bolehkah kami dapatkan data bagi *the different state of syarikat that [Dicelah]— did the survey. So that*, kami boleh tahu mana negeri yang *actually very active in HRD Corp, that is very agreeable to HRD Corp. Because* dari Sabah, saya dengar rungutannya adalah banyak. So, *I do not know the 90— that's why I ask for the* peratusanlah *because quite high for 86 per cent that is very happy with HRD Corp punya training.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** YB Pengerusi, saya nak ambil kesempatan juga sebab saya pun baru tahu yang Jabatan Audit ada di sini. Jadi, mungkin boleh berbalik kepada soalan yang ditanya tadi. *Percentage* yang kata tidak setuju itu kalau ada dalam datanya, boleh *di-share* teruslah apakah yang tidak dipersetujui tentang pelaksanaan kursus itu. Sebab wakil Jabatan Audit ada sini.

**Encik Allias bin Alwi [JAN]:** Kita akan bagikan perincian dia selepas mesyuarat ini. Cuma dari segi 8.2 peratus itu adalah meliputi 50 majikan yang kita terimalah, mewakili 50 majikan.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jadi isunya ada atau tidak?

**Encik Allias bin Alwi [JAN]:** Kita tak ada dekat dalam ini. Nanti kita akan kemukakan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, nak tanya slaid seterusnya, boleh tak? *National Training Index* ini adalah HRD Corp punyalah, ya? *The index*.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** So YB, *this is a National Training Index that was diterbitkan oleh HRD Corp together with the collaboration of the parties that you can see there. The research-based organisations, the government bodies, research universities and industry representatives, the employer associations. So, this was not done by HRD Corp alone. It's a collaboration with all of these associations.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, saya nak tanya. Saya tengok *manufacturing* itu, *leader*—dia punya ini kan, *according to your categorisation* itu, 0.98, *that's good-lah*, kan?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes, correct.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *What about—what does “adopter” mean? Agriculture, forestry and fishing, construction, is only 0.48 which is less than 50 per cent and construction is only 0.44. What is the meaning of “adopter”? Why is it low?*

**Encik Soffian Mohammed Amin [Ketua Pegawai Program, HRD Corp]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat petang. Saya Soffian, Ketua Pegawai Program HRD Corp. Ya, biar saya jawab soalan ini, YB.

Okey, secara keseluruhannya, *National Training Index* ini melihat kepada *readiness*—satu, *readiness*. Dua adalah tahap latihan yang dijalankan di dalam sesuatu industri itu merujuk kepada latihan yang dijalankan di bawah skim-skim HRD Corp. So, kalau kita lihat—so dia melihat kepada tiga perkara. Satu tentang kebersediaan syarikat itu untuk menghantar pekerja untuk pergi latihan. Dua, tentang keberkesanan latihan yang penyedia latihan yang menyediakan latihan. Tiga, dari segi betapa banyak pembangunan kemahiran telah pun dijalankan di antara pekerja-pekerja syarikat-syarikat terlibat.

So, kalau kita lihat pada indeks yang diberikan, *manufacturing* sebenarnya merupakan industri ataupun sektor pertama yang termasuk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad. So, maksudnya mereka dah hampir 30 tahun terlibat dalam aktiviti latihan di bawah HRD Corp dan indeks itu menunjukkan kematangan industri pembuatan di dalam pembangunan kemahiran di bawah HRD Corp.

Sektor-sektor lain seperti pertanian dan pembinaan, sebenarnya adalah sektor-sektor yang baru masuk di bawah HRD Corp. Indeks itu menunjukkan bahawa disebabkan oleh mereka baru masuk, kematangan latihan di bawah HRD Corp itu mungkin belum mencapai tahap yang dicapai oleh *manufacturing* yang telah pun lama di bawah HRD Corp. So, *the NTI*

*is actually a measurement of training readiness and training industry* di bawah skim-skim HRD Corp.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Apa yang *adopter*— soalan saya tadi, apa benda maknanya *adopter*? *Leader* itu agaknya *leader-lah*, kan? *Constructions*, kebanyakan *workers*-nya adalah mungkin *foreign workers*, kan? *Imported*, kan? *So, who are you training actually?* *HRD Corp—trains which part? Which category of the construction* ini?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, dana yang dikutip oleh HRD Corp akan digunakan untuk melatih rakyat Malaysia, pekerja berkerakyatan Malaysia. So, saya faham di bawah *agriculture*, di bawah *construction*, memang banyak pekerja asing tapi pekerja-pekerja tersebut tidak termaktub di bawah Akta PSMB. So, kalau untuk majikan-majikan di dalam sektor-sektor ini menghantar pekerja-pekerja asing untuk latihan, dia tidak termasuk di bawah indeks HRD Corp kerana dia tidak akan dibiayai oleh dana-dana HRD Corp.

Balik kepada soalan tadi YB, bila kita cerita tentang *leader, adopter*. Dia menunjukkan berapa jauh. So, *adopter* maksudnya mereka baru bermula untuk mempelbagaikan penggunaan levi HRD Corp dan memperbanyakkan kemahiran latihan. So, *they are new. So that's why we called it adopter. They are starting to adopt*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Yang *construction* ini, sepengetahuan saya dia dah lama dah *construction* sektor ini dengan HRD Corp. Dia bukan baru lagi.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Sebenarnya baru YB, mereka masuk ke dalam Akta PSMB pada tahun 2021.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Tapi *company* dah bayar lama dah, sebelum itu lagi.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Tak— sebelum mereka termasuk di bawah Akta PSMB, saya rasa mereka bayar kepada CIDB bukan kepada HRD Corp.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ada tak kolaborasi *between CIDB dengan HRD Corp* fasal *training* ini? Sebab kedua-dua agensi ini dia ada levi daripada majikan dan pekerja. Ada tak yang koordinasi supaya dia tidak, tak bertindihlah.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Memang ada YB. Saya rasa pun saya perlu jelaskan di sini. HRD Corp, *when we talk about* HRD Corp, kami bukan menjalankan latihan. Latihan dijalankan oleh syarikat-syarikat, agensi-agensi menjalankan latihan. CIDB memang salah satu penyedia latihan yang berdaftar bersama HRD Corp dan mereka juga bukan hanya menyediakan latihan. Mereka juga menyediakan piawaian, petaulahan yang berkaitan dengan industri pembinaan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak minta pencerahan sedikit. *National Training Index* ini...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dato' Ku, sebelum itu— *sorry*. Berkenaan dengan CIDB. CIDB ada kutip levikah tak? Berapa peratus?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Saya mohon maaf YB. Saya tidak ada— *I don't have access to the information*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk KSU boleh tahu?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Saya pun tidak ada maklumat tersebut tapi nanti kita boleh dapatkan maklumatlah untuk itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Nampaknya ada pertindihan lah dari segi sini.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ada tak lagi? Tak ada? [*Merujuk kepada pegawai*]

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sedikit pencerahan, CIDB yang saya faham dia ada levi daripada *any construction being done*. Kalau *factory*-kah, dia ada levi dia. *That's why* kalau *you bring* banyak *manufacturing* itu, dia punya *income* lebih tinggi. Tak tahu— digunakan untuk pelbagai benda lah.

Datuk Wira Pengerusi, saya nak bertanya sedikit mengenai— *we are talking about National Training Index*. Dia *index framework* ini dia ada tiga, kan? *Firm preparedness, workers skill development, training provider effectiveness*. Dia mesti ada *weightage* dia kan antara tiga-tiga ini, kan?

## ■1230

Mungkin satu tempat itu ataupun syarikat itu dia *firm preparedness higher* tetapi *workers skill development* kurang. Begitu juga dengan *training provider* ini. Mungkin dia tak efektif. So, *at the end, dia actually is the average* ini yang buat indeks *you get*. But can you explain 0.98 itu what does it really means? Yang 0.98 NTI itu, boleh cerita tak? And then, the rest; 0.85, 0.77 dan seterusnya. Terima kasih.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Okey. Terima kasih YB. So, macam saya katakan tadi, indeks ini sebenarnya adalah satu ukuran ketersediaan serta aktiviti latihan— ketersediaan sektor-sektor ini dalam pembangunan kemahiran dan juga aktiviti latihan yang berlaku di dalam sektor-sektor tersebut melihat kepada— di bawah *framework* tiga dimensi itu.

So, jika kita lihat, *manufacturing* adalah tinggi kerana satu, macam saya katakan mereka terlampau lama di bawah HRD Corp. Maka, satu penggunaan levi mereka adalah tinggi because dia orang memang dah biasa dengan skim-skim HRD Corp, biasa dengan menggunakan skim-skim HRD Corp untuk menggunakan levi untuk membangunkan kemahiran dan juga pengetahuan pekerja-pekerja mereka, satu.

Dua, dari segi penyedia latihan. Program-program yang khusus untuk *manufacturing* juga mungkin lebih banyak memandangkan mereka telah pun lama di bawah HRD Corp. Of

*course, workers skill development because of* disebabkan oleh masa yang telah lama mereka bersama kami. Bilangan pekerja yang dilatih di bawah— untuk sektor pembuatan di bawah HRD Corp juga agak tinggi.

Untuk yang lain, yang *adopted* itu, memandangkan disebabkan mereka baru masuk di bawah payung HRD Corp, dari segi kursus mungkin kursus-kursus generik itu ada tetapi kursus-kursus yang sangat spesifik itu kami sedang membina bersama dengan industri latihan untuk mewujudkan kursus-kursus tersebut untuk sektor-sektor itu.

So, disebabkan oleh itu, mungkin ketiga-tiga dimensi itu kurang dari segi program yang dilatih, dari segi penyedia latihan, dari segi berapa banyak pembangunan kemahiran yang berlaku. *Because of that*, disebabkan oleh tempoh waktu yang kurang berbanding dengan pembuatan, indeks untuk sektor-sektor tersebut tidak setinggi untuk pembuatan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Sedikit, sambung daripada situ. Berapa peratus daripada jumlah levi yang diterima oleh HRD *comes from manufacturing?* Berapa peratus *services?* Berapa peratus *mining* dan seterusnya? Boleh beri *percentage* tak?

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Sekali lagi saya mohon maaf YB, saya tidak ada maklumat itu sekarang tetapi kita boleh sediakan nanti *report* itu dengan sepenuhnya kepada semua Ahli PAC selepas daripada mesyuarat ini.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Terima kasih YB.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** YB Pengerusi, boleh saya tambah tadi berkaitan tentang— saya dapat masuk akses kepada portal CIDB. Untuk kadar levi tadi, ditanya tadi kan. Untuk CIDB ini, levi sebanyak 0.125 peratus dikenakan ke atas jumlah nilai keseluruhan kerja pembinaan yang melebihi RM500,000. Itu dia punya kadar yang dikenakanlah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih Datuk. Teruskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry, sebelum itu Datuk Pengerusi, untuk tadi syor nombor tujuh yang kita perlukan *forensic audit*. Bolehkah KESUMA memberi *terms and reference of the forensic audit* dan juga syarikat yang akan dilantik kepada PAC dalam satu minggu ya? Boleh? Sebab laporan kita akan keluar dalam sidang ini. Kalau dalam satu minggu, bolehkah bagi maklumat tersebut? Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Boleh ya?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dapat bagi dua, tiga hari ini pun okey.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Okey. *Insya-Allah* boleh.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab senang sahaja itu. Semua dah ada dalam. Okey, teruskan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** So, kita pergi ke syor kelapan ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, sebelum pergi ke syor kelapan, saya nak balik semula kepada syor yang keenam tadi. Sebab saya masih ingat lagi masa kita dalam prosiding itu, sebab yang ini di dalam Rangka Kerja Hartanah dalam *Board Penilaian Pelaburan*. Betul? Kita ada bagi syor untuk dibawakan kepada kelulusan untuk *main board*. Jadi, apa respons tentang cadangan tersebut ya?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** YB, which kelulusan are you referring to YB?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Di page 12, yang ini kan dalam...

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** The SOP?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya. Yang dalam Jawatankuasa Pelaburan, *Chairman* adalah merupakan Pengerusi Panel Pelaburan. Betul?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Betul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dalam jawatankuasa ini, bila dah dibuat kelulusan dan sebagainya, ada tak dibentangkan kepada *main board*? Yang itu tak dinyatakan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** So, as we— I think we updated the last PAC YB. The recommendations for all the decisions at the investment panel are now shared with the Board at every meeting beginning 2024.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Yang itu yang kita nak pengesahan.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, sedikit perkara mengenai slaid 15 itu. Saya melihat *adopted* itu tadi yang melibatkan pertanian dan perikanan itu, memandangkan industri ini yang terkait dengan keterjaminan makanan negara dan sudah tentu industri hiliran yang melibatkan industri makanan ini juga penting.

Apabila kita melihat /level latihan pekerja dalam industri ini agak rendahlah. So, apakah usaha dan komitmen HRD Corp ini untuk mempertingkatkan lagi *skill especially manpower* dalam bidang *agriculture, fisheries* inilah? Terima kasih.

**Encik Soffian Mohammed Amin [HRD Corp]:** Okey. Terima kasih YB. Bagi spesifik kepada sektor *agriculture, forestry and fishing*, terdapat beberapa cabaran dalam sektor-sektor ini sebenarnya. Satu, kerana ia banyak melibatkan tenaga asing.

Dua, banyak daripada perniagaan ataupun syarikat yang terlibat di dalam sektor-sektor ini adalah kecil. Maksudnya, mereka sebenarnya tidak mencarum kepada HRD Corp. So, they don't fall under our act. But having said that, apa yang kami lakukan, memang even

*down to the regional then state level*, memang kami bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan tempatan dan juga agensi-agensi *Federal* untuk macam mana— satu, macam mana kita nak memperkenalkan ataupun menambah kursus-kursus yang spesifik untuk industri ini supaya kita dapat tawarkan kepada syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor ini yang mencarum atau menjadi ahli kepada HRD Corp, satu.

Kedua, kami juga melihat macam mana kami boleh *drive*, kami boleh memacu pembangunan kemahiran di dalam sektor-sektor tersebut melalui program-program spesifik yang mungkin kita boleh *cater* khas untuk sektor-sektor tersebut. Sebab ini adalah antara inisiatif yang kami lakukan dan benda ini memang berterusan. *Both on the Federal and also on the state level*. Okey, terima kasih YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Kuala Pilah.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. Saya nak rujuk balik kepada slaid tentang pelaburan tadi, tentang SOP pelaburan tadi. Di antara langkah satu hingga ke langkah lima ini, saya nak tanya, soalan saya, ada tidak kuasa ataupun kuasa menteri dalam transaksi antara langkah ini dari langkah satu hingga langkah lima? Ada tidak diperuntukkan kuasa menteri dalam langkah-langkah ini?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** YB, tiada.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Tiada ya?

**Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]:** Tiada.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, teruskan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Okey, terima kasih. *We move on to syor kelapan*. KESUMA perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga dan juga program-program yang dilaksanakan.

*So, our maklum balas is KESUMA dan HRD Corp menyambut baik syor oleh PAC supaya KESUMA memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang melibatkan kepentingan kerajaan yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga. So, actually we are already doing this. It is part of our practice with PUU, Bahagian PUU.*

■1240

*So, any HRD Corp agreements that are signed—that are intended to sign between foreign entities and with other kementerian, other government agencies, it is our SOP that we go through our PUU before it is vetted through by PUU and given the go ahead before the agreement is particularly signed.*

As a penambahbaikan, KESUMA melalui Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan juga akan menyelaras dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dilaksanakan oleh semua agensi di bawah KESUMA. So, we are also trying to go through— to work together with CKSP as well. This is the maklum balas, Yang Berhormat. Okay. Syor kesembilan...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kejap.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Sorry.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nampak Kuala Pilah.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Ya, saya hendak tanya sikitlah. KESUMA dan HRD Corp ini mereka mempunyai penasihat undang-undang yang sama atau berlainan?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Berlainan, Yang Berhormat. Penasihat undang-undang of KESUMA is at kementerian level, Bahagian PUU.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Maknanya *legal advisor* yang berlainanlah ya?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor kesembilan, KESUMA dan HRD Corp perlu menambah baik tata kelola syarikat berlandaskan Laporan Governance Framework Review pada tahun 2018 yang telah dihasilkan oleh Tetuan Ernst & Young. So very quickly Ahli-ahli Yang Berhormat, we had already answered this question during the earlier PAC sessions.

*This framework was in 2018. It was deliberated by the board of 2019 twice and as a result of this framework from Ernst & Young, we have— HRD Corp since 2018 has had numerous policies and also SOPs and if I may point you to page 18, we have since then come out with the board charter, the terms of reference for all board committees, the code of conduct, the enterprise risk management framework, inventory checks on policies and procedures. This is a software and also a department that handles this.*

*For a review of the organisational structure, this started in 2019 and the result of that is a proper organisational structure that is manned, developed and managed by the Human Resource Department. We also have the chief executive and senior management performance evaluation framework. I also want to share with you the limits of authority that was crafted together. In fact, all these documents that are mentioned at page 18 are crafted and drafted together with Ernst & Young and then presented to the board of 2019 and approved by the board and implemented by the board in 2019.*

*So, if I may add, it is the limits of authority that we had established efficiency and effectiveness and approvals in the limits of authority and of course we have had the whistleblowing platform as well. The only thing that is highlighted in red that we have not*

*managed to accomplish is the amendment of the act which now encompasses the proposals from Ernst & Young, the proposals from Jabatan Audit Negara and also the proposals from the Public Accounts Committee.*

*So to take you back, the process for amendment of the act to implement the proposals from Ernst & Young started in 2018 and we have two rang undang-undang that PSMB had come out with. Rang undang-undang meaning we had a draft amended act. However because we had a change in the ministers, the hala tuju of the board changes. So now with PAC and JAN, we have again established a joint working committee that will be chaired by Datuk KSU and we are again looking at all the recommendations that have come forward since Ernst & Young, the board of 2019, the board of 2022 and PAC and JAN recommendation.*

*Also, may I add Yang Berhormat, this report was again shared and reported to the board of 2024, this year where we had updated them that— this is a recommendation by PAC and PAC wants us to present this report again to the board, so it was done in 2024 and it was presented at length the implementation and the recommendations that were done during 2018 right up to 2024.*

*It was presented to Datuk Rosli who is our Chairman of the Risk Committee and then taken to the board and presented at the board. So, this is the background.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Yang Berhormat Pengerusi, untuk makluman sejak September setelah saya joined kementerian ini, telah pun ada arahan untuk pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan di bawahnya mengkaji kembali semula semua undang-undang yang ada sebanyak 28 termasuk yang HRD Corp ini untuk dikaji semula sekiranya terdapat sebarang pindaan-pindaan untuk penambahbaikan. Perkara ini akan berlaku proses sehingga ke tahun hadapan.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Datuk KSU, boleh saya tanya ada *change of board members* kah your BOD? Because— I mean sebab kami sudah buat prosiding lama kan and *change of minister, change of KSU*. Saya hanya mahu dapatkan *the latest board members* dan *board of directors* untuk HRD Corp. Do you have it?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Sejak saya masuk board yang ada itu sehingga hari ini masih lagilah tetapi tidak tahu lah sebelum saya masuk telah berlaku pertukaran ahli atau tidak.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** I think since Yang Berhormat Sim came in, there has not been any changes. Changes were done before that minister and before in 2020. So, the board of 2018, 2020, 2023 have changed.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, saya— Pengerusi, saya nampak bahawa Laporan Ernst & Young ini ada banyak ya di-adopted by HRD Corp. But however, things also

*happened. So, meaning there are still weaknesses in terms of your governance even there is a comprehensive study, that has been so-called adopted.*

*I think based on what you say you have adopted, I don't think it is enough to your self-verification. I think it should be coming from KESUMA.* Saya cadangkan kepada KSU untuk meneliti laporan ini dan tengok apakah betul-betul laporan ini di-adopted ya dekat peringkat HRD Corp.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Bersetuju Yang Berhormat. Tidak apa, yang ini saya bersetuju sebab sebagai orang baru memang hendak kena explore a lot of things-lah berkaitan dengan isu yang dibangkitkan ini. *I'll give full cooperation on this-lah to look into this because kita juga akan menilai banyak perkara di dalam konteks untuk penambahbaikan.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Ya daripada JPA.

**Encik Allias bin Alwi [JAN]:** Ya, Jabatan Audit Negara. Untuk Jabatan Audit Negara, kita tahu ada laporan kajian ini dikeluarkan. Kita dah— laporan ini kalau ikutkan telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2018 ya dan banyak kelemahan yang dilaporkan dalam itu.

Cuma, pada soalan yang berkaitan adakah syor penemuan ini diambil tindakan oleh PSMB, jadi berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1, 2019 bertarikh 19 Februari 2019 dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2, 2019 bertarikh 25 April 2019, syor penemuan yang telah diambil tindakan telah dilaporkan dalam mesyuarat tersebut.

Tetapi bila kita tanya adakah penemuan yang dilaporkan berulang dalam pengauditan yang dijalankan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita dapat daripada pemerhatian audit kita ya. Antaranya melibatkan struktur organisasi PSMB, semakan semula struktur gaji ketua eksekutif yang tidak dimaklumkan kepada lembaga pengarah. Itu kita ada bangkit dalam LKAN dan ketiadaan mesyuarat lembaga pengarah menyebabkan keputusan diangkat untuk kelulusan Yang Berhormat Menteri, LKAN.

So, itu— so, maksudnya ia berulanglah. Tetapi yang ini belum lagilah sama ada ia dah dibentangkan yang terkini untuk mesyuarat lembaga pengarah ini.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *So, maybe I can answer that? I think all those facts are related to 2023, when we did not have a chairman and we did not have a board. So, that's where YBM becomes important for our approvals.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Ada Datuk KSU hendak comment on that?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Perkara ini juga ada dibawa dalam mesyuarat ahli lembaga baru-baru ini berkaitan dengan itu. Jadi, *Chairman of the HRD Corp* ini memaklumkan bahawa kita peringkat board ini sebenarnya kita transparent-lah untuk

berkongsi maklumat kerana tidak ada— *no harms-lah* untuk melaporkan kedudukan, status gaji dan sebagainya. Jadi, perkara ini dah ada dalam minit mesyuarat ahli lembaga yang baru diadakan dalam— bila ya? *Last week?*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *Last week.* 12.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** *Last week.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Adakah perkara contohnya yang di-*highlight*-kan oleh Audit Negara itu akan diperbaiki oleh KESUMA?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya, kita akan— macam saya katakan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya nampak bahawa memang...

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Macam saya katakan tadi saya akan *chair* satu— akan *chair meeting* tentang melihat Laporan Ernst & Young ini termasuklah juga cadangan penambahbaikan yang dibuat oleh audit itu.

■1250

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kuala Pilah nak tanyakah?

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Baik, terima kasih YB *Chairman*. Saya nak tanya sikitlah. Boleh bagi tahu tak tempoh berapa lama ketiadaan *chairman* dan BOD, *board of directors' meeting* dan kuasa Menteri di dalam meluluskan perkara-perkara yang melibatkan HRD Corp ini? Lama tak tiadanya *chairman* dan BOD?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Sepanjang setahun.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Setahun?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *In January of 2023 till January of 2024.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Of course, sorry YB, I forgot to mention.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Ya?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *In— for the month of March, April and May, we had a temporary chairman that was appointed by the Minister so that we could approve our statutory requirements.*

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** *I see. So, that was during the—* maknanya *vacancy of chairman and BOD* ini, kebanyakannya kelulusan-kelulusan yang melibatkan HRD Corp ini diputuskan oleh *Minister*? Betulkah tidak?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Betul, YB.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Nak teruskan?

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Sebenarnya ia memang dibenarkan dalam perundangan kan? Dalam akta kan?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes, we rely on the PSMB Act, Akta Syarikat Section 50.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Ya. Terima kasih.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor kesepuluh. Khusus bagi HRD Corp, jawatan Pegawai Undang-undang...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Sorry.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum pergi ke syor 10, saya nak patah balik di syor nombor lapan. Saya minta maaf. Tadi bila dibentangkan tentang syor nombor lapan, hanya daripada...

**Seorang Ahli:** HRD Corp. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...HRD Corp sahaja yang membuat komen. Cuma, saya perlukan respons daripada pihak KESUMA untuk terangkan bagaimakah boleh main peranan yang lebih besar dalam memantau dan juga meneliti perjanjian-perjanjian yang melibatkan kepentingan kerajaan yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga. Sebab *all this while*— maksudnya HRD Corp terus kepada Yang Berhormat Menteri, present dan sebagainya tanpa melalui— KSU pun kadang-kadang tak tahu dan sebagainya.

So, bagaimana dalam hal ini yang boleh dimainkan oleh Datuk Seri sebagai KSU dan juga untuk memberikan pemantauan yang lebih baik dan juga perhatian yang lebih baik dalam ini?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terangkan juga tentang Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan itu juga. Terima kasih.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya. Semenjak saya masuk sebagai KSU pada bulan September yang lepas, semua berkaitan dengan syarikat-syarikat di bawah kementerian akan melalui proses kepada Cawangan Kawal Selia inilah. Walaupun mereka ada yang mencadangkan ahli-ahli siapa patut dilantik dan sebagainya, mesti melalui cawangan ini dan mereka akan buat *recommendation* kepada KSU. Saya akan menilai dalam konteks profil dan sebagainya dan sedikit *homework* kena buatlah untuk memastikan apa kita cadangkan ke peringkat— *I mean* nasihat kepada pihak-pihak YB Menteri untuk bersetuju dan proses ini akan berlaku.

Baru-baru ini saya melihat prosesnya sebelum-sebelum ini lebih kepada perakuan-perakuan yang dibuat, yang diangkat mana— tetapi saya dah tegaskan, saya rasa dalam PAC

lepas pun saya ada *mentioned*, saya nakkan Cawangan Kawal Selia ini juga akan turut memantau perkara-perkara *performance* berkaitan dengan syarikat di bawah kementerian. Ini satu *firm decision* sayalah untuk memastikan prestasi dan pematuhan pihak-pihak syarikat dalam mengikut akta-akta masing-masing, mengikut perubahan-perubahan penambahbaikan dilakukan dapat dipantau sahaja. Bukan sahaja setakat nak *recommend*, *but we also want to monitor*.

Saya akan seperti yang saya janjikan sebelum ini juga dan saya pun pernah bercakap dengan semua agensi di bawah kementerian untuk— saya akan berbincang dengan Cawangan Kawal Selia ini, nak tengok proses dia macam mana. Buat masa ini, saya belum dapat lagi tengok proses. Saya nampak proses ini biasa tapi dari segi *documentation*-nya macam SOP dan sebagainya, saya perlu lihatlah tentang keupayaan Cawangan Kawal Selia ini untuk memantau prestasi syarikatlah. Itu satu jaminan daripada sayalah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, boleh kongsikan dengan PAC, siapakah yang ada dalam Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan ini? Siapa yang *aid*? Siapa ada...

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Oh, saya nak minta apa ini—tolong.

**Seorang Ahli:** Tuan Hazim. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ha, itu.

**Mohd Hazim bin Mohd Rejab [Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)]:** Assalamualaikum Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, YB-YB, Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan. Saya Mohd Hazim bin Mohd Rejab, Ketua Cawangan, Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, penubuhan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan adalah sebenarnya untuk memantau agensi-agensi di bawah KESUMA. Maknanya, bukan setakat HRD Corp, kita juga ada memantau PERKESO, NIOSH, TalentCorp dan juga Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Jadi, *role* dan *function* Cawangan Kawal Selia adalah sebenarnya mengawal selia dan membantu badan-badan syarikat ini terutamanya dari segi *board of appointment*-lah bila kita nak melantik ahli *board* itu sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah akta. Kedua, kita juga menyelaras dan mengangkat kertas pertimbanganlah berhubung dengan pelantikan ahli lembaga pengarah dan kita juga menyelaras dan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berkaitan dengan Laporan LTPK badan berkanun di bawah kementerian sebagaimana yang diperuntukkan oleh akta. Jika akta menyatakan agensi-agensi perlu melapor laporan perbelanjaan kepada entiti yang lain, Cawangan Kawal Selia akan menyelaras di mana kita dapatkan ulasan-ulasan daripada agensi pusat dan juga agensi-agensi lain yang berkaitanlah.

Jadi, tugas yang kedua adalah berkaitan dengan penguatkuasaan. Yang ini agak sedikit *special* kerana di dalam Akta PSMB itu kita ada Bahagian V, Bahagian Penguatkuasaan. Jadi, *role* dan *function* penguatkuasaan ini tidak diberikan sepenuhnya kepada HRD Corp dan diletakkan di bawah PUU KESUMA. Jadi, Cawangan Kawal Selia membantu PUU KESUMA menyediakan kertas siasatan jika perlu dibawa untuk ke tahap untuk pendakwaan ataupun kita mendapatkan ulasan daripada PUU, *what's next* yang kita perlu buat berdasarkan aduan HRDC, bukannya aduan daripada majikan.

Contoh, kesalahan-kesalahan yang umum yang biasanya dilaksanakan di Cawangan Kawal Selia adalah empat jenis kesalahan iaitu:

- (i) seksyen 13: gagal berdaftar dengan PSMB;
- (ii) seksyen 14: gagal bayar levi;
- (iii) seksyen 40: pengisytiharan tidak betul ataupun palsu; dan
- (iv) seksyen 41 bagi tuntutan dan percubaan untuk membuat tuntutan palsu.

Di sini saya terangkan sedikit, jika pihak PSMB mendapati majikan dalam proses tuntutan levi, latihan, ada berlaku kesalahan-kesalahan yang seperti yang dinyatakan tadi, pihak PSMB akan *forward*-kan aduan itu kepada pihak CKSP iaitu KESUMA dan kita akan berhubung rapatlah dengan PUU ataupun TPR di bawah KESUMA untuk tengok proses-proses seterusnya.

Jadi Yang Berhormat, itu adalah sedikit sebanyaklah berkaitan dengan fungsi dan tugas Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan KESUMA. Saya mengambil maklum ketegasan pihak Datuk KSU untuk membesarkan lagi skop dan tugas cawangan ini, di mana kita akan memantau *performance* dan juga perjanjian-perjanjian di bawah agensi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih. Saya tengok...

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Cuma...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya, Cuma— sorry YB Pengerusi. Saya mohonlah kalau boleh direkodkan. Saya tengok bahagian ini, cawangan ini memang tak mampu nak buat penguatkuasaan. Jadi, kalau dapat dimasukkan dalam Laporan PAC ini *alhamdulillah*, sekurang-kurangnya sebagai asas untuk saya berbincang dengan pihak-pihak serta agensi yang lain supaya perkara ini dapat diberikan tumpuan untuk diberikan kapasiti yang secukupnyalah untuk membantu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, sebab bila dia menerangkan tadi, saya melihat bahawa tugas dan beban kerja yang amat besar. Sebab itu saya nak tahu apakah asas kekuatan yang ada dalam Cawangan Kawal Selia dan

Penguatkuasaan ini dan keanggotaannya. Adakah Cawangan Kawal Selia ini *direct* bawah Datuk KSU ataupun bagaimana?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Untuk makluman, Cawangan Kawal Selia ini memang di bawah Sektor Dasar tetapi— dan mereka juga kepada TKSU dan TKSU kepada saya. Tetapi, memang kita akurlah bahawa kapasiti yang ada hari ini memang tak mampu. Malah, saya...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Berapa ramai yang ada sekarang ini? Bawah cawangan ini?

**Mohd Hazim bin Mohd Rejab [KESUMA]:** Kita ada satu Pegawai PTD 48 iaitu *post* saya dan kita ada Pegawai Perusahaan S44 yang menguruskan penguatkuasaan.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ha, tak mampu. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mohd Hazim bin Mohd Rejab [KESUMA]:** Kita ada Pegawai PTD 41, 44 yang menguruskan kawal selia dan saya ada Pegawai Penyiasat lima orang di bawah penguatkuasaan dan lima orang lagi adalah untuk bantu urusan-urusan pentadbiran cawangan yang lain.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** So, bayangkan Yang Berhormat Pengerusi, kalau kita nak buat semakan dengan *training providers* yang dah *register* bawah HRD itu, mana yang betul-betul *genuine* itu. Tadi kata berapa? 9,000? *[Merujuk kepada pegawai]*

**Seorang Ahli:** 6,000. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** 6,000? Memang amat-amat sukarlah. Hanya apabila ada aduan, barulah kita— aduan pun kalau banyak pun, saya rasa itulah kapasiti yang ada, yang tak mampulah orang kata macam itu.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, Datuk Wira, nak tanya itu yang lima orang penguat kuasa semua itu. *For the whole of Malaysia?*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya, betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih. Teruskan ke syor kesepuluh.

■1300

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor 10 ya. Syor 10 PAC khusus bagi HRD Corp. Jawatan Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat haruslah individu yang berlainan dengan memastikan tanggungjawab berkaitan dapat dijalankan dengan sebaiknya. So, maklum balas HRD Corp *is the person remains the same. I'm still the legal officer and the company secretary.* Berdasarkan seksyen 235 Jadual Keempat Akta Syarikat, peguam bela

dan peguam cara diiktiraf sebagai individu yang layak untuk bertindak sebagai Setiausaha Syarikat. *But taking into consideration, the recommendation of the PAC, we would like to highlight that both positions are under the limits of the authority. So, the limits of the authority that the company's secretary has, legal officer has in HRD Corp is already stated in our limits of authority. Of course, the company secretary's role is also very much dictated in the terms of reference of every board committee in the board charter. So, what I would like to say is all the limits of the authority is in place to cater to any possible conflict of interest that may arise.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak dapat ulasan daripada Datuk KSU, adakah apa yang dilaporkan oleh HRD Corp itu memadai atau apa pandangan KESUMA?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Seperti yang dijelaskan tadi, ia berdasarkan kepada undang-undang yang terpakai di bawah HRD Corp lah. Itu yang saya dinasihatkan sebelum ini.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, nak tahu ya undang-undang apa yang dipakai bawah HRD Corp itu. Ada spesifik undang-undang ke yang kata kena *the same individual*?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *The law doesn't say the same individual. The law just says about the qualification of a company secretary that includes LLB degree holder.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya tak faham lah kenapa HRD Corp is so hardening about this. *What can't you separate into two functions, two individuals. I want the comment from the CEO.*

**Datuk Wira Shahul Hameed bin Shaik Dawood [HRD Corp]:** *Thank you YB. Actually, it's not a hardened rule. Actually, we also deliberated into the board. But HRD Corp is not the only organisation practices such thing in the country. We're also a benchmark some more. Any policy that we do in HRD Corp, Datuk Wira Chairman and the members of the PAC. We do a lot of benchmarking from all the top GLCs and also government-linked companies. So, when we had some study, this is not something which HRD Corp is only adopting this. But we're also deliberated this in the board. Once again, Akta PSMB is the supreme authority of all these things. Along with the terms and references and from the board as well. So, we take direction accordingly from there, Datuk Wira Chairman.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi saya faham lah maksud Bayan Baru itu sebab dalam prosiding-prosiding yang lepas, sebab isu yang berbangkit adalah disebabkan oleh PUU dan juga CoSec orang yang sama. Isu ini dibangkitkan dalam PAC dan ada banyak perkara-perkara yang berbangkit. Sebab itu kita mencadangkan supaya ia haruslah dianggotai oleh orang yang berbeza. Dia bukannya nak compare dengan- tidak adil untuk compare dengan GLC yang lain sebab itu tak menjadi

persoalan. Yang dipersoalkan adalah tentang dua peranan—CoSec dan juga PUU, orang yang sama berlaku dalam HRD Corp. *That's why* kita nak tengok tindakan *immediate* yang dibuat oleh HRD Corp dan juga KESUMA terhadap perkara ini dan ia nya tidak dilakukan dan masih mengekalkan orang yang sama. KSU ada komen, *this one?*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Macam saya perkatakan sebelum-sebelum ini, banyak perkara yang perlu kita *review* dalam konteks akta dan undang-undang yang terpakai di bawah agensi kementerian termasuk HRD lah. Jadi perkara-perkara ini telah masuk dalam salah satu agenda untuk dibincangkan sekiranya berlaku pindaan-pindaan yang perlu dibuat.

Tadi saya katakan proses ini akan berlaku dalam bermula sehingga akhir tahun dan bermula tahun depan juga. Jadi kita harap kita akan jelas lagi lah tentang peranan pelantikan di mana kedudukan seseorang itu dalam suatu organisasi itu. Adakah dia boleh memegang dua portfolio ataupun hanya boleh memegang satu. Kita akan lihat kepada akta dan undang-undang yang perlu dipinda.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah Datuk mengatakan bahawa terdapat kekangan undang-undang yang menyebabkan tindakan itu tak dapat dibuat sehingga hari ini?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Buat masa ini, penjelasan tadi—macam undang-undang tadi, *quite loose*. Dia tak menyatakan bahawa seseorang itu boleh pegang dua jawatan. Jadi, maknanya sekarang ini bila kita boleh lakukan kajian pindaan pada undang-undang nanti, kita akan lihat adakah perkara ini perlu diperjelaskan dengan jelas dalam undang-undang itu sendiri bahawa seseorang itu hanya boleh memegang satu portfolio, contoh. Itu antara perkara yang akan kita tengok lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, saya fikir—Datuk kita faham tentang apa yang dinyatakan tentang undang-undang dan sebagainya. Semasa kita keluarkan syor itu, kita tahu memang dalam undang-undang tak ada kata perlu ada perbezaan kah apa. Tetapi seperti apa yang Datuk Wira Pengerusi katakan bahawa syor kami itu datangnya daripada pemerhatian dan pengamatan dan dapatan kami tentang permasalahan ataupun isu yang timbul sebelum ini apabila kedua-dua peranan ini dimainkan oleh orang yang sama. Jadi, melainkan ada isu kekangan contohnya kalau kita nak dua pegawai berbeza, maknanya kena bayar dua gaji yang berbeza kah apa, itu mungkin kita boleh terima lah. Tapi hanya kalau kata dalam undang-undang tak ada ataupun di tempat-tempat lain amalan dia adalah sebegini, saya fikir itu tidak menjawab persoalan yang kita bangkitkan dan juga syor khusus yang kita bangkitkan dalam laporan PAC sebelum ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab syor itu pun, hujung ayat itu dapat dijalankan dengan sebaiknya. Maksudnya individu yang lain dapat—bagi

yang terbaik lah. Maksudnya yang ada sekarang ini bila ada dua kerja untuk dipikul oleh seorang, dia tak *up to* yang kita harapkan. Sebab itu kita minta ini lah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Mungkin...

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *May I ask? May I ask this committee because this is about me, everyone is talking, it is about me. What are the issues that were raised by PAC that has come about with this recommendation?*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okay. For the details, you can refer back to our report, *The Hansard* is there. You can read for yourselves. Tapi saya nak balik kepada Datuk KSU, Datuk KSU sebagai pegawai pengawal kepada HRD Corp juga. Apakah keputusan sebab sekarang kita nampak HRD Corp itu tidak setuju untuk *separate the role*. Sebab to the PAC, kita nampak ada *conflict of interest* dan juga *negligence* dari segi– bukan *negligence* lah, *per se* lah. Kita nampak bahawa ada sesuatu yang kita tidak puas hati daripada pemerhatian dan laporan sudah kita tulis. Maka– tetapi nampaknya HRD Corp tidak setuju untuk *separate-kan* jawatan itu. Jadi kita *leave it to the*– kita nak minta Datuk KSU sebagai pegawai pengawal untuk menjalankan tugas bertindak ke atas syor PAC sebab kami yang laporkan di Parlimen. Ini pemerhatian kami semua secara *consensus*. Memang sudah ada asas dan kita rasa perlu dijalankan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Sorry, I'm sorry with all due respect. If I refer to your transcript, the transcript, it refers to the appointment of the Chairman that was made an issue. May I be enlightened or may I ask humbly, what are the other issues besides the appointment of Chairman or is that the sole issue? To be fair.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** I think we are not here to answer your question. We are questioning you, right? So, if you have a problem, please read the report which is already there.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** I have read the report YB with all due respect. I have read it.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Yes. Our deliberation...

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** It is a relation to the appointment of the Chairman and my response on that issue is very clear. It is the law. So how you can say there is negligence on my part for interpreting the law as it is.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** No, no, no. I take it back. I just say that it's not negligence. Sorry I take it back but our deliberation is we're already deliberately, very thoroughly through this report and we write this report. That is our position.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Yes, but the appointment of two separates individuals will not make a difference to the outcome. That is my point.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** That is your opinion.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *It's okay.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *That is not our opinion*

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *That's not an opinion because the appointment of the Chairman is law. It cannot be based on the opinion.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Tak apalah. Saya minta untuk Datuk KSU ambil perhatian tentang perkara ini dan juga memberi respons kemudian. Okey.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey sikit sahaja Datuk Wira. *Best practices on good governances. That's mungkin a little enlightenment lah. It's not just the law. Tapi good governance. Thank you.*

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Saya take note tadi tentang saranan dan nasihat itu dan *insya-Allah* kita akan bincang perkara ini.

#### ■1310

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, teruskan.

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** Syor ke-11. KESUMA perlu mengkaji semula kuasa KE HRD Corp khususnya peranan KE dalam lembaga pengarah serta panel pelaburan dan sekiranya perlu membuat pindaan terhadap Akta PSMB 2001.

*So, as mentioned, the pindaan of the process pemindaan of the akta is ongoing. The matter has been deliberated— will be deliberated with the board and also with the joint working committee. So, as of now to ease appointment to the board and the investment panel is as per Akta PSMB.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, untuk mengkaji semula kuasa ini bila yang nak dibuat pindaan akta itu dalam cadangan?

**Puan Merle Fernandez [HRD Corp]:** *So, as I mentioned, the joint working committee has been approved by the board. The next step will be to call for the joint working committee to sit and deliberate on all recommendations, including this particular recommendation. I'm not sure whether we can call for the meeting this week – sorry, this year. But definitely, the objective is to ensure that we have a rang undang-undang possible for the submission to MOHR by the middle of next year.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya perlukan jawapan daripada Dato' KSU sebab ini KESUMA kan.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Ya. Memang dalam mesyuarat lembaga pun telah *highlight* perkara ini. Draf undang-undang ini— pindaan nanti ini akan dijangkakan pada tahun depanlah. Tapi mungkin *the first half of next year*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, adakah Dato' KSU boleh tolong komen, maksudnya pegawai CEO ini adalah— akan dikeluarkan daripada *board*-lah, betul?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Okey. Kita masih dalam proses teknikal punya *discussion* lagi di peringkat HRD Corp ini. Jadi, untuk peringkat di peringkat kementerian kami, saya rasa macam saya katakan tadi kita akan berunding dengan peringkat Cawangan Kawal Selia, *independent party* selain daripada HRD itu. Jadi, kita akan tengoklah sama ada perkara ini akan berlaku atau seperti mana yang dicadangkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dalam— okeylah. Kalau selalunya kita kata *best practices*-kan. Biasanya CEO ini dia tidak diletakkan di dalam *board*, dia sebagai ex-officio sahaja. Tetapi nampaknya dalam kelemahan dari segi akta ini menyebabkan adalah kuasa dan juga *conflict of interest* dalam pelbagai aspeklah dalam akta yang menyebabkan isu HRD Corp ini.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Itu nanti akan ada peringkat kementerian pula akan menapis tentang cadangan-cadangan yang akan dibuat itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, sebab itu saya minta untuk Dato' KSU tengok, bagi perhatian untuk perkara ini juga ya sebab ini dibincangkan dengan banyak kali dalam prosiding-prosiding yang sebelum Dato' KSU duduk sebagai KSU.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Dengan harapan saya tidak bertukarlah tahun depan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab itu kita tak nak ada hal-hal yang serupa berlaku kembali ya. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, memanglah ada contoh-contoh yang lainkan, syarikat-syarikat yang lain, ada CEO dan sebagainya. Tapi *don't forget KESUMA should be the model of* sumber manusia. So, you tidak boleh quote orang lainlah. You supposed to be quoted best practices, good governance. Thank you.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Saya bersetuju dengan perkara tersebut. Sebagai orang baharu dah tentu saya juga perlu explore the history of everything because kita ada berapa KSU yang pernah duduk di sini, mungkin pernah terlibat dalam proses perbincangan perkara ini.

Jadi, itulah macam yang saya kata tadi harapan saya kalau saya diteruskan lagi masih KSU by next year, tidak bertukarlah maknanya. *[Ketawa]* Kalau bertukar nanti, KSU baru dia akan ada lagi *vision*, dia punya perspektif yang berbeza. Tapi, harapan saya memang kita akan cari yang terbaiklah. Best practice itu is always be our full guidance.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dato' KSU, bolehkah kembali kepada syor ke-10? Bolehkah Dato' KSU kembali kepada PAC dalam satu minggulah ya dengan keputusan adakah syor nombor 10 itu akan dilaksanakan atau tidak?

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Bolehlah, boleh. Saya rasa tidak ada masalah untuk kembali. Cuma, mungkin peringkat itu saya akan bergantung kepada *feedback* yang kita akan dapat daripada masa terdekat nantilah.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya Dato', yang ini, okey. Cuma tadi Dato' cakap untuk lihat semula untuk tahun depan, tahun depan. Saya harap ya lah, tahun depan pun lagi satu bulan lebih kan. Tapi saya harap perkara-perkara yang telah pun kita bangkitkan di sini Dato' benar-benar dapat ambil dan beri perhatian sebab isu ini isu yang besar apabila dibawa ke dalam PAC. Ramai di luar sana menunggu dan juga menanti apakah tindakan susulan yang dibuat dengan diberikan tanggungjawab juga kepada KESUMA.

Malang sekali Dato' baru masuk dalam KESUMA bila benda ini berlaku. Sebab itu saya selaku Pengerusi PAC mengharapkan supaya Dato' dapat betul-betul membuat tindakan sewajarnya dan juga perhatian yang sebaiknya dalam memberikan perkara-perkara yang telah pun kita *highlight*-kan dalam *meeting* pada hari ini.

**Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *Insya-Allah*, perkara ini saya cuba *sit down* dan *discuss, digress* perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadilah.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, seterusnya. Dah. Ada apa-apa lain? Okey, saya nak tahu lah ada permintaan audit dalam KESUMA. Jadi kita nak tanya SPRM, apakah siasatan dan juga tindakan terhadap HRD Corp punya ini ya, wakil?

**Seorang Ahli:** *Update. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Update ya. Update.*

**PKPJ Zulhairy bin Zaide [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]:** Okey, terima kasih YB Datuk Wira Pengerusi. Okey saya Zulhairy bin Zaide wakil Bahagian Penyiasatan Tatakelola. Berhubung dengan HRD Corp ini, di pihak kami, kami dah buka tiga kertas penyiasatan tata kelola *on* tiga *different issues*. So, *insya-Allah*, mungkin pada Disember kita akan adakan pembentangan penambahbaikan tata kelola.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Pembentangan fasal tata kelola? Kepada siapa? *[Dicelah]*

**PKPJ Zulhairy bin Zaide [SPRM]:** Pembentangan penambahbaikan tata kelola.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kepada siapa pembentangan itu?

**PKPJ Zulhairy bin Zaide [SPRM]:** Kepada KESUMA dan juga HRD Corp.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana pula dengan siasatan ini kes?

**PSK Mohd Fuad bin Sedet [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]:**

Okey, Yang Berhormat YB. Di bahagian siasatan pula, tiada kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 yang didapati. Maklumat ini kami bawa kepada BPT untuk...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tidak faham, tidak faham. Jelas betul-betul.

**PSK Mohd Fuad bin Sedet [SPRM]:** Okey, di bahagian siasatan, kami ada buka kertas siasatan. Daripada kertas siasatan tersebut, tiada kesalahan di bawah Akta SPRM yang didapati. Daripada kertas siasatan tersebut, kami panjangkan kepada Bahagian Pemeriksaan dan Tatakelola (BPT).

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Jadi, ada apa-apa lagi soalan kepada Ahli PAC? Tidak ada? Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi di atas pembentangan sebentar tadi. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Dato' KSU dan juga Datuk Wira Shahul Hameed, Ketua Eksekutif HRD Corp; Ketua Pegawai Undang-undang Syarikat dan juga Ketua Pegawai Kewangan dan semua yang terlibat dalam prosiding pada hari ini.

*Insyah-Allah,* saya minta kalau dapat bagi dokumen itu secepat mungkin untuk kita siapkan pelaporan kerana kita nak bentangkan dalam *sitting* pada kali ini juga. *Insyah-Allah,* ia akan dibahaskan di dalam Parlimen nanti. Rasanya dalam awal *[Dicelah]* Disember, *Insyah-Allah.*

Saya rasa itu sahaja dan kita tangguhkan prosiding ini pada jam 1.20 tengah hari. Terima kasih. Saya minta semua Ahli PAC untuk *stay* sekejap. Ada beberapa perkara hendak dibincangkan. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.20 tengah hari]***



**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)**

**E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my**



**PARLIMEN  
MALAYSIA**